

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

2019

HARI RABU : 10 JULAI 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 2

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan kesan ke atas ekonomi Malaysia akibat risiko ketidaktentuan persekitaran global khususnya antara Amerika Syarikat dan China mutakhir ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keluaran dalam negeri kasar (KDNK) Malaysia berkembang pada kadar 4.7% pada tahun 2018 dan menyederhana kepada 4.5% pada suku pertama 2019. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan ini masih dalam lingkungan sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2019, iaitu antara 4.3% hingga 4.8%.
2. Senario ini, antara lain disebabkan oleh faktor luaran yang semakin mencabar. Antara cabaran tersebut ialah pertumbuhan ekonomi dan perdagangan global yang rendah disebabkan ketidakpastian dasar monetari negara maju, jangkaan pertumbuhan ekonomi China dan negara Asia lain yang lebih perlahan serta harga komoditi yang tidak menentu. Jangkaan kelembapan ekonomi negara turut mengambil kira tempias perang dagang (trade war) antara Amerika Syarikat dan China yang masih berterusan.
3. *Trade war* di antara Amerika Syarikat dan China memberi kesan negatif kepada dagangan dunia. Ini turut memberi kesan kepada Malaysia memandangkan kedua-dua negara tersebut merupakan rakan dagang utama negara.
4. Walaupun Malaysia akan terkesan berikutan situasi tersebut, permintaan domestik terus menjadi pemacu utama kepada pertumbuhan negara. Usaha terus dikekalkan untuk menjana pertumbuhan ekonomi domestik terutamanya di dalam mempromosikan aktiviti pelaburan dan permintaan penggunaan.
5. Kesan daripada tindakan Amerika Syarikat mengenakan tarif ke atas China, pelabur-pelabur dari China beralih operasi perniagaan

ke Asia Tenggara. Peralihan pelaburan ini akan menguntungkan ekonomi Malaysia.

6. *Trade war* membuka ruang kepada Malaysia untuk meningkatkan eksport komoditi ke China terutamanya minyak sawit yang merupakan barang pengganti kepada minyak soya dan jagung. Pada bulan Mac 2019, syarikat Malaysia telah berjaya menandatangani perjanjian bernilai hampir AS\$900 juta bagi membekal 1.62 juta tan minyak sawit ke China. Dalam tempoh Januari hingga April 2019, eksport minyak sawit Malaysia ke China telah meningkat hampir 255,000 tan dengan nilai eksport sebanyak RM1.4 bilion.

Tuan Yang Di Pertua,

7. Seperti mana yang ditekankan oleh YAB Perdana Menteri di sidang kemuncak ASEAN ke 34 di Bangkok dua minggu yang lalu, Malaysia juga komited untuk meningkatkan inisiatif perdagangan dan mengambil peluang daripada ekonomi negara ASEAN yang mempunyai hampir 650 juta penduduk. YAB Perdana Menteri menyatakan bahawa telah tiba masanya untuk negara ASEAN mengambil inisiatif khusus dalam meningkatkan dagangan antara negara di rantau ini.
8. Dalam hal ini, usaha khusus perlu dilaksanakan bagi mengukuhkan hubungan dagangan di antara 10 negara ASEAN. YAB Perdana Menteri turut menggesa semua negara ahli untuk menggalakkan kesalinghubungan di dalam segala aspek, dari infrastuktur digital, peraturan dan kawalan serta hubungan rakyat di dalam mewujudkan “*Seamless ASEAN*”. Ini akan membuka ruang kepada setiap negara untuk menggunakan *comparative advantage* masing-masing bagi meningkatkan perdagangan rentas sempadan atau *crossborder trade*.

9. Selaras dengan itu, kerjasama serantau Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA), melalui BIMP-EAGA Vision 2025 (BEV2025) telah menetapkan sasaran sebuah wilayah yang berdaya saing dan mampan melalui pelbagai strategi dengan tumpuan kepada pembangunan sektor pertanian dan perikanan, penggunaan teknologi hijau dalam sektor pembuatan dan pembangunan sektor pelancongan.
10. Di bawah BEV2025, sebanyak 69 Projek Infrastruktur Utama (PIP) telah disenaraikan dengan anggaran kos sebanyak AS\$22.7 bilion. Sebanyak 16 projek telah siap dilaksanakan dengan bakinya di pelbagai peringkat pelaksanaan.
11. Manakala di bawah kerjasama Indonesia Malaysia Thailand Growth Triangle (IMT-GT), 41 Projek Kesalinghubungan Fizikal (PCP) telah disenaraikan dengan anggaran kos sebanyak AS\$47 bilion. Sebanyak 5 projek telah siap dilaksanakan dengan bakinya di pelbagai peringkat pelaksanaan.
12. Kedua dua inisiatif PIP dan PCP ini akan meningkatkan kesalinghubungan dan menjadi pemangkin kepada aktiviti perdagangan serta mobiliti penduduk bagi manfaat ekonomi untuk rakyat dan negara serantau.
13. Kerajaan yakin usaha-usaha ini berupaya memastikan Malaysia kekal di landasan pertumbuhan ekonomi yang positif ke arah mencapai sasaran sebagai sebuah negara maju, inklusif dan berdaya tahan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 3

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

NO. SOALAN: 3

DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI [Bagan Serai] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan dalam usaha memulihara isu hidupan liar di Malaysia, kita ada "*Malaysian Elephants Action Plan*", "*Malaysian Tiger Action Plan*", "*Malaysian Orang Utan Action Plan*" dan lain-lainnya. Sejauh manakah plan tindakan ini dilaksanakan dan meyakinkan kejayaannya.

SOALAN NO. 3

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Perlindungan spesies terancam merupakan salah satu daripada sasaran Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025 (DKBK). Bagi tujuan tersebut, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) telah mewujudkan beberapa pelan tindakan untuk melindungi spesies-spesies terancam seperti *National Tiger Conservation Action Plan* (NTCAP) dan *National Elephant Conservation Plan* (NECAP). Di samping itu, Jabatan PERHILITAN juga sedang menyediakan pelan *Malayan Tapir Conservation Action Plan* (MATCAP) untuk konservasi spesies Tapir di Semenanjung Malaysia.

KATS melalui Jabatan PERHILITAN juga telah menyediakan Red List Mamalia Semenanjung Malaysia (*Red List of Mammals for Peninsular Malaysia*) yang telah diadaptasi dari *International Union for Conservation of Nature (IUCN) Red List of Threatened Species*. Red List Mamalia Semenanjung Malaysia memberikan pengelasan kepada 222 spesies di Semenanjung Malaysia kepada *Extinct* (EX), *Critically Endangered* (CR), *Endangered* (EN), *Vulnerable* (VN), *Near Threatened* (NT) dan *Least Concern* (LC). Data-data tersebut dikumpul dan dianalisa melalui maklumat yang diperoleh daripada penyelidik-penyelidik, agensi-agensi dan badan bukan kerajaan. Pengelasan tersebut membolehkan Jabatan PERHILITAN untuk memberikan penekanan yang khusus kepada

spesies-spesies yang dikenal pasti menghampiri pengelasan pupus (*Extinct-EX*).

Kementerian ini melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) juga mengambil inisiatif untuk melaksanakan *Central Forest Spine* (CFS) dan Inisiatif Heart of Borneo bagi menghubungkan kawasan hutan terputus (*fragmented forests*) untuk memastikan habitat hidupan liar terpelihara. Pencapaian fizikal utama yang dapat dilihat melalui pelaksanaan CFS adalah pembinaan *viaduct* dan menara tinjau di Gerik, Perak. Selain itu, sejumlah RM 9.4 juta telah diperuntukkan kepada Jabatan PERHILITAN dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi menjalankan kajian di lapangan berkaitan hidupan liar yang wujud dan perlu dilindungi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
(AYER HITAM)**

TARIKH : 10 JULAI 2019

SOALAN NO. 4

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:-

- (a) apakah komponen projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang tidak lagi dilaksanakan selepas kos terdahulu RM65.5 bilion dikurangkan kepada RM44 bilion. Bukankah ini satu pengecilan skop (*downsizing*) yang pasti akan mengurangkan kos pembinaan dan ianya bukan penjimatan berdasarkan skop asal; dan
- (b) kenapa Kerajaan tidak mengguna pakai cadangan Setiausaha Politik kepada Menteri Kewangan iaitu Tony Pua pada 15 November 2016 yang menganggarkan kos sebenar ECRL hanya RM29 bilion sahaja.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) telah digantung perlaksanaannya bermula daripada tarikh 03 Julai 2018 sehingga 12 April 2019. Selama tempoh tersebut, pihak Kerajaan telah mengambil langkah segera untuk melaksanakan rundingan semula bagi menentukan hala tuju projek dengan pihak Kerajaan Republik Rakyat China dan pihak China Communications Construction Company Ltd. (CCCC) sebagai kontraktor utama Projek yang telah dilantik dan memeterai perjanjian kontrak kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pentaulahan (EPCC) Projek ECRL. Hasil utama rundingan semula tersebut adalah pengurangan kos projek ECRL daripada RM65.5 bilion kepada RM44 bilion atau pengurangan sebanyak RM21.5 billion.

Pengurangan kos sebanyak RM21.5 bilion ini telah berjaya dicapai melalui siri semakan semula aspek kejuruteraan dan kajian kejuruteraan nilai (value engineering) yang menyeluruh merangkumi semua aspek perlaksanaan projek. Kajian teknikal ini dijalankan bersama diantara pihak pemilik Projek yang dilantik Kerajaan, Malaysia Rail Link Sdn Bhd dan CCCC. Hasil utama kajian ialah perubahan jajaran ECRL di antara Kota Bharu, Kelantan ke Dungun, Terengganu dan jajaran di antara Mentakab, Pahang ke Pelabuhan Klang, Selangor.

Hanya jajaran Kota Bharu-Wakaf Bharu-Pengkalan Kubor tidak lagi dilaksanakan kerana ianya tidak menambah nilai yang besar terhadap jaringan pengangkutan rel keretapi pada masa ini. Namun, jajaran Sambungan Utara ini akan dikaji semula pada masa akan datang.

Stesen-stesen yang dibatalkan pula adalah Bentong, Gombak Utara, ITT Gombak, Telaga Papan, Jelawat, Pengkalan Kubor dan Wakaf Bahru. Stesen-stesen baharu yang telah dikenalpasti di sepanjang jajaran ialah Bangi/Kajang, Putrajaya Sentral, Pelabuhan Klang dan stesen-stesen baharu turut dicadangkan di Selangor dan Negeri Sembilan. Oleh yang demikian, tiada pengecilan skop dilaksanakan bagi

NO. SOALAN : 4

projek ini. Disebabkan kontrak asal dipersetujui atas landasan *Government to Government* (G2G), Kerajaan terpaksa berunding dalam kekangan kontrak yang sedia ada untuk meneruskan projek ECRL.

Dalam usaha memutuskan hala tuju Projek ECRL, Kerajaan mempunyai pilihan samada untuk berunding semula atau membayar pampasan sebanyak RM21.78 billion. Justeru itu, Kerajaan memilih untuk kembali semula ke meja rundingan dengan pihak Kerajaan China bagi mendapatkan tawaran lebih baik dari perjanjian asal itu dan kita telah berjaya merundingkan semula dan menjimatkan RM21.5 billion.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA , PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

TARIKH : 10.07.2019 (RABU)

SOALAN NO. 5

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan membanteras gejala rasuah dan salah guna kuasa di kalangan penjawat awam khususnya Jabatan Imigresen dan pihak polis. Adakah Kerajaan berhasrat meminda undang-undang berkenaan dengan pesalah wajib dijatuhi hukuman penjara serta harta dirampas.

JAWAPAN: **YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**
TIMBALAN MENTERI DI JPM

Yang Berhormat,

1. Kerajaan sentiasa merangka formula terbaik dalam memastikan gejala rasuah yang berlaku di negara ini dapat dikurangkan dan seterusnya dihapuskan. Dengan tujuan untuk mencegah dan mengawal, pelbagai langkah telah diambil oleh kerajaan untuk memerangi gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa di kalangan pegawai awam.

2. Pada Januari 2019, kerajaan telah memperkenalkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023. NACP merupakan dasar antirasuah yang mencerminkan harapan tinggi rakyat untuk negara bebas rasuah yang mengamalkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti.

NO SOALAN : 5

3. Kerangka dasar dan strategi NACP merangkumi 6 bidang berisiko yang menjadi keutamaan pelan ini termasuk kecekapan penyampaian perkhidmatan awam. Antara inisiatif yang digariskan bagi menangani risiko rasuah dalam kalangan penjawat awam, khususnya penguatkuasa seperti Jabatan Imigresen dan pihak polis adalah:

- a. Pusingan kerja secara mandatori kepada mereka yang memegang jawatan sensitif (Inisiatif 2.1.1)
- b. Menggalak dan menguruskan nilai baik di tempat kerja berteraskan integriti, akauntabiliti dan kecekapan dalam sektor awam (Inisiatif 2.1.4)
- c. Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) (Inisiatif 2.1.5)
- d. Proses pengeluaran permit dan lessen yang kukuh dan efektif (Inisiatif 2.1.6)
- e. Elemen integriti diambil kira sebagai pra-syarat dalam proses kenaikan pangkat (Inisiatif 2.2.3)

4. Tindakan akan diambil oleh agensi peneraju yang telah dilantik dan diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Setiap inisiatif dipantau oleh GIACC dan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) melalui indikator yang dikenal pasti untuk mengesahkan pelan pelaksanaan.

5. Yang Berhormat, Dalam usaha membanteras gejala rasuah dan salah guna kuasa di kalangan penjawat awam, Kerajaan telah menjadikan pengurusan risiko sebagai asas kepada pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) yang diwajibkan dalam sektor awam di bawah NACP. Perkara ini dijangka akan berjalan dengan lebih lancar dengan lebih 1,000 orang Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) yang telah dilatih oleh Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia, SPRM sejak program ini diperkenalkan.

NO SOALAN : 5

6. Pengurusan Risiko Rasuah atau Corruption Risk Management (CRM) adalah proses pengurusan yang membantu organisasi untuk mengenal pasti risiko rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan yang telah, sedang dan mungkin berlaku dengan menghasilkan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah. Ia menawarkan mekanisme bagi mewujudkan sistem pengurusan yang bercirikan antirasuah dan berdukung nilai integriti dan seterusnya mengurangkan peluang untuk rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.

7. Untuk makluman Yang Berhormat, NACP akan menjadi rujukan utama kepada semua agensi kerajaan dan entiti dalam membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) masing-masing. OACP adalah satu dasar antirasuah di peringkat organisasi yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi. OACP berfokus kepada risiko rasuah sesuatu organisasi dan seterusnya mengenal pasti strategi dan pelan tindakan yang bersesuaian bagi menangani isu dan permasalahan yang berbangkit. Pelaksanaan dan pemantauan OACP akan dilaksanakan di peringkat kementerian, jabatan, agensi atau kerajaan negeri bagi memastikan pelaksanaan pencegahan rasuah yang berkesan di semua peringkat.

8. Di samping itu, Kerajaan telah mengenal pasti 3 agensi bagi membantu sektor awam untuk membangunkan OACP, iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), GIACC dan Institut Integriti Malaysia.

9. Dari semasa ke semasa, pelbagai inisiatif dilaksanakan oleh SPMR untuk membanteras gejala rasuah dan salah guna kuasa di kalangan penjawat awam. SPRM berterusan melaksanakan aktiviti berbentuk pendidikan dan pemahaman berkaitan jenayah rasuah. Dua pendekatan yang digunakan iaitu secara bersemuka dan melalui media.

NO SOALAN : 5

10. Tiga bidang yang menjadi fokus SPRM adalah penguatkuasaan, perolehan dan perlesenan. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah:

- a. Ikrar Bebas Rasuah (IBR)
- b. Ceramah
- c. Majlis penerangan
- d. Perbincangan meja bulat
- e. Kempen melalui media

11. Setiap agensi kerajaan juga mempunyai Unit Integriti yang akan mengerakkan agenda pencegahan rasuah di agensi masing-masing.

12. Berhubung pertanyaan Yang Berhormat Kepong, berkenaan dengan hukuman penjara serta rampasan harta ke atas mereka yang disabitkan kesalahan rasuah, kajian mengenainya sedang dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO 6 BERSEKALI NO 84

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA :

1. YB DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID
[PADANG TERAP - BN]
2. YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG, SARAWAK]

TARIKH :

1. 10 JULAI 2019 (KHAMIS)
2. 16 JULAI 2019 (SELASA)

1. SOALAN NO. 6

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perkembangan usaha untuk memperkenalkan Program Sekolah Kepimpinan Masa Depan Malaysia (MFLS).

2. SOALAN NO. 84

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan status kem-kem swasta yang digunakan semasa PLKN dahulu, memandangkan Kem Bina Negara milik Kerajaan sudah pun memadai untuk menempatkan peserta MFLS.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Izinkan saya menjawab soalan **YB Padang Terap** bersama soalan **YB Lanang** bertarikh 16 Julai 2019 memandangkan skop soalan ini adalah sama iaitu berkaitan dengan Program Sekolah Kepimpinan Masa Depan Malaysia (*Malaysia Future Leaders School* (MFLS)).

SOALAN NO 6 BERSEKALI NO 84

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program MFLS telah bermula pada 1 April 2019. Sehingga kini, sebanyak 4 kohort Program MFLS telah dilaksanakan melibatkan seramai 5,940 orang peserta. Program ini mensasarkan penyertaan seramai 35,000 orang peserta pada tahun 2019 yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah yang berumur antara 15 hingga 17 tahun seluruh Malaysia. Ianya dilaksanakan sebanyak 15 kohort di 16 Kem Wawasan Negara/ pusat latihan terlibat di seluruh negara.
3. Bagi memperkenalkan dan mempromosikan program ini, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah melaksanakan beberapa inisiatif termasuk memberikan taklimat kepada agensi yang berkolaborasi menjayakan program ini. Antaranya ialah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM).
4. Promosi juga dilakukan melalui Portal MFLS, media sosial, Slot Temubual Promosi di media perdana, Pra-pelancaran Program MFLS, Pelancaran MFLS dan Kapsul MFLS.
5. Berkenaan soalan **YB Lanang** pula , **YB Lanang** bertanyakan status kem-kem swasta yang digunakan semasa PLKN dahulu, memandangkan Kem Bina Negara milik Kerajaan sudah pun memadai untuk menempatkan peserta MFLS.
6. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini sebanyak 14 buah Kem Wawasan Negara yang dahulunya dikenali sebagai Kem Bina Negara digunakan bagi tujuan pelaksanaan MFLS di seluruh Malaysia. Namun, pada masa akan datang jika ada keperluan untuk menambah kuantiti kem, maka kem swasta akan diguna pakai dan proses perolehan kem akan menggunakan kaedah tender terbuka.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 7

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) berapa jumlah pencarum dalam PERKESO pada Mac 2019; dan
- (b) adakah Kerajaan mempunyai rancangan bagi memberikan perlindungan kepada pencarum termasuk manfaat kematian di luar masa kerja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, berdasarkan statistik PERKESO sehingga Mac 2019 jumlah pencarum PERKESO adalah seramai 7.08 juta pekerja.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, bagi memberikan perlindungan kepada pencarum termasuk manfaat kematian di luar masa kerja, di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4), Skim Keilatan PERKESO telah menyediakan perlindungan keselamatan sosial 24 jam kepada pekerja dari keilatan atau kematian akibat dari sebarang sebab yang tidak berkaitan dengan pekerjaannya.
3. Bagi kes kemalangan yang berlaku di luar masa kerja termasuk kes kematian, Orang Berinsurans layak mendapat faedah-faedah seperti Pencen Ilat, Bantuan Ilat, Elaun Layanan Sentiasa, Pencen Penakat termasuk Faedah Pengurusan Mayat bagi kes yang melibatkan kematian tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan di bawah Akta 4.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA , PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU]

TARIKH : 10 JULAI 2019

SOALAN

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini kajian Jawatankuasa Pembangunan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya Malaysia (ERC) terhadap cadangan pelaksanaan pendaftaran pengundi secara automatik dan apakah halangan terbesar terhadap pelaksanaan cadangan tersebut.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan bercadang untuk membawa Rang Undang-Undang Bagi Meminda Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan mengenai pendaftaran pemilih secara automatik semasa Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas.

Sekiranya cadangan tersebut dipersetujui untuk dilaksanakan, ia akan melibatkan pindaan bukan sahaja kepada Perlembagaan Persekutuan tetapi juga pindaan kepada peraturan berkaitan pilihan raya, penyediaan proses dan prosedur kerja urusan pendaftaran pemilih serta keperluan sistem dan peralatan untuk pelaksanaan sistem pendaftaran pemilih secara automatik.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG [TANJONG MALIM]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan langkah-langkah dan pencapaian yang dicapai oleh Kementerian dalam menghadapi kempen anti-minyak sawit di Eropah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang telah dibangkitkan oleh **Yang Berhormat Sipitang pada 10 Julai 2019** dan **Yang Berhormat Sarikei pada 16 Julai 2019** yang juga menyentuh tentang perkara yang sama.

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman, pada Mei 2019 yang lalu, Kesatuan Eropah telah pun meluluskan *Delegated Regulation* iaitu dokumen pelengkap kepada *European Union Renewable Energy Directive II* (EU RED II) yang dijangka akan memberi kesan negatif kepada industri sawit negara terutama sekali sebagai sumber biobahan api di Kesatuan Eropah.

Dalam hubungan ini, Kementerian sedang merangka beberapa strategi dan merancang untuk membuat pertimbangan untuk mengambil

tindakan undang-undang di bawah *dispute settlement mechanism* melalui Pertubuhan Perdagangan Dunia (*World Trade Organization* – WTO) terhadap Kesatuan Eropah yang didapati telah melanggar prinsip-prinsip WTO. Pada masa ini, Kementerian sedang bekerjasama Jabatan Peguam Negara dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta lain-lain Kementerian yang berkaitan bagi mendapatkan pandangan dalam menangani isu tersebut melalui WTO.

Tuan Yang Di-Pertua,

Dalam menghadapi situasi yang mencabar ini juga, Kerajaan akan terus secara konsisten melaksanakan perkara berikut:

- (i) mengkritik sekeras-kerasnya langkah yang telah diambil oleh Kesatuan Eropah memandangkan ia dilihat sebagai langkah diskriminasi dan tidak adil terhadap industri sawit negara;
- (ii) bekerjasama melalui *Council of Palm Oil Producing Countries* (CPOPC) untuk merangka usaha-usaha dan aktiviti-aktiviti bagi menangkis sebarang usaha untuk menyekat eksport minyak sawit dan produk-produk sawit;
- (iii) bekerjasama negara-negara anggota ASEAN dalam menyuarakan bantahan terhadap sebarang langkah diskriminasi terhadap ekonomi dan perdagangan serantau sepertimana yang telah dilaksanakan dalam Mesyuarat Dua Hala di antara ASEAN dan Kesatuan Eropah di Brussels, Belgium pada 21 hingga 23 Januari 2019. Dalam mesyuarat tersebut, ASEAN telah memutuskan untuk menangguhkan agenda penaiktarafan hubungan dialog ASEAN-EU ke peringkat Kerjasama Strategik (*Strategic Partnership*) pada satu tarikh yang akan datang; dan
- (iv) Kementerian juga telah berulang kali menyuarakan pendirian dan bantahan negara melalui misi-misi Kementerian dan juga surat bantahan daripada YAB Perdana Menteri dan saya sebagai Menteri Industri Utama kepada ketua-ketua negara anggota Kesatuan Eropah yang berpengaruh berhubung *Delegated Regulation* di bawah EU RED II tersebut yang dilihat akan mendiskriminasi industri sawit negara.

SOALAN NO : 9

(v) Kementerian juga telah membuat edaran risalah mengenai kebaikan minyak sawit dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Perancis dan Bahasa Jerman di pejabat-pejabat Kedutaan Malaysia dan Pejabat Tourism Malaysia yang terpilih di seluruh Eropah bagi tujuan mempromosikan dan menghebahkan mengenai kebaikan minyak sawit.

Selain itu, kerjasama erat telah dijalankan dengan Menteri Luar Negeri, Menteri Industri Utama, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, dan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim dalam menangani isu diskriminasi terhadap industri sawit negara. Kelima-lima Menteri telah bersetuju untuk bersama-sama mempertahankan industri sawit negara di setiap persidangan atau program yang berkaitan sama ada di dalam atau luar negara khususnya di negara Kesatuan Eropah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN :

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kategori-kategori tanah wakaf milik Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu di negeri-negeri Semenanjung.

JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Dipertua,

Secara umumnya, wakaf terbahagi kepada dua (2) kategori, iaitu **Wakaf Ahli** yang dikhususkan manfaatnya kepada ahli keluarga dan **Wakaf Khairi**. Wakaf Khairi pula terbahagi kepada dua (2) iaitu Wakaf Am dan Wakaf Khas.

Kategori tanah wakaf sedia ada milik Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) adalah seperempat yang dinyatakan di dalam Kanun Tanah Negara (KTN) iaitu sama ada pertanian, bangunan atau perusahaan (perindustrian) dan kategori tanah ini ada dinyatakan di dalam geran tanah. Walau bagaimanapun, kategori tanah wakaf boleh berubah berdasarkan permohonan untuk pembangunan atau sebagainya oleh MAIN setelah melalui beberapa proses tukar syarat tanah dengan bayaran yang telah ditetapkan oleh Pejabat Tanah Negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga,

Berdasarkan kepada Kajian Pelan Induk Transformasi Pembangunan Hartanah Wakaf di Malaysia, telah diterbitkan oleh Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN) pada tahun 2016. Semua tanah-tanah wakaf yang telah dibangunkan atau yang akan dibangunkan adalah berdasarkan kepada kategori-kategori iaitu:

- i. Keagamaan
- ii. Pendidikan
- iii. Kesihatan
- iv. Pertanian (industri makanan / penternakan / perladangan)
- v. Perumahan
- vi. Perniagaan dan perkhidmatan
- vii. Infrastruktur dan kemudahan

Tuan Yang Dipertua,

Sebagai sebuah Kerajaan Persekutuan dan menerusi pembahagian kuasa perundangan antara persekutuan dengan negeri dalam Perlembagaan Persekutuan, undang-undang wakaf di Malaysia adalah di bawah bidang kuasa negeri dan pentadbirannya diperuntukkan dalam enakmen pentadbiran agama Islam atau enakmen undang-undang Islam di setiap negeri seperti mana yang dinyatakan di dalam Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, MAIN selaku pemegang amanah tunggal bagi semua harta wakaf sama ada berbentuk harta alih atau harta tak alih di negeri masing-masing dan bertanggungjawab untuk memastikan harta wakaf diuruskan dengan sebaiknya. Oleh yang demikian, sebarang bentuk dan jenis wakaf yang hendak dilaksanakan perlulah mendapat kebenaran dari MAIN yang terlibat sepertimana yang dinyatakan di dalam enakmen wakaf dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 11

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kos membiayai program SBST MyBas Seremban sejak tahun 2015 dan berapakah penumpang (*ridership*) setiap tahun untuk 2016, 2017 dan 2018. Apakah Kerajaan bersedia menyusun semula laluan perkhidmatan MyBas supaya dapat merangkumi kawasan perumahan yang berpenduduk padat agar perkhidmatan yang ditawarkan kepada orang ramai lebih menyeluruh.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM 78.5 juta sejak November 2015 sehingga Disember 2018 untuk pembiayaan program SBST Seremban. Jumlah penumpang mengikut tahun 2015 hingga 2018 adalah 153 ribu, 3.5 juta, 3.6 juta, dan 3.1 juta orang penumpang masing-masing. Kerajaan sentiasa prihatin kepada keperluan rakyat untuk menggunakan pengangkutan awam untuk bergerak ke destinasi yang dituju. Oleh itu, kajian laluan sentiasa dibuat bagi penampaikan perkhidmatan SBST kepada rakyat dan mengoptimumkan pembiayaan yang dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SRI HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD [LIPIS]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 12

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha Kerajaan mengatasi kadar pengangguran yang semakin meningkat sebanyak 9.4% bersamaan 204,000 orang sejak Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih pemerintahan dari Kerajaan terdahulu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran pada suku tahun 2019 mencatatkan kadar 3.3% manakala kadar pengangguran belia adalah 10.9%. Mengikut takrifan *Organization for Economic Co-Operation and Development* (OECD) 1999, negara yang mencatat kadar pengangguran di bawah 4% dikategorikan sebagai guna tenaga penuh atau “*full employment*”. Sebagai usaha bagi mengatasi kadar pengangguran, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah berikut :

- a) Menyediakan portal perkhidmatan pekerjaan *JobsMalaysia* yang memberi kemudahan kepada pencari kerja untuk mendapatkan kerja yang bersesuaian melalui pendekatan pemadanan kerja serta menganjurkan Program Penempatan Pekerjaan yang merangkumi Karnival Kerjaya, *Client Account*, Temuduga Terbuka, Program Kerjasama Antara Agensi, *Holiday Placement For Students* (HOPS), Penempatan Dengan Kerjasama APS serta Program Penempatan Golongan Khas. Program-program ini telah diadakan dari semasa ke semasa bagi menemukan pencari kerja dengan majikan yang sepadan. Bagi tempoh Januari-Mac 2019, seramai 3,890 orang pencari kerja telah berjaya mendapat penempatan;
- b) Mewujudkan pusat sehenti menggabungkan agensi seperti *JobsMalaysia*, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) di UTC bagi menyediakan khidmat nasihat profesional untuk mendapatkan pekerjaan dan latihan;

SOALAN NO : 12

- c) Mewujudkan program *Graduates Enhancement Programme For Employability* (GENERATE) bertujuan membantu graduan menganggur mendapat latihan dalam bidang berimpak tinggi bersesuaian dengan keperluan industri, selain meningkatkan penawaran pekerja berkemahiran dengan sasaran memanfaatkan 4,000 belia lepasan sekolah dan graduan. Semenjak diperkenalkan pada tahun 2016 sehingga tahun 2018, seramai 3,110 pelatih berjaya mendapat penempatan pekerjaan melalui inisiatif ini;
 - d) Memperkemaskan dan memperluaskan program perantisan dan latihan industri yang bertujuan meningkatkan tahap kebolehpasaran belia khususnya graduan melalui latihan *soft-skills* dan *on-the-job training*. Program-program seperti ini telah menunjukkan kejayaan di mana lebih 90 peratus belia yang mengikuti program tersebut mendapat pekerjaan; dan
 - e) Menggalakkan sektor-sektor berintensif buruh beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi bagi mengurangkan kebergantungan ke atas pekerja asing.
2. Kesimpulannya, Kerajaan dari masa ke semasa akan menambah baik langkah-langkah sedia ada dan akan mewujudkan lebih banyak program atau mekanisme bagi membantu rakyat mendapatkan pekerjaan dan mengatasi kadar pengangguran negara. Oleh yang demikian, adalah tidak benar dakwaan YB Lipis bahawa kadar pengangguran semakin meningkat sebanyak 9.4% atau sebanyak 204,000 orang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN
[BATU]**

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap kerosakan jalan raya disebabkan kenderaan berat seperti kontena peniaga Pasar Borong Selayang yang melalui kawasan perumahan seperti di Batu View.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Batu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedia maklum dengan kemasukan kenderaan-kenderaan berat seperti kontena peniaga Pasar Borong Selayang. Perkara ini berlaku disebabkan keperluan peniaga untuk menghantar barang perniagaan di pasar tersebut termasuk sekitarnya.

Bagi menghadkan kenderaan berat memasuki kawasan yang tidak dibenarkan, DBKL telah menguatkuaskan undang-undang di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 - Perintah Pengangkutan Jalan (Kenderaan Bergerak Perlahan) (Larangan Ke Atas Penggunaan Jalan) (Bandaraya Kuala Lumpur) 1994 ke atas kenderaan yang mempunyai muatan melebihi

lima tan, termasuk traktor, treler, jengkaut pengalih tanah dan jentolak. Sepanjang Januari hingga Mei 2019 sebanyak 12 Notis Kompaun telah dikeluarkan di Pasar Borong Selayang. Tindakan penguatkuasaan ini akan dilaksanakan secara berterusan dari semasa ke semasa.

DBKL juga telah bekerjasama dengan Agensi Kerajaan lain seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis Trafik (PDRM), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dengan memprogramkan ‘Operasi HALANG’ iaitu tindakan penguatkuasaan bersepadu ke atas kenderaan-kenderaan perdagangan yang melakukan kesalahan lalulintas. Sepanjang tahun 2018 sebanyak 61 Siri Operasi dengan 8,944 Notis Kompaun telah dikeluarkan termasuk disekitar Pasar Borong. Manakala bagi bulan Januari hingga Mei 2019 sebanyak 13 Siri Operasi dengan 1,491 Notis Kompaun telah dikeluarkan. Selain daripada tindakan penguatkuasaan undang-undang, DBKL juga telah memasang palang-palang besi di laluan masuk ke kawasan perumahan di sekitar Pasar Borong Selayang termasuk kawasan-kawasan perumahan yang lain bagi mengelakkan permasalahan sebegini terus berlaku.

DBKL telah mengambil tindakan dengan menurap atau menampal semula jalan-jalan yang didapati rosak secara umumnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Bagi memastikan jalan-jalan tersebut sentiasa dalam keadaaan baik terutamanya di kawasan-kawasan perumahan, Jabatan Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar (JKPB), DBKL mempunyai pasukan peronda yang bertindak dengan membuat pemantauan secara berkala dan dari masa ke semasa. Tindakan awal bagi menampal kerosakan tersebut akan dibuat oleh pasukan ini. Sekiranya kerosakan tersebut didapati besar, program penurapan akan diatur bagi membuat penurapan semula jalan tersebut. Untuk penambahbaikan kerja-kerja penurapan jalan bagi masa hadapan, JKPB, DBKL sentiasa melihat kepada kepelbagaian jenis bahan yang boleh digunakan bagi memberi lebih daya tahan dan kekuatan kepada kualiti turapan jalan.

Pada tahun 2018 sahaja JKPB, DBKL telah menerima sejumlah 6 aduan berhampiran Pasar Borong, 1 aduan di Jalan 6/3A dan 1 aduan di Persiaran Batu Hampar. Untuk tahun 2019 sehingga kini, 4 aduan di Persiaran Batu Hampar dan Jalan Batu View, 3 aduan berhampiran Pasar Borong dan 1 kes melibatkan paip pecah oleh Air Selangor. Walau bagaimanapun, kesemuanya telah diambil tindakan dan diselesaikan oleh tenaga JKPB, DBKL dalam tempoh 24 jam dari masa penerimaan aduan atau pemantuan peronda JKPB, DBKL sendiri. Manakala, untuk tindakan penurapan semula, antaranya JKPB, DBKL telah membuat penurapan di sebahagian Jalan 1/2B inbound dan outbound, Jalan 1/2D, Jalan 13/2A dan sekitar Taman Sri Murni.

Tidak dinafikan tindakan pencegahan juga adalah lebih baik dan sangat disyorkan agar Agensi Penguatkuasaan seperti Jabatan Penguatkuasaan (JPK) DBKL, SPAD dan JPJ dapat mengambil tindakan penguatkuasaan dengan lebih kerap bagi kenderaan berat yang melalui jalan-jalan di kawasan perumahan tersebut dan juga kenderaan berat yang melebihi muatan. Selain menyebabkan jalan awam ini rosak, ianya turut membahayakan penduduk sekitar dan kanak-kanak yang bermain dihadapan rumah. Selain itu, pengeluaran permit laluan lori oleh perlu dihadkan dari melalui laluan kawasan perumahan. Tindakan ini akan dapat mengurangkan kerosakan jalan di kawasan perumahan dan dapat mengelakkan dari berlakunya kemalangan. Selain itu pihak DBKL akan mempertimbangkan kesesuaian pemasangan palang besi had ketinggian di laluan-laluan masuk ke kawasan perumahan bagi mengelakkan kenderaan berat melalui kawasan tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan dalam masa setahun, dari bulan Jun 2018 hingga Julai 2019, berapa buah dan negara mana yang telah dikunjungi bagi membuat rundingan atau apa cara lain bertujuan untuk memulihkan keadaan harga komoditi di Malaysia yang agak rendah sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Antara misi ekonomi, promosi dan mesyuarat-mesyuarat bersama negara-negara luar yang telah dihadiri adalah pihak Kementerian adalah seperti berikut:

- (i) misi ekonomi dan promosi sawit, getah dan kayu-kayan ke Republik Rakyat China (RRC) pada 17 hingga 24 Ogos 2018;
- (ii) misi ekonomi ke Mesir, Maghribi dan Columbia pada 21 hingga 29 November 2018;
- (iii) misi ekonomi dan promosi sawit ke Switzerland dan negara Kesatuan Eropah (Sepanyol dan Belgium) pada 28 September hingga 6 Oktober 2018;
- (iv) misi ekonomi, promosi dan pelaburan minyak sawit ke Republik Rakyat China dan Amerika Syarikat pada 21 hingga 28 Oktober 2018;

- (v) persidangan Pakistan *Edible Oil Conference* di Pakistan pada 18 hingga 19 Januari 2019;
- (vi) misi ekonomi, promosi dan pelaburan sawit, getah dan kayu-kayan ke Iran dan Turki pada 20 - 26 Januari 2019;
- (vii) mesyuarat keenam peringkat Menteri di bawah kerangka *Council Of Palm Oil Producing Countries* (CPOPC) di Jakarta, Indonesia pada 28 Februari 2019;
- (viii) misi ekonomi dan promosi sawit ke Republik Rakyat China pada 26 Mei hingga 1 Jun 2019;
- (ix) mesyuarat khas peringkat Menteri *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) Bangkok, Thailand pada 22 Februari 2019;
- (x) misi ekonomi dan promosi sawit dan kayu-kayan ke Arab Saudi dan Ethopia pada 22 hingga 26 April 2019; dan
- (xi) misi ekonomi dan promosi sawit ke United Kingdom, Belgium, Jerman dan Itali pada 3 hingga 12 Mei 2019.

Melalui misi-misi tersebut, pihak Kementerian berjaya meneroka pasaran baharu bagi membolehkan komoditi negara terus diterima di peringkat antarabangsa. Selain itu, Kementerian juga melaksanakan inisiatif-inisiatif lain bagi menstabilkan harga komoditi seperti berikut:

- (a) meningkatkan adunan biobahan api sawit dengan diesel petroleum melalui Program Biodiesel B10 yang telah dilaksanakan secara mandatori pada 1 Februari 2019 bagi sektor pengangkutan dan Program Biodiesel B7 mulai 1 Julai 2019 bagi sektor industri;
- (b) melaksanakan *Agreed Export Tonnage Scheme* (AETS) ke-6 yang merupakan instrumen bagi mengimbangi stok di pasaran dunia serta dijangka dapat meningkatkan harga getah asli bagi jangka masa pendek. AETS ini telah dipersetujui melalui mesyuarat *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) pada 4 dan 5 Mac 2019 di Bangkok, Thailand dengan menetapkan

SOALAN NO : 14

pengurangan kuota eksport sebanyak 240,000 tan mulai 1 April 2019 selama empat bulan; dan

(c) meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam industri lada. Pelbagai produk baharu yang berdasarkan lada seperti sos lada hitam, minyak wangi lada, *smoke flavoured seasoning, garlic pepper sauce, black pepper marinade cube* dan sebagainya terus dibangunkan.

Sekian terima kasih.

SOALAN NO. : 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. : 15

TUAN PANG HOK LIONG [Labis] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan jumlah keluasan pembukaan hutan untuk pembalakan bagi setiap negeri dari tahun 2005 hingga Mei 2018 dan jumlah hasil diperoleh setiap negeri dengan pecahan terperinci.

SOALAN NO. : 15

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kawasan yang telah dibuka (dilesen) untuk pembalakan di Semenanjung Malaysia dari tahun 2005 hingga Mei 2018 adalah seluas 472,736 hektar. Hasil yang dikutip sepanjang tempoh tersebut adalah berjumlah RM5.5 bilion. Pecahan terperinci kawasan pembalakan dan kutipan hasil bagi kawasan lesen dalam Hutan Simpanan Kekal dan di luar Hutan Simpanan Kekal adalah seperti di **Jadual 1** dan **2** yang berlampir. Jadual yang terperinci akan dikemukakan secara bertulis.

Sekian, terima kasih.

Jadual 1: Jumlah keluasan kawasan pembalakan dalam HSK mengikut negeri bagi tahun 2005- Mei 2018

NEGERI	LUAS KAWASAN USAHASIL (hektar)
Johor	15,600
Kedah	32,495
Kelantan	72,048
Pahang	170,393
Perak	97,825
Terengganu	69,786
Melaka	166
Negeri Sembilan	9,629
Selangor	4,794
Jumlah	472,736

Sumber: Bahagian Pengurusan Hutan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

Jadual 2: Kutipan hasil mengikut negeri dari tahun 2005- Mei 2018

NEGERI	JUMLAH KUTIPAN (RM)
Johor	327,715,094.00
Kedah	564,471,427.00
Kelantan	1,188,725,390.00
Pahang	1,430,805,401.00
Perak	806,078,450.00
Terengganu	581,004,463.00
Melaka	10,263,618.00
Negeri Sembilan	115,605,407.00
Selangor	473,423,061.00
Pulau Pinang	2,994,589
Perlis	30,031,090.00
Jumlah	5,531,117,990.00

Sumber: Bahagian Pengurusan Hutan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR
[CAMERON HIGHLANDS]**

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 16

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

(a) Sudahkah kementerian menyediakan Pelan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Nasional yang menyeluruh untuk menangani isu utama masalah Masyarakat Orang Asli di negara ini sebagaimana di war-war di dalam akhbar semasa Konvensyen Orang Asli 2019 di Putrajaya pada bulan April lalu; dan

(b) Siapakah yang diamanahkan untuk melaksanakan tugas merangka Pelan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Nasional ini dan jangkamasa yang ditetapkan untuk menjayakan Pelan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Nasional.

**JAWAPAN : YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG & HAL EHWAL PARLIMEN)**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Pihak JAKOA dalam proses penyediaan Pelan Pembangunan Orang Asli Nasional berdasarkan aspirasi masyarakat Orang Asli. Input bagi penyediaan Pelan ini adalah dengan mengambil kira hasil resolusi yang dicapai menerusi Konvensyen Orang Asli Kebangsaan

2019 yang telah dianjurkan pada 22 April 2019 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Sebanyak 137 resolusi yang dibahagikan kepada 7 tema iaitu tanah, pendidikan, kepimpinan, kesihatan, ekonomi, infrastruktur dan kebudayaan telah dicapai. Resolusi daripada konvensyen ini akan dijadikan sebagai asas kepada penggubalan Pelan Pembangunan Orang Asli Nasional agar selari dengan keperluan masyarakat Orang Asli.

Langkah seterusnya pada 1 Julai 2019, akan diadakan sesi konsultasi bersama NGO, SUHAKAM dan Majlis Peguam bagi memperincikan 137 resolusi kepada Pelan Tindakan bagi penggubalan Pelan Pembangunan Orang Asli Nasional. Manakala pada 3 September 2019, JAKOA merancang untuk mengadakan sesi konsultasi kedua yang melibatkan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Pihak JAKOA juga merancang untuk mengadakan sesi konsultasi dengan rakan-rakan sinergi iaitu badan-badan korporat yang mempunyai dana bagi membiayai aktiviti-aktiviti di bawah Pelan Tindakan yang sedang dibentuk. Sesi konsultasi terakhir, pihak JAKOA akan mendapatkan maklumbalas daripada wakil masyarakat Orang Asli yang terdiri daripada Pemimpin Orang Asli (Tok Batin & MPKKOA), Profesional Orang Asli, Belia Orang Asli dan Wanita Orang Asli sebelum Pelan Pembangunan Orang Asli Nasional diangkat untuk kelulusan Jemaah Menteri.

(b) JAKOA merupakan jabatan yang bertanggungjawab untuk menyediakan Pelan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Nasional. Penyediaan dan pelaksanaan Pelan Tindakan ini akan turut mengambil kira input serta maklumbalas daripada wakil masyarakat Orang Asli, agensi Kerajaan, ahli akademik, pihak badan bukan kerajaan dan badan korporat yang berkaitan. Pihak JAKOA menetapkan Pelan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Nasional ini dapat dilaksanakan dalam tempoh RMKe-12 (2021-2025)

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah menteri sedar bahawa banyak bangunan dan infrastruktur di Labuan memerlukan peruntukan yang cukup untuk penyelenggaraan dan pembinaan baru seperti di Botanikal Garden, Seasport Centre, Jambatan Konkrit Patau-Patau 1 dan kampung Air lain, Restoran Anjung Ketam, Marina Awam, Balairaya dan lain-lain. Apakah perancangan Kementerian dalam menangani situasi ini dalam RMK-12.

NO. SOALAN : 17

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Labuan, isu penyelenggaraan bangunan serta kemudahan awam di Wilayah Persekutuan Labuan telah lama menjadi perhatian dan keutamaan Kementerian Wilayah Persekutuan. Pada 28 Oktober 2018 sempena lawatan ke Labuan, saya telahpun diberi taklimat secara menyeluruh berkenaan pembangunan serta isu-isu semasa yang perlu ditangani.

Antara isu yang dibangkitkan dan dianggap perlu diberi keutamaan ialah keadaan sebahagian besar bangunan awam seperti Bangunan Terminal

Feri Penumpang Antarabangsa Labuan, Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan, Marina Awam dan Taman Botanikal Labuan. Selain itu, kemudahan infrastruktur awam seperti Jambatan Kampung Air dan Jalan Kampung yang usang juga diberi penekanan.

Oleh yang demikian, beberapa siri lawatan Turun Padang (TUPA) ke WP Labuan telah dibuat bagi melihat dan meneliti lebih dekat tentang isu yang dibangkitkan. Sebagai contohnya pada 15 Februari yang lalu saya telah melawat seterusnya meneliti Bangunan Terminal Feri Penumpang Antarabangsa Labuan dan pada 28 April pula saya berkesempatan melawat bangunan Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan. Hasil daripada siri lawatan tersebut, saya juga telah mengarahkan Perbadanan Labuan untuk menyenaraikan keutamaan projek-projek penyelenggaraan beserta kos yang perlu ditanggung bagi tujuan penyaluran peruntukan Kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat Labuan, bagi tahun 2019, sejumlah RM8.08 juta telah diluluskan oleh Kerajaan bagi tujuan penyelenggaraan melalui Dasar Sedia Ada, Dasar Baru, One Off dan MARRIS. Peruntukan ini telah meningkat sejumlah RM2 juta berbanding tahun 2018 iaitu sebanyak RM6 juta. Walau bagaimanapun, jumlah tersebut masih belum mencukupi bagi menampung kos penyelenggaraan yang meliputi penyelenggaraan jalanraya, bangunan pejabat, bangunan kediaman, bangunan awam, kenderaan dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, sehingga bulan Mei 2019 jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk penyelenggaraan kemudahan awam sepertimana Yang Berhormat sebutkan adalah seperti berikut:

- i. Taman Botanikal : RM91,000.00;
- ii. Kompleks Sukan Laut Antarabangsa : RM120,000.00;
- iii. Restoran Anjung Ketam : RM5,000.00; dan
- iv. Marina Awam : RM45,000.00.

Bagi tujuan projek infrastruktur awam pula, sejumlah RM2.2 juta telah disalurkan kepada Labuan melalui Peruntukan Pemberian Khas Wilayah Persekutuan pada bulan April yang lalu. Peruntukan ini disalurkan untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan, pembinaan jalan dan jambatan kayu kampung air. Sebagai perancangan masa hadapan, Perbadanan Labuan akan memohon sejumlah RM4.95 juta di bawah RMKe-12 untuk tujuan melaksanakan kerja-kerja membaikpulih cerucuk jambatan konkrit Kampung Air Patau-Patau 1.

Di bawah RMKe-12 juga, Perbadanan Labuan akan menyelesaikan beberapa isu berkenaan tapak balai raya di beberapa buah kampung iaitu Kg. Kerupang/Nagalang dan Kg. Batu Arang selain menyelesaikan isu tapak di atas tanah milik individu di Balai Raya Kg. Bukit Kuda. Manakala untuk Bangunan Anjung Ketam di Kampung Tanjung Aru, pihak Perbadanan Labuan dalam proses penelitian untuk menyerahkan bangunan tersebut kepada para pengusaha supaya mereka lebih bebas untuk mengembangkan perniagaan mereka sementara itu PL tidak lagi terikat dalam melaksanakan penyelenggaraan bangunan.

Sebahagian besar bangunan awam yang dimaksudkan telahpun mencapai usia hampir 20 tahun. Ini bermakna, penyelenggaraan berskala *minor* tidak lagi sesuai untuk membaikpulih kerosakan yang melibatkan struktur dan komponen utama bangunan. Oleh yang demikian, satu jumlah peruntukan secara *one off* diperlukan bagi melaksanakan pembaikan secara menyeluruh.

Bagi tujuan tersebut, dalam RMKe-12 Perbadanan Labuan akan menyenaraikan bangunan yang dimaksudkan untuk dibuat permohonan peruntukan secara berperingkat dalam tempoh 5 tahun. Pemilihan projek penyelenggaraan secara *one off* ini akan diteruskan dari semasa ke semasa mengikut keutamaan dan peruntukan yang diluluskan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI
[TUMPAT]**

TARIKH : 10 JULAI 2019

SOALAN

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menyemak semula skim gaji penjawat awam terutamanya insentif kenaikan gaji tahunan bagi kumpulan berpendapatan rendah sejajar dengan kos sara hidup yang kian meningkat.

JAWAPAN: **YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK**
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prinsip penetapan Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) anggota perkhidmatan awam adalah berasaskan kadar upah untuk kerja yang mana ia berkait dengan kompleksiti dan fungsi tugas sesuatu gred jawatan. Semakin tinggi sesuatu gred jawatan, semakin tinggi kompleksiti tugasnya. Pemberian sesuatu KGT juga bergantung kepadasyarat-syarat yang ditetapkan serta penilaian prestasi seperti Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) atau Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan pada setiap tahun.

Justeru, sebarang semakan semula Kadar KGT penjawat awam haruslah dilihat secara menyeluruh. Ini termasuklah semakan terhadap skop tugas

SOALAN NO. 18

pegawai setiap gred jawatan dan juga kaedah pengukuran prestasi agar ia seiring dengan peningkatan tahap produktiviti. Pada masa ini penjawat awam bagi Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional menerima KGT antara RM80 hingga RM400 setahun mengikut gred masing-masing. Kerajaan berpandangan bahawa kadar KGT sedia ada masih kompetitif. Dalam hal ini, Kerajaan menjalankan kajian penambahbaikan terhadap pakej saraan sedia ada dari semasa ke semasa dan akan dibawa untuk pertimbangan Kerajaan untuk kelulusan sekiranya bersesuaian tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa prihatin dengan kebijakan penjawat awam khususnya dalam usaha meringankan bebanan kos sara hidup. Dalam hal ini, penjawat awam diberi Bantuan Sara Hidup (BSH) yang diberi dalam bentuk bayaran bulanan berdasarkan lokasi tempat kerja pegawai. Selain itu, sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini Kerajaan juga telah meluluskan pemberian Bantuan Khas Kewangan 2019 sebanyak RM450 kepada semua penjawat awam Gred 56 dan ke bawah yang juga turut dipanjangkan kepada semua pesara Kerajaan iaitu sebanyak RM225.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN
[KALABAKAN]**

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 19

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan agar dapat memberikan permit tambahan untuk kebenaran pengoperasian kepada teksi-teksi bandar berpermit di Sabah agar boleh menyediakan penyewaan penumpang keluar daerah demi kesinambungan pencarian nafkah kehidupan disebabkan saingan kuat dan sengit dari operator-operator pengangkutan e-hailing yang bebas beroperasi tanpa sekatan seperti Grab.

JAWAPAN

Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, LPKP Sabah mengeluarkan Kelas Lesen Teksi yang hanya dibuka di daerah utama seperti Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Lahad Datu, Keningau dan W.P Labuan sahaja. Kawasan operasi yang ditetapkan adalah sekitar bandar di 5 daerah yang dinyatakan dan tidak dibenarkan untuk beroperasi keluar daripada kawasan kecuali mendapat kebenaran daripada LPKP Sabah. Dalam pada masa yang sama, LPKP Sabah turut mengeluarkan kelas lesen Kereta Sewa kepada pengusaha perkhidmatan kereta sewa di Negeri Sabah. Kawasan operasi bagi Kelas Lesen Kereta Sewa ini adalah khusus untuk perjalanan jarak jauh dan boleh beroperasi ke seluruh Sabah.
2. Untuk makluman, kawasan operasi perkhidmatan awam di Negeri Sabah telah ditetapkan mengikut kelas lesen yang dikeluarkan. Sehubungan itu, sekiranya pemegang kelas lesen teksi ingin beroperasi di luar kawasan untuk satu tempoh masa ianya hendaklah mendapat kelulusan daripada LPKP Sabah terlebih dahulu. Namun demikian, untuk memperluaskan kawasan operasi kelas lesen Teksi ini adalah kurang bersesuaian memandangkan operasi Kelas Lesen Kereta Sewa juga akan terjejas sekiranya cadangan ini dipertimbangkan.
3. Walau bagaimanapun, bagi membantu kelas lesen Teksi sedia ada untuk menambah pendapatan, adalah disarankan agar pengusaha kelas lesen teksi untuk menyertai platform e-hailing yang mana kawasan operasinya adalah terbuka ke seluruh Sabah dengan syarat tempahan diterima melalui platform aplikasi e-hailing sahaja.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK AARON AGO DAGANG [KANOWIT]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN

Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan strategi Kerajaan bagi membantu pekebun kecil (individu) sawit, getah, lada dan lain-lain di Sarawak supaya perusahaan mereka dapat kekal berterusan kerana kejatuhan harga komoditi yang sudah lama berpanjangan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian sentiasa prihatin dalam menjaga kebajikan semua pekebun kecil sawit, getah dan lada di seluruh negara termasuk di Sarawak. Bagi pekebun kecil sawit, Kementerian menyediakan pelbagai bantuan seperti berikut:

- (i) melaksanakan Skim Pinjaman Mudah Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS) dan Skim Pinjaman Mudah Input Pertanian Pekebun Kecil Sawit (IPPKS) berjumlah RM 550 juta;
- (ii) menyediakan bantuan Skim Tanam Baharu Sawit untuk Pekebun Kecil sebanyak RM7,500 sehektar bagi Semenanjung Malaysia dan RM9,000 sehektar di Sabah dan Sarawak; dan

SOALAN NO : 20

- (iii) memperuntukkan dana antara RM 3,000 hingga RM 11,000 untuk pelaksanaan program integrasi tanaman dan integrasi ternakan dengan sawit.

Bagi pekebun kecil getah, Kerajaan terus membantu dengan melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

- (i) menambah baik pelaksanaan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) dengan kenaikan Paras Harga Pengaktifan (PHP) IPG daripada RM2.20 kepada RM2.50 sekilogram getah sekerap;
- (ii) memperuntukkan sebanyak RM6.4 juta sejak Jun 2014 bagi Mekanisme Penetapan Harga di Ladang sebagai modal pusingan kepada koperasi yang terlibat di dalam aktiviti urus niaga getah; dan
- (iii) menyediakan sebanyak RM 128 juta bagi tahun ini dalam bentuk geran di bawah Program *High Impact Project* (HIP) Tanam Baru dan Tanam Semula Getah (TBTS) yang meliputi pemberian input pertanian, pembelian peralatan dan latihan kepada pekebun kecil Sabah dan Sarawak.

Bagi komoditi lada, Kerajaan masih meneruskan bantuan-bantuan seperti berikut:

- (i) menyalurkan peruntukan sebanyak RM10 juta untuk bantuan seperti input dan peralatan pertanian, latihan dan kursus kepada pekebun lada di bawah Program Pembangunan Kawasan Penanaman Baharu Lada;
- (ii) melaksanakan Skim Tanaman Baharu Lada dengan nilai bantuan sebanyak RM26,000 sehektar bagi tempoh dua (2) tahun; dan
- (iii) melaksanakan Skim Peningkatan Kualiti Lada Peringkat Ladang bagi meningkatkan kualiti lada di peringkat ladang dan menggalakkan pekebun mengeluarkan lada premium seperti Lada Berkualiti Eksport (LBE) dan Lada Putih Krim (LPK) untuk mendapat harga yang lebih lumayan. Sekian terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA , PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 21

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes yang telah dibicarakan di Mahkamah Khas Raja-Raja sejak ianya ditubuhkan. Mohon diberikan juga kategori kes-kes tersebut.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mahkamah Khas Raja-Raja ditubuhkan pada 30 Mac 1993 melalui Akta Perlembagaan (Pindaan) 1993 [Akta A848]. Mahkamah Khas ini ditubuhkan bagi menjalankan prosiding terhadap Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja. Peruntukan berkenaan perkara ini termaktub dalam Perkara 182 Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi seperti berikut:

“Mahkamah Khas”

182. (1) Maka hendaklah ada suatu mahkamah yang hendaklah dikenali sebagai Mahkamah Khas dan hendaklah terdiri daripada Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, yang hendaklah menjadi Pengurus, Hakim-Hakim Besar Mahkamah Tinggi, dan dua orang lain yang memegang atau pernah memegang jawatan sebagai hakim Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi yang dilantik oleh Majlis Raja-Raja.”

Fasal (3) Perkara 182 memperuntukkan bahawa Mahkamah Khas ini mempunyai bidang kuasa khusus untuk membicarakan segala kesalahan yang dilakukan di Persekutuan oleh Yang di-Pertuan Agong atau Raja sesuatu Negeri dan segala kes sivil oleh atau terhadap Yang di-Pertuan Agong atau Raja sesuatu Negeri. Mahkamah Khas ini juga mempunyai bidang kuasa dan kuasa-kuasa yang sama sebagaimana mahkamah bawahan, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan dan mempunyai pejabat pendaftarannya di Kuala Lumpur.

Jumlah kes yang didaftarkan di Mahkamah Khas ini bermula dari tahun 1994 hingga Jun 2019 adalah seperti berikut:

BIL.	JENIS KES	JUMLAH KES
1.	Sivil	7
2.	Jenayah	1
JUMLAH KESELURUHAN		8

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED
SADIQUE [KOTA TINGGI]**

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 22

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapakah wujudnya perbezaan kaedah pendaftaran lesen PSV sama ada dalam talian (*online*) mahupun luar talian (*offline*) sehingga Kerajaan memberi kelonggaran kepada pemandu e-hailing untuk membuat pendaftaran dalam talian (*online*).

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, rentetan daripada aduan yang dibangkitkan oleh pemandu perkhidmatan e-hailing berhubung dengan isu untuk mendapatkan Lesen Memandu Vokasional PSV (*Public Service Vehicle*), iaitu seperti isu bahasa sebagai satu kekangan dan soalan ujian teori yang sukar menjadi punca mereka gagal dalam ujian PSV. Namun begitu, kursus dan syarat yang sama telah dikenakan kepada semua pemandu teksi dan pemandu pengangkutan barang sedia ada. Maka, alasan bahawa kursus terlalu sukar, tidak mudah difahami atau masalah bahasa tidak wajar dijadikan isu oleh calon-calon pemandu e-hailing.
2. Walau bagaimanapun, bagi menangani isu yang dibangkitkan ini, Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah bersetuju untuk menyemak dan memudahkan proses permohonan lesen memandu vokasional PSV. Dalam hal ini, YB Menteri Pengangkutan pada 1 April 2019 telah bersetuju supaya semua e-Hailing Operator (eHO) atau Institut Memandu (IM) ditawarkan untuk menyediakan kursus secara atas talian yang dikenali sebagai Modul Pembelajaran Lesen Vokasional (PSV - Teksi/ Kereta Sewa/ Kereta Mewah/ e-Hailing) Secara Digital Atas Talian (e-learning PSV).
3. Dalam hubungan ini, JPJ juga telah memberikan kelulusan kepada lapan puluh tiga (83) buah IM dan tiga (3) buah syarikat eHO yang layak untuk menjalankan latihan PSV melalui kaedah e-learning bermula 1 Jun 2019 sehingga 11 Julai 2019 sahaja. Selepas daripada tarikh tersebut, sesi latihan dan pengujian adalah dijalankan seperti mana prosedur semasa jabatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 23

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan status rancangan pembangunan Malaysia Vision Valley 2.0 (MVV2.0) di kawasan Negeri Sembilan, berapa luas tanah yang akan terlibat dalam pengambilan tanah dan apakah impak MVV2.0 kepada pembangunan ekonomi di Negeri Sembilan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Malaysia Vision Valley 2.0 (MVV2.0) adalah inisiatif Kerajaan Negeri Sembilan dan merupakan pelan pembangunan jangka panjang dengan tempoh pembangunan selama 30 tahun (2016-2045) bermula dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11: 2016-2020). Ia merupakan rancangan pembangunan metropolis bertaraf dunia di kawasan seluas 153,411 hektar, merangkumi daerah Seremban dan Port Dickson di Negeri Sembilan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Pelaksanaan MVV 2.0 terbahagi kepada dua fasa pembangunan iaitu Fasa 1 (tahun 2015 - 2045), dan Fasa 2 melibatkan pembangunan selepas tahun 2045. Fasa 1 melibatkan pembangunan di kawasan seluas 27,000 ekar dengan tumpuan diberikan kepada high-technology park, pembangunan pengangkutan bersepadu, pembangunan kawasan sukan dan rekreasi, kawasan pelancongan dan rekreasi. Manakala Fasa 2 melibatkan kawasan seluas 42,500 ekar yang menumpukan kepada pembangunan kawasan “heartbeat” di Negeri Sembilan.
3. Pihak Kerajaan Negeri sedang melaksanakan kajian kemungkinan dan pelan induk bagi pelaksanaan berfasa MVV. Sekretariat MVV iaitu Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Negeri Sembilan dan pemaju utama iaitu Sime Darby, juga sedang giat mengadakan promosi dan rundingan dengan pelabur-pelabur berpotensi untuk melabur di kawasan MVV 2.0.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Pembangunan MVV 2.0 buat masa ini tidak melibatkan pengambilan balik tanah. Ini adalah kerana pembangunan MVV 2.0 adalah difokuskan dalam kawasan tanah milik Sime Darby yang belum dibangunkan dengan tumpuan pelaksanaan projek

heartbeat MVV. Walau bagaimanapun, jika terdapat keperluan, pengambilan balik tanah oleh Kerajaan Persekutuan hanya akan dibuat bagi tujuan penyediaan infrastruktur awam.

5. Pembangunan MVV 2.0 dijangka memberi impak positif secara langsung kepada pertumbuhan ekonomi negeri. Pembangunan MVV 2.0 disasarkan berupaya menarik pelaburan sebanyak RM294 bilion dalam tempoh 30 tahun dan mewujudkan 600 ribu jumlah peluang pekerjaan menjelang tahun 2045. Pembangunan MVV2.0 akan menjadikan kawasan ini sebagai pemangkin kepada perancangan yang tersusun di wilayah tengah, sejajar dengan hasrat Kerajaan Persekutuan ke arah pembangunan wilayah yang seimbang di Malaysia seperti dinyatakan dalam Kajian Separuh Penggal, RMKe-11.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.
MUTTALIB [MARAN]**

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

NO. SOALAN: 24

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan pelan tindakan pihak Kementerian dalam menghadapi banjir sekiranya berlaku dan status permohonan tebatan banjir di Kg. Sungai Chedong dan Bandar Maran berjumlah RM25 juta yang telah dikemukakan kepada pihak Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan tindakan Kementerian Air, Tanah Dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) dalam menghadapi banjir adalah:

- 1) Melaksanakan Projek Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir Pelbagai Negeri bagi mengurangkan risiko banjir di seluruh negara dimana KATS menyalurkan peruntukan ke seluruh Negara melalui JPS Negeri. Skop kerja yang terlibat di bawah peruntukan ini adalah kerja pengorekan sungai, muara sungai, pembinaan struktur hakisan tebing sungai, membuang kelodak, sampah, sisa pepejal, pemotongan rumput, menaiktaraf dan menyelenggara aset/struktur kawalan banjir yang bertujuan mengurangkan risiko banjir.
- 2) Melaksanakan Kerja-Kerja Kecil Kecemasan Luar Jangka bagi menaiktaraf sistem saliran dan struktur-struktur saliran dan ban pantai bagi mengurangkan kejadian banjir kilat dan juga banjir akibat limpahan air laut.

Bagi mengatasi masalah banjir di Maran, Projek Rancangan Tebatan Banjir Bandar Maran, Pahang yang melibatkan Kampung Sungai Chedong dengan anggaran kos sebanyak RM20 juta telah dipohon dalam *Rolling Plan 4 (2020)* RMKe-11.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 25

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perkembangan terkini berhubung perkhidmatan keretapi Shuttle Tebrau antara JB Sentral dan Woodlands Singapura, bagaimana tren pertumbuhan bilangan penumpang dan apakah usaha Kerajaan untuk berunding dengan Singapura yang dilihat tidak ingin bekerjasama dengan kita dalam menambahkan kekerapan perkhidmatan tersebut demi memenuhi keperluan rakyat setempat.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, perkhidmatan tren Shuttle Tebrau dari Johor Bahru ke Woodlands, Singapura telah bermula pada 1 Julai 2015 dengan 14 trip perkhidmatan sehari. Perkhidmatan pengangkutan alternatif kepada rakyat bagi kedua-dua negara ini terus mendapat sambutan yang memberansangkan terutamanya pada waktu puncak pagi dari jam 5.30 ke 8.30 pagi setiap hari Isnin hingga Jumaat.
2. Bagi memenuhi permintaan penumpang, melalui rundingan dengan Singapura, jumlah perkhidmatan tren Shuttle Tebrau ini ditingkatkan secara berperingkat sehingga yang terkini jumlah perkhidmatan bertambah kepada 31 trip sehari dan kesan positifnya adalah bilangan penumpang turut meningkat dari 1,500 kepada 7,400 orang sehari.
3. Statistik bilangan penumpang perkhidmatan tren Shuttle Tebrau pada tahun 2015 hingga tahun 2018 adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Perkhidmatan Sehari	Bilangan Penumpang
2015	14 trip (mulai 1 Julai 2015)	433,093
2016	22 trip (mulai 17 Januari 2016) 24 trip (mulai 16 September 2016)	1,747,797
2017	24 trip	2,279,931
2018	31 trip (mulai 28 Februari 2018)	2,713,196

4. Dengan mengambil kira permintaan penumpang yang semakin meningkat, Malaysia telah mengemukakan permohonan kepada pihak *Singapore Immigration & Checkpoints Authority* (ICA) pada 21 November 2018 untuk meningkatkan jumlah 31 trip sehari sedia ada kepada 36 trip sehari. Pihak ICA pada dasarnya bersetuju dengan cadangan ini tetapi meminta ianya dilaksanakan pada

NO. SOALAN : 25

penghujung tahun 2019 tertakluk kepada penyiapan kerja-kerja naiktaraf *Woodlands Train Checkpoint* (WTCP) oleh pihak ICA.

5. Bagaimana pun, pada 5 Januari 2019 pihak ICA telah memaklumkan akan perancangannya untuk memindahkan sebahagian kakitangan Imigresen Singapura di WTCP bagi menangani kesesakan CIQ di Tambak Johor dan langkah ini akan memberi kesan kepada jumlah kekerapan tren Shuttle Tebrau. Bagi memastikan kebergantungan rakyat yang menggunakan perkhidmatan tren Shuttle Tebrau ini tidak terjejas, pihak Kementerian ini sedang dalam proses rundingan dengan pihak Singapura agar rancangan pemindahan sebahagian kakitangannya ke CIQ di Tambak Johor dikaji semula.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED
ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]

TARIKH : 10 JULAI 2019

SOALAN

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang diambil Kerajaan dalam memastikan sumber kewangan orang Islam iaitu zakat dan institusi ibadah orang Islam iaitu masjid dan surau tidak dijadikan medan politik kepartian yang menyebabkan masyarakat Islam semakin berpecah belah, salah menyalah antara satu sama lain susulan isu yang timbul semasa bulan Ramadhan 1440 Hijrah baru-baru ini.

**JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Di Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di bawah Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, hal-ehwal Agama Islam termasuklah urusan zakat adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri menerusi Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN).

Dalam hal ini kerajaan komited memastikan zakat diagihkan sebagaimana yang diputuskan oleh syara'. MAIN juga diseru untuk menyediakan satu garis panduan agihan zakat yang jelas di negeri masing-masing dan di bawah kerajaan Persekutuan, Jabatan Wakaf,

Zakat dan Haji (JAWHAR) sebelum ini telah mengeluarkan manual pengurusan agihan zakat dan dari masa ke semasa akan menambahbaik manual tersebut.

Berkenaan agihan sumbangan zakat kepada asnaf yang dibuat oleh pemimpin politik bukan beragama Islam, penyerahan bantuan oleh wakil rakyat bukan Islam dilihat hanya sebagai pengantara dalam penyampaian bantuan tersebut atas kapasiti mereka sebagai pimpinan setempat dan apa yang lebih penting adalah zakat tersebut diserahkan kepada golongan yang layak menerima zakat sebagaimana yang dinyatakan oleh Al-Quran.

Ayat 60 Surah At-Taubah menyebut zakat hendaklah diagihkan kepada lapan golongan asnaf iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, fisabilillah, ibnu sabil, al-gharimin dan ar-riqab.

Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia juga telah menyediakan satu Kod Amalan Pengurusan Masjid yang menyarankan beberapa etika, fungsi dan peranan yang boleh dimainkan dalam mewujudkan suasana Rahmah di masjid-masjid, surau dan tempat ibadah umat Islam di negara ini. Selain itu, antara usaha lain kerajaan ialah dengan memastikan semua guru takmir yang mengajar di masjid dan surau seluruh Malaysia mendapat tauliah mengajar terlebih dahulu daripada pihak berkuasa agama negeri masing-masing, serta menyediakan silibus pengajian berdasarkan kurikulum takmir yang sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa. Kelas-kelas pengajian ini juga termasuk khutbah Jumaat di negeri-negeri sentiasa dipantau oleh Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah (PPMD) yang berkhidmat dengan Jabatan Agama Islam negeri-negeri.

Terkini, pendekatan RAHMAH sedang giat dipupuk dalam institusi pengurusan masjid seluruh negara dengan menyantuni enam elemen iaitu ramah, aman, hormat, mesra, alami dan harmoni. Kesemua elemen ini sangat signifikan dalam usaha menjadikan masjid sebagai platform perpaduan yang sejagat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH
[PETALING JAYA]**

TARIKH : 10 JULAI 2019

SOALAN NO.27

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menubuhkan Pesuruhjaya Diraja untuk mengkaji kemiskinan tegar dan keterbelakangan masyarakat Orang Asli dan Orang Asal dari segi sosioekonomi, budaya dan bahasa, kesihatan dan pemakanan, setelah peristiwa kematian di Gua Musang.

JAWAPAN : **YB DATUK LIEW VUI KEONG**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG & HAL EHWAL PARLIMEN)

Tuan Yang di-Pertua,

Di kesempatan dewan yang mulia ini, pihak Kerajaan mengucapkan takziah di atas kematian 15 orang penduduk Orang Asli Kuala Koh dan bersympati kepada musibah tragedi yang dihadapi oleh penduduk Kampung Orang Asli Kuala Koh, Pos Lebir, Gua Musang Kelantan kini.

Sememangnya kesejahteraan masyarakat Orang Asli merupakan tumpuan khas pihak Kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan tahap sosioekonomi dan kualiti hidup masyarakat berkenaan. Berdasarkan penemuan ujian makmal yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), didapati berpunca daripada wabak demam campak (measles). Sehubungan dengan itu, pada 12 Jun 2019, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Isu-isu Masyarakat Minoriti (JKMIMM) yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri. Pada peringkat permulaan, Jawatankuasa ini akan memberi keutamaan bagi penyelesaian isu-isu berkaitan masyarakat Orang Asli bagi meningkatkan tahap sosioekonomi dan kualiti hidup.

Sehingga kini, pihak Kerajaan komited dan serius dalam melaksanakan bantuan pemulihan rawatan dan pemberian sokongan kebajikan serta berusaha mengelakkan kejadian seumpama ini berlaku kepada penduduk-penduduk Kampung Orang Asli Kuala Koh kelak melalui kerjasama strategik dengan pihak Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), beberapa Jabatan dan Agensi Kerajaan serta penglibatan pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO) dengan beberapa langkah, antaranya :

- (i) Mengadakan Program Kesihatan Komuniti bersama dengan pihak KKM dengan aktiviti penerangan kesihatan interaktif, simulasi praktikal penjagaan kesihatan, pertandingan kesihatan komuniti sihat, dan pembekalan sokongan penjagaan kesihatan.
- (ii) Mengadakan Program Bersama Rakyat di dengan masyarakat Orang Asli Kuala Koh dengan penglibatan beberapa Agensi / Jabatan Kerajaan dan NGO seperti aktiviti pendaftaran kad pengenalan, pendaftaran bantuan dengan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), gotong royong perdana dan penerangan gaya hidup sihat komuniti .
- (iii) Program suntikan vaksin dan imunisasi yang berjadual kepada masyarakat Orang Asli .
- (iv) Menaiktaraf perkhidmatan air bersih menerusi sistem Rawatan Air Bersih dan mengenalpasti punca sumber air yang baharu melalui kerjasama dengan Unit BAKAS, KKM.
- (v) Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang bekerjasama dengan pihak JAKOA di dalam proses penelitian bagi mewujudkan keanjalan silibus pengajaran dan fleksibel masa pembelajaran bagi perlaksanaan konsep Sekolah Komuniti Pedalaman Orang Asli bagi Orang Asli suku Bateq.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA , PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ [BACHOK]**

TARIKH : 10 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 28

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan mengenai cadangan untuk mengundang kumpulan K-Pop dari Korea, Bangtan Boys (BTS) ke negara ini bagi mempromosikan Tahun Melawat Malaysia 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KBS mempunyai fasiliti yang bertaraf antarabangsa seperti *venue-venue* di *Kuala Lumpur Sports City* (KLSC) terutamanya Axiata Arena dan Stadium Nasional yang amat sesuai bagi penganjuran acara di Peringkat Antarabangsa.
2. KBS sentiasa mengalu-alukan kehadiran BTS di Malaysia begitu juga dengan artis-artis luar negara yang lain. Pengurus acara/ penganjur akan tanggungjawab membawa artis tersebut di Malaysia, sebagai contoh konsert Ed Sheeren yang berlangsung di Stadium Nasional, KLSC diuruskan oleh PR Worldwide.
3. Sekiranya direalisasi dan dilaksanakan di KLSC atau mana-mana lokasi di Malaysia, KBS percaya dengan adanya penganjur acara BTS secara tidak langsung membantu merancakkan industri pelancongan, meningkatkan ekonomi negara, peluang pekerjaan dan imej Malaysia. Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KE-14,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
[PADANG SERAI]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 29

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejarah telah membuktikan bahawa masyarakat kaum India Muslim juga turut menyumbangkan jasa mereka dalam pembangunan Negara ini. Maka apakah inisiatif-inisiatif oleh Kerajaan bagi menjaga kebajikan mereka dan juga masalah-masalah yang di hadapi oleh mereka.

JAWAPAN:

Yang di-Pertua,

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, objektif utama MITRA adalah untuk meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat kaum India di Malaysia secara keseluruhannya. Untuk makluman Yang Berhormat, MITRA kini memperkasakan transformasi masyarakat India Malaysia ke arah membentuk komuniti yang berdaya saing dan inklusif. MITRA tidak terfokus terhadap pembangunan kumpulan tertentu sahaja dibawah skop utamanya, tetapi menitikberatkan kepentingan semua lapisan masyarakat India Malaysia secara umumnya.

Walau bagaimanapun, pihak MITRA telah menerima dan mempertimbangkan beberapa permohonan khas daripada kaum India Muslim untuk melaksanakan program pembangunan sosioekonomi melalui peruntukan geran kewangan MITRA tahun 2019. Selain itu, pihak MITRA tidak mempunyai sebarang halangan untuk turut mengambil peserta daripada kaum India Muslim bagi menyertai mana-mana program pembangunan sosioekonomi masyarakat India Malaysia. Sekian, Terima Kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 30

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan terkini projek naik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Pengkalan Chepa :-

- a) bilakah tarikh dijangka siap dan boleh digunakan sepenuhnya; dan
- b) berapakah pertambahan kapasiti penumpang dan kapasiti jumlah pesawat yang boleh mendarat pada satu masa setelah siap nanti.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), Kota Bharu akan dilaksanakan secara tender terbuka dan kerja-kerja fizikal dijadual dimulakan pada tahun 2020. Projek ini dijangka siap dan boleh digunakan sepenuhnya pada awal tahun 2024.
2. Setelah siap kelak, terminal baharu ini boleh menampung sehingga 4 juta penumpang setahun. Kapasiti pesawat yang boleh mendarat adalah sebanyak 8 pesawat jenis kod 4C dan 3 pesawat jenis kod 3C.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 31

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan berapa jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan untuk penoreh getah melalui bajet untuk bantuan musim tengkujuh khususnya untuk tahun 2018/2019 dan langkah meningkatkan lagi pendapatan penoreh getah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menyalurkan peruntukan Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) berjumlah RM164,783,400 bagi tahun 2018/2019 kepada 274,639 orang pekebun kecil getah yang layak. Setiap pekebun kecil tersebut menerima RM600 yang dibayar secara berperingkat iaitu Peringkat Pertama sebanyak RM300 pada Disember 2018 dan Peringkat Kedua sebanyak RM300 pada Januari 2019.
2. Bagi meningkatkan lagi pendapatan pekebun kecil getah, Kerajaan menggalakkan penglibatan dalam aktiviti keusahawanan dengan menyediakan program Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET). Pekebun kecil getah diberi bantuan dalam bentuk mata benda (*in kind*), iaitu peralatan dan input pengeluaran untuk mengembangkan aktiviti keusahawanan dalam pelbagai bidang seperti Bidang Makanan, Bidang Pembuatan, Bidang Perkhidmatan dan Bidang Pertanian.
3. Kerajaan turut melaksanakan Program Pembangunan Usahawan yang menyediakan bantuan latihan keusahawanan seperti pemasaran produk, pembangunan produk, pensijilan dan jaringan pemasaran serta premis perniagaan kepada usahawan pekebun kecil.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN :

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah perkembangan terkini mengenai isu harga pasaran kelapa sawit ketika ini yang disifatkan terlalu rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan sedang berusaha mengambil beberapa langkah drastik untuk membantu menstabilkan harga minyak sawit mentah tersebut. Antara usaha yang telah mula menampakkan hasil adalah dengan langkah peningkatan adunan biobahan api sawit dengan diesel petroleum Program Biodiesel B10 (adunan 10% biodiesel sawit dan 90% diesel petroleum) yang telah dilaksanakan secara mandatori pada 1 Februari 2019 yang lalu bagi sektor pengangkutan. Implementasi program ini telah benar-benar membantu meningkatkan penggunaan minyak sawit domestik dalam negara dengan anggaran peningkatan jumlah sebanyak 767,000 tan. Perlaksanaan program B7 bagi sektor industri pula akan bermula pada 1 Julai 2019. Ini akan meneruskan lagi impak positif tersebut terhadap industri sawit negara.

Selain itu, Kerajaan akan terus menjalankan misi-misi ekonomi dan lawatan teknikal bagi mengukuhkan hubungan dengan negara-negara

pengimport utama produk-produk sawit Malaysia. Kerajaan berkeyakinan melalui pendekatan hubungan mesra dan akrab dengan negara-negara luar, ianya akan memudahkan produk-produk sawit mendapat akses pasaran yang lebih meluas di negara-negara tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia pada tahun ini juga sedang mengetuai satu gabungan kerjasama bersama Indonesia menerusi Majlis Negara-Negara Pengeluar Minyak Sawit (*Council of Palm Oil Producing Countries* atau CPOPC). Kerjasama ini adalah untuk memantapkan lagi amalan persekitaran mampan, pengurusan bekalan, aktiviti promosi dan pembangunan pekebun-pekebun kecil. Dalam hal ini, Kerajaan telah merangka beberapa strategi bersama dengan Indonesia untuk mencari kaedah-kaedah yang bersesuaian untuk isu-isu semasa mengenai industri sawit.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga akan meneruskan strategi-strategi jangka masa panjang bagi mengukuhkan harga sawit yang merangkumi tindakan-tindakan berikut:

- (i) memperkuatkukan pasaran eksport utama sedia ada terutamanya negara China, India, Pakistan, dan Amerika Syarikat serta mempromosi produk-produk sawit dengan lebih agresif bagi menembusi pasaran-pasaran baharu seperti di benua Afrika ;
- (ii) meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam penghasilan produk-produk baharu serta memberi nilai tambah kepada produk hiliran komoditi;
- (iii) meningkatkan akses pasaran yang lebih baik melalui perundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA) dua hala dan perundingan pelbagai hala atau serantau.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 34

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pemegang kad UNHCR boleh bekerja secara sah di Malaysia dan adakah majikan boleh disabit kesalahan oleh mana-mana agensi jika mengambil pekerja tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Dasar sedia ada kerajaan adalah tidak membenarkan pemegang kad UNHCR untuk bekerja secara sah di Malaysia. Pemegang tidak boleh terlibat dalam sebarang bentuk pekerjaan berbayar, atau dalam sebarang perniagaan atau pekerjaan profesional. Namun atas dasar kemanusiaan, mereka dibenarkan bekerja di dalam sektor – sektor tidak formal untuk tujuan sara hidup.
2. Majikan yang menggaji pemegang kad UNHCR ini boleh diambil tindakan di bawah Akta Imigresen 1959/1963 dan boleh dikenakan hukuman mengikut mana – mana seksyen di bawah akta tersebut seperti berikut:
 - a. Seksyen 55B iaitu Mengambil pekerja satu atau lebih orang selain daripada warganegara atau pemegang Permit Masuk yang tidak memiliki suatu Pas yang sah. Majikan boleh dihukum dengan:
 - i. Denda tidak kurang RM10,000 tetapi tidak lebih RM50,000 atau penjara tidak lebih 12 bulan atau kedua-duanya sekali bagi setiap orang pekerja yang diambil; dan
 - ii. Pada masa yang sama mengambil pekerja lebih dari 5 orang dikenakan penjara tidak kurang 6 bulan tetapi tidak lebih 5 tahun dan boleh dikenakan tidak lebih 6 sebatan.
 - b. Seksyen 56(1)(d) iaitu Dengan sengaja memberi perlindungan kepada mana-mana orang yang diketahuinya telah melanggar peruntukan Akta. Majikan boleh dihukum dengan:

NO. SOALAN : 34

- i. Denda tidak kurang RM10,000 tetapi tidak lebih RM50,000. Sekiranya lebih daripada 5 orang boleh dikenakan penjara tidak kurang 6 bulan tetapi tidak lebih 5 tahun dan boleh dikenakan tidak lebih 6 sebatan.
- c. Seksyen 55E iaitu Mana-mana orang yang membenarkan mana-mana Pendatang Tanpa Izin (PATI) memasuki atau tinggal di dalam premis yang ianya mempunyai kepentingan sebagai penyelia atau menguruskan atau mempunyai kawalan ke atas mana-mana premis tersebut. Majikan boleh dihukum dengan:
 - i. Denda tidak kurang RM5,000 tetapi tidak lebih RM30,000 atau penjara tidak lebih 12 bulan atau kedua-duanya sekali bagi setiap Pendatang Tanpa Izin. Bagi kesalahan kedua, denda tidak kurang RM10,000 tetapi tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN
[ROMPIN]**

TARIKH : 10 JULAI 2019 [RABU]

SOALAN NO. 35

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan bagi mengatasi masalah aliran wang tunai, FELDA perlu menjual pelaburannya di luar negara seperti Grand Plaza Services Apartment, London dan Grand Kingston, London Plaza. Nyatakan pelaburan-pelaburan FELDA di luar negara dan mengapa harta-harta tersebut lambat dijual.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA bersama Kementerian Hal Ehwal Ekonomi sedang merangka langkah jangka pendek, sederhana dan jangka panjang dalam memastikan kedudukan aliran tunai FELDA dapat dipulihkan seperti yang dibentangkan dalam Kertas Putih "Ke Arah Kelestarian Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)" di Dewan Rakyat pada 10 April 2019.
2. Antara langkah-langkah yang akan dilaksanakan oleh FELDA adalah merasionalisasikan aset-aset, menstrukturkan semula pinjaman, mendapatkan bantuan kewangan dari Kerajaan dan kaedah-kaedah lain dalam memastikan kedudukan aliran tunai FELDA dapat dipulihkan.

NO. SOALAN 35

3. Dalam proses rasionalisasi ini, FELDA dijangka melaksanakan penjualan aset-aset yang bukan strategik milik syarikat – syarikat subsidiari FELDA bagi harta tanah di London, Sarawak dan Sabah yang dibeli pada kos sebanyak RM2.2 bilion. Pada masa ini, FELDA dan syarikat – syarikat subsidiari FELDA masih dalam proses untuk melaksanakan penjualan aset-aset yang bukan strategik tersebut dengan teliti bagi memastikan FELDA mendapat nilai yang terbaik dan memberi manfaat yang optimum kepada FELDA dan peneroka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 10 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 36

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan jangkaan lima (5) projek utama yang diumumkan pada separuh pertama tahun 2019 untuk Kelantan dapat dimulakan dan jangkaan projek tersebut dapat disiapkan; Projek pembesaran dan naik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 3 (LPT3), Jambatan Palekbang – Kota Bharu, Jalan Baharu Jeli – Machang – Pasir Puteh dan Fasa 1A, sebahagian Fasa 2 dan Fasa 3 Lebuh Raya Kota Bharu – Kuala Krai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, status terkini kelima-lima projek utama di Kelantan yang diumumkan sewaktu lawatan kerja ke negeri tersebut pada 8 Mac 2019 adalah seperti berikut:

- i) Projek Lebuhraya Central Spine Road dan Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai yang akan menghubungkan Bentong, Pahang ke Kota Bharu, Kelantan dengan panjang jalan dianggarkan sepanjang 347km. Pelaksanaan projek ini adalah secara berfasa yang mana sebanyak 271km telah

diluluskan pelaksanaan dan 76km di peringkat perancangan. Mengikut perancangan, keseluruhan jajaran ini dijangka siap pada tahun 2025;

- ii) Projek Lebuhraya Pantai Timur 3 (LPT3), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) telah mempertimbangkan untuk kerja-kerja awalan dibuat yang merangkumi penyiasatan tanah (soil investigation), Sosial Impact Assesment (SIA), utility mapping dan survei LIDAR bagi penentuan jajaran. Pada masa yang sama, MEA dimaklumkan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) bahawa pihaknya akan menjalankan kajian trafik mengenai penggunaan lebuhraya ini yang mana hasilnya akan dibentangkan kepada MEA. Setelah kerja-kerja awalan siap dilaksanakan, proses seterusnya ialah melaksanakan Makmal Pengurusan Nilai bagi tujuan penentuan skop dan kos sebenar projek, sebelum proses tender dapat dilaksanakan oleh KKR.
- iii) Projek Laluan antara Pasir Puteh-Machang-Jeli dan Projek Jambatan Palekbang, Kota Bharu, beberapa sesi libat urus telah dibuat diantara MEA dan Kementerian Kerja Raya bagi penentuan kos, skop, *outcome* dan jajaran yang terbaik bagi memberi pulangan *value for money* kepada Kerajaan.
- iv) Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra akan dinaik taraf bagi menampung pengendalian sehingga 4 juta penumpang setahun. MEA dimaklumkan oleh Kementerian Pengangkutan bahawa mereka dalam proses melaksanakan Makmal Value Engineering (VE) sebelum proses perolehan dapat dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS
[JELEBU]**

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN

Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah kebenaran dakwaan di media sosial bahawa ajaran Syiah semakin berkembang di Malaysia dan bagaimanakah pihak Kerajaan membendung penularan ajaran ini di kalangan masyarakat.

JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memandang serius sebarang penularan ideologi dan pemikiran yang bertentangan dengan pegangan akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah yang didokong oleh Perlembagaan negara ini seperti ajaran Syiah. Walau bagaimanapun, perkembangan ajaran Syiah pada masa ini masih dalam kawalan dan sentiasa dalam pemantauan pihak kerajaan dan tidak berada di tahap yang membimbangkan.

Antara langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membendung penularan ajaran Syiah adalah seperti berikut:

1. Pandangan Hukum, Fatwa dan Perundangan:

- i. Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang bersidang

pada 5 Mei 1996, antara lain telah menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah wal-Jamaah dari segi akidah, syariah dan akhlak. Selain itu, menetapkan bahawa ajaran Islam selain daripada pegangan Ahli Sunnah wal-Jamaah adalah dilarang.

- ii. Seterusnya keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan ini telah disusuli dengan fatwa pengharaman Syiah di 13 buah negeri di Malaysia. Fatwa ini telah pun diwartakan serta boleh digunakan untuk mengambil tindakan ke atas pengikut Syiah.
 - iii. Pemantauan secara berkala dan tindakan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa agama sekiranya terbukti terdapat unsur-unsur penerbitan, penyiaran dan penyebaran apa-apa buku, risalah, filem, video dan lain-lain berhubung fahaman ini.
2. Program penjelasan dan penerangan kepada masyarakat:

- i. Melalui siri penjelasan dalam seminar dan forum berkaitan akidah yang dilaksanakan oleh JAKIM dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri.
- ii. Pendedahan mengenai penyelewengan ajaran Syiah melalui medium penyiaran seperti siaran khutbah serta rancangan-rancangan agama seperti rancangan Forum Perdana Ehwal Islam dan Anda Musykil? yang disiar melalui TV serta rancangan lain yang turut diterbit dan disiar melalui radio stesen-stesen nasional Kerajaan serta boleh diakses melalui media baharu.
- iii. Melaksanakan muzakarah pakar, sidang meja bulat dan bengkel bersama agensi peringkat Persekutuan dan Negeri bagi berkongsi input dan mencari solusi untuk menangani penularan ajaran Syiah di kalangan masyarakat.

- iv. Program pemantapan kefahaman Ahli Sunnah wal-Jamaah dengan agensi yang menyelaras program kepada penjawat awam dan institusi pengajian tinggi khususnya kepada pelajar yang akan ke luar negara. Slot-slot penerangan mengenai akidah diberi kepada mereka dan dimasukkan dalam modul-modul yang berkaitan.
 - v. Penerbitan bahan bacaan dan buku berkaitan isu Syiah dengan kerjasama Institusi Pengajian Tinggi dan Jabatan Mufti/Jabatan Agama Islam/Majlis Agama Islam Negeri bagi memberi pendedahan dan rujukan kepada masyarakat berhubung perkara ini.
3. Pendidikan peringkat rendah/ Kelas Agama dan Fardhu Ain (KAFA):

Penekanan terhadap pendidikan akidah yang benar melalui penggubalan kurikulum agama yang berkaitan akidah bagi pendidikan agama khususnya di peringkat sekolah rendah melalui Kelas Agama dan Fardhu Ain (KAFA).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA , PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 38

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat meminda beberapa bahagian dalam Perlembagaan untuk membolehkan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Untuk Melantik Jawatan-Jawatan Utama Perkhidmatan Awam berfungsi dengan berintegriti dan sah.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN

TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha-usaha ke arah mengembalikan wibawa institusi Parlimen, sebanyak enam (6) Jawatankuasa Pilihan Khas (*Special Select Committee*) telah ditubuhkan sebagai perintis berdasarkan kepentingan dan hala tuju negara yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat pada Khamis, 16 Ogos 2018 semasa Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Keempat Belas.

2. Berkenaan dengan isu berkaitan Jawatankuasa Pilihan Khas Untuk Melantik Jawatan-Jawatan Utama Perkhidmatan Awam, saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini bahawa Jawatankuasa tersebut berfungsi untuk meneliti pelantikan jawatan-jawatan penting dalam negara seperti pelantikan ke Suruhanjaya Hak Asasi Manusia,

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman Malaysia bagi memastikan ia dilantik berdasarkan merit.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Pilihan Khas ini telah bermesyuarat sebanyak enam (6) kali bagi menjalankan fungsi-fungsinya dan telah menetapkan rangka kerja sepanjang tahun berdasarkan terma rujukan yang telah ditetapkan termasuklah keperluan untuk meminda peruntukan-peruntukan sedia ada dalam Perlembagaan Persekutuan untuk Jawatankuasa ini menjalankan fungsinya. Pada masa yang sama, Jawatankuasa ini mendapati bahawa proses pelantikan jawatan-jawatan utama dalam perkhidmatan awam ini adalah unik dan berbeza bagi setiap jawatan dan agensi. Oleh yang demikian, Jawatankuasa ini sedang mengkaji mekanisme terbaik agar dapat menjalankan fungsi dan peranan yang lebih jelas dalam proses pelantikan jawatan-jawatan utama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD.
KADIR (SETIU)**

TARIKH : 10 JULAI 2019

SOALAN NO. 39

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah benar cadangan Kerajaan untuk membatalkan Stesen ECRL Telaga Papan Setiu dan kalau ianya benar apakah justifikasi pembatalan tersebut dan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji balik cadangan pembatalan tersebut.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) telah digantung perlaksanaannya bermula daripada tarikh 03 Julai 2018 sehingga 12 April 2019. Selama tempoh tersebut, pihak Kerajaan telah mengambil langkah segera untuk melaksanakan rundingan semula bagi menentukan hala tuju projek dengan pihak Kerajaan Republik Rakyat China dan pihak China Communications Construction Company Ltd. (CCCC) sebagai kontraktor utama Projek yang telah dilantik dan memeterai perjanjian kontrak kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pentaulahan (EPCC) Projek ECRL. Hasil utama rundingan semula tersebut adalah pengurangan kos projek ECRL daripada RM65.5 bilion kepada RM44 bilion atau pengurangan sebanyak RM21.5 billion.
2. Pengurangan kos sebanyak RM21.5 bilion ini telah berjaya dicapai melalui siri semakan semula aspek kejuruteraan dan kajian kejuruteraan nilai (value engineering) yang menyeluruh merangkumi semua aspek perlaksanaan projek. Kajian teknikal ini dijalankan bersama diantara pihak pemilik Projek yang dilantik Kerajaan, Malaysia Rail Link Sdn Bhd dan CCCC. Hasil utama kajian ialah perubahan jajaran ECRL di antara Kota Bharu, Kelantan ke Dungun, Terengganu dan jajaran di antara Mentakab, Pahang ke Pelabuhan Klang, Selangor.
3. Berdasarkan semakan semula yang telah dijalankan, stesen ECRL Telaga Papan telah dibatalkan kerana jangkaan penumpang yang agak rendah iaitu 122 penumpang sehari. Namun demikian, stesen ini boleh dikaji semula pada masa akan datang apabila terdapat keperluan dan jangkaan penumpang di kawasan tersebut telah meningkat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHAN FOONG HIN
[KOTA KINABALU]**

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 40

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan menjelaskan status Laporan Jawatankuasa Bebas Pengurusan Pekerja Asing yang belum diumumkan, dan juga cadangan laporan tersebut dalam pengurusan pekerja-pekerja asing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Mengenai Pengurusan Pekerja Asing di Malaysia yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 14 Ogos 2018 telah bersetuju untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Bebas Pengurusan Pekerja Asing yang diurussetiakan oleh Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA), Kementerian Sumber Manusia.
2. Jawatankuasa Bebas Pengurusan Pekerja Asing adalah satu entiti bebas yang akan memberi cadangan dan pandangan kepada Jawatankuasa Bersama antara Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia mengenai dasar dan pengurusan pekerja asing di Malaysia.

SOALAN NO : 40

3. Jawatankuasa ini dianggotai oleh sepuluh (10) orang ahli yang terdiri daripada bekas Hakim, wakil akademik, wakil *Civil Society Organisation (CSO)* dan pakar-pakar dalam bidang pasaran buruh.
4. Jawatankuasa Bebas ini adalah bertanggungjawab untuk:
 - (a) Melihat secara menyeluruh mengenai dasar pengurusan pekerja asing sedia ada di Malaysia;
 - (b) Membangunkan rangka kerja Jawatankuasa bagi mengenalpasti objektif serta tanggungjawab Jawatankuasa; dan
 - (c) Menyedia serta mengemukakan cadangan dan pandangan kepada Jawatankuasa Bersama antara Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia mengenai dasar dan pengurusan pekerja asing di Malaysia.
5. Jawatankuasa tersebut telah mengemukakan kepada YB Menteri Sumber Manusia laporan hasil dapatan dan cadangannya berdasarkan pada 30 Januari 2019.
6. Laporan tersebut telahpun dibentangkan oleh YB Menteri Sumber Manusia kepada Jemaah Menteri. Kabinet telah mengarahkan intipati serta cadangan/kandungan laporan jawatankuasa tersebut perlu terus dirahsiakan dan tidak dibenarkan untuk didedahkan kepada umum sehingga diberitahu kelak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk memperkasakan Mahkamah Syariah khususnya untuk memberi peluang hukuman takzir dapat dilaksanakan serta menyelesaikan ketidak seragaman yang nyata dalam penjenayah takzir mengikut Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri dan Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559].

JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hukuman bagi kesalahan-kesalahan yang terdapat dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559] adalah hukuman ta'zir. Walau bagaimanapun, hukuman ta'zir yang terdapat dalam Akta 559 pula adalah terbatas dengan peruntukan di bawah Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355].

Kerajaan akur dan akui bahawa terdapat ketidak seragaman yang nyata dalam penjenayahannya takzir bagi setiap undang-undang kesalahan jenayah syariah negeri-negeri di seluruh Malaysia.

Oleh itu, bagi menyelesaikan isu ketidak seragaman yang nyata ini, Kerajaan melalui Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil juga sentiasa berusaha untuk menggubal draf model undang-undang syariah bagi tujuan penyelarasan dan penyeragaman undang-undang negeri-negeri di seluruh Malaysia. Antaranya, Kerajaan sedang dalam proses untuk menyeragamkan undang-undang kesalahan jenayah syariah negeri-negeri seluruh Malaysia dari segi jenis kesalahan, jenis hukuman dan kadar hukuman.

Selain itu, beberapa penambahan peruntukan yang baharu akan turut dibuat, antaranya peruntukan yang memberikan budi bicara kepada mahkamah syariah untuk membuat perintah-perintah yang bersifat pemulihan (rehabilitative) agar undang-undang kesalahan jenayah syariah negeri-negeri yang seragam kelak tidak dilihat hanya bersifat menghukum (punitive) semata-mata.

Terdapat juga beberapa penambahbaikan lain yang akan turut digubal, antaranya dengan memasukkan atau memperkemaskan elemen-elemen kesalahan bagi kesalahan-kesalahan tertentu. Penambahbaikan tersebut dibuat bagi memudahkan pihak penguatkuasaan mengumpul keterangan dan pihak pendakwaan membuktikan sesuatu kes di mahkamah.

Cadangan penyeragaman undang-undang kesalahan jenayah syariah ini telah dibentangkan dan dipersetujui oleh Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) pada 13 Jun 2019. Ia juga telah dibentangkan kepada negeri-negeri di bawah naungan DYMM SPB Yang di-Pertuan Agong iaitu, Wilayah-Wilayah Persekutuan, Sabah, Sarawak, Pulau Pinang, Melaka dan Pahang semasa sesi Majlis Munaqasyah Pengurusan Hal Ehwal Islam Negeri-Negeri di bawah naungan SBP Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara pada 20 Jun 2019.

Cadangan draf model undang-undang syariah ini akan dibentangkan kepada negeri-negeri di seluruh Malaysia untuk mendapatkan maklumbalas dan pandangan melalui forum-forum seperti Majlis Dialog Undang-Undang dan Persidangan Penyelarasian Undang-Undang Syarak dan Sivil.

Setelah persetujuan negeri-negeri di seluruh Malaysia diperoleh, draf model undang-undang kesalahan jenayah syariah ini akan dikemaskini, ia kemudian akan diangkat ke MKI dan Majlis Raja-Raja (MRR) untuk perkenan dan seterusnya dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara (JPN) untuk kelulusan sebelum dibentangkan di Parlimen.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT
NAWI [TUMPAT]**

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 42

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah kerja-kerja pembaikan landasan kereta api di Pantai Timur iaitu dari Gemas ke Mentakab, Jerantut ke Gua Musang dan Gua Musang ke Tumpat dijadualkan siap.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, banjir yang melanda Sektor Pantai Timur KTMB yang bermula pada 22 Disember 2014 telah mengakibatkan kerosakan teruk kepada landasan dan sistem keretapi di Pantai Timur.
2. Dalam hal ini, Kerajaan telah memperuntukan dana berjumlah RM874.7 juta bagi membaikpulih infrastruktur landasan dan stokereta di sektor Pantai Timur.
3. Berdasarkan prestasi semasa keseluruhan kerja membaikpulih infrastruktur landasan di sektor Pantai Timur ini dijangkakan akan siap pada pertengahan tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR
[CAMERON HIGHLAND]**

TARIKH : 10 JULAI 2019

SOALAN NO. 43

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan dan usaha kementerian dan JAKOA menyelesaikan isu kaum Negrito Orang Asli Semenanjung yang rata-ratanya tinggal di pedalaman Negeri Pahang, Perak dan Kelantan yang masih tercicir daripada segi pendidikan, kesihatan, kemudahan asas dan aktiviti ekonomi agar suku kaum Negrito ini setanding dengan kemajuan yang dikecapi oleh masyarakat Orang Asli yang lain.

JAWAPAN : **YB DATUK LIEW VUI KEONG**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG & HAL EHWAL PARLIMEN)

Tuan Yang di-Pertua,

Salah satu janji Kerajaan adalah berkaitan kesejahteraan rakyat dengan memberi tumpuan khas kepada komuniti Orang Asli. Sememangnya pembangunan masyarakat Orang Asli yang tinggal di tiga kawasan pedalaman (Hulu Perak, Hulu Kelantan dan Hulu Pahang) merupakan tumpuan utama JAKOA buat masa ini. Oleh itu sebarang perancangan dan gerak kerja turut memfokuskan kepada kumpulan kaum Negrito yang turut mendiami di tiga kawasan pedalaman ini yang terletak di kawasan banjaran titiwangsa. Perancangan dan gerak kerja JAKOA ini adalah bertepatan seperti mana aspirasi masyarakat Orang Asli yang dinyatakan dalam Konvensyen Orang Asli Kebangsaan (KOAK) 2019 iaitu untuk mempertingkatkan kemudahcapaian ke jalan raya utama dengan menaiktaraf jalan tar dan berturap di perkampungan Orang Asli terutamanya di tiga lokasi pedalaman utama iaitu Hulu Kelantan, Hulu Perak dan Hulu Pahang.

Bilangan kampung kaum Negrito yang direkodkan di negeri Perak, Pahang dan Kelantan adalah sebanyak 50 buah kampung. Status terkini kemudahan asas mengikut negeri adalah seperti berikut:

BIL	NEGERI	JUMLAH KAMPUNG KAUM NEGRITO	JALAN PERHUBUNGAN		BEKALAN AIR		BEKALAN ELEKTRIK	
			ADA	TIADA	ADA	TIADA	ADA	TIADA
1.	Pahang	13	8	5	9	4	6	7
2.	Kelantan	13	13	0	13	0	12	1
3.	Perak	24	14	10	21	3	12	12
JUMLAH		50	35	15	43	7	30	20

NO. SOALAN : 43

Manakala bagi aktiviti ekonomi, JAKOA telah melaksanakan program Tanam Semula Komersial (TSK) melibatkan sawit dan getah serta pembangunan Ladang Masyarakat dalam usaha meningkatkan pendapatan Orang Asli kaum Negrito. Ia adalah selaras dengan Pelan Strategik JAKOA (2016 – 2020) yang memberi fokus kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia melalui pelaksanaan Program Pembangunan Ekonomi Orang asli yang telah diluluskan dalam RMK-11.

Untuk makluman yang Berhormat, daripada aspek pendidikan, JAKOA terus menggadakan usaha menerusi program kesedaran pendidikan dan motivasi pendidikan kepada para pelajar, ibu dan bapa. Selain itu, JAKOA dengan pihak Kemneterian Pendidikan Malaysia (KPM) bekerjasama meggubal silibus dan kaedah pengajaran berkonsepkan Sekolah Komuniti Pedalaman (Community School).

Dari aspek kesihatan pula, antara usaha yang dilaksanakan adalah meningkatkan aktiviti kesedaran kesihatan komuniti dan penerangan Jom Sihat versi bahasa beberapa etnik kumpulan Negrito dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Selain itu, turut diperluas perkhidmatan Klinik Bergerak dan Komuniti Sihat Pembina Negara di peringkat Kampung Orang Asli dengan pihak KKM serta memperkasakan jaringan keselamatan sosial (social safety net) dengan pihak berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA [PARIT]

TARIKH : 10 JULAI 2019 | RABU

SOALAN

Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) Apakah jaminan yang akan diberikan oleh Kerajaan berhubung kemampuan Lembaga Tabung Haji (**TH**) memberikan pulangan hibah yang lebih baik kepada pendeposit pada tahun 2019 berbanding kadar 1.25 peratus pada 2018; dan
- (b) Apakah status terkini Pelan Penstruktur dan Pemulihan Tabung Haji serta prestasi kewangan pada suku pertama dan kedua tahun 2019.

JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Tabung Haji (**TH**) mengagihkan hibah kepada pendeposit berdasarkan kemampuan kewangan tahun semasa dan tertakluk kepada pematuhan kehendak Akta Tabung Haji 1995 di bawah Seksyen 22. Pada tahun 2018, **TH** merekodkan jumlah aset melebihi liabiliti sebanyak RM1.0 bilion hasil daripada Pelan Penstruktur dan Pemulihan **TH**. Pihak **TH** mengambil langkah sewajarnya dengan merangka Teras Strategik **TH**, bukan sahaja untuk memastikan tadbir urus **TH** yang baik tetapi juga untuk mendapat pulangan mampan dan stabil serta mengurangkan kos operasi **TH**. Teras strategik ini juga dilaksanakan untuk

memastikan kedudukan kewangan dan operasi **TH** terus teguh dan masih dilandasan yang benar. InshaAllah, dengan tadbir urus yang baik, telus dan usaha penstrukturran yang berjalan lancar serta mendapat sokongan rakyat, tidak mustahil kadar agihan hibah pada masa akan datang akan lebih tinggi dan kompetitif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dengan adanya pelan Pemulihan dan penstrukturran **TH**, ia membolehkan pengagihan hibah diagihkan kepada pendeposit yang berlandaskan Akta Tabung Haji tersebut. Pelan ini melibatkan pemindahan aset-aset yang mengalami kejatuhan nilai dan memberi pulangan rendah kepada sebuah Syarikat Tujuan Khas (SPV) milik penuh Kerajaan Malaysia. Transaksi ini adalah bertujuan untuk memulihkan kedudukan kewangan **TH** supaya nilai aset melebihi nilai liabiliti. Langkah dan inisiatif yang diambil ini telah menyebabkan hibah boleh diagihkan kepada pendeposit berlandaskan kepada Akta Tabung Haji.

TH mempunyai Hak Keutamaan (*First Right of Refusal*) terhadap aset-aset yang telah dipindahkan sekiranya SPV ingin melupuskan aset-aset tersebut. Pada masa yang sama untuk membantu fleksibiliti kewangan Kerajaan, sukuk mempunyai terma yang membenarkan Kerajaan untuk menebus semula sukuk bukan sahaja melalui tunai tetapi juga dengan melalui aset-aset yang telah dipindah tersebut atau aset-aset lain milik Kerajaan.

Kedudukan kewangan Lembaga Tabung Lembaga Tabung Haji (**TH**) mencatatkan prestasi yang mampan pada suku pertama 2019, hasil daripada kejayaan proses penstrukturran dan pemulihian yang dilaksanakan pada akhir Disember 2018. Pada suku pertama 2019, **TH** telah memperoleh pendapatan berjumlah RM623 juta dan mencatat keuntungan bersih RM440 juta. Pendapatan **TH** akan terus meningkat mulai suku kedua dengan penerbitan sukuk oleh SPV akan memberi pulangan hampir RM800 juta setahun dan perlaksanaan proses pelarasan pelaburan baharu.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

TARIKH : 4 JULAI 2019

SOALAN : 45

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan prestasi dan sumbangan syarikat-syarikat milik Kerajaan (GLC) sejak Pakatan Harapan menjadi Kerajaan Persekutuan. Adakah Kerajaan telah mula menerima pakai piawaian antarabangsa seperti Garis Panduan OECD mengenai Tadbir Urus Syarikat Milik Kerajaan dalam rangka memperbaiki keseluruhan tadbir urus GLC.

JAWAPAN: **YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK**
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Ahli Yang Berhormat, secara amnya, Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) terus memainkan peranan yang sama serta menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi dan kesejahteraan negara sejak Malaysia ditadbir oleh Kerajaan baharu pada 2018. Seperti juga syarikat-syarikat lain, prestasi GLC ini pula berkait rapat dengan, dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor luaran seperti dasar yang ditetapkan oleh kerajaan terhadap industri-industri yang mana GLC ini beroperasi, keadaan pasaran dan sebagainya. Namun demikian, GLC bawah pentadbiran Kerajaan sekarang akan terus ditadbir secara profesional dan berintegriti bagi memastikan sasaran kewangan dan juga matlamat pembangunan negara yang dimainkannya dapat terus dicapai.

SOALAN NO. 45

Sehubungan itu, bagi mencapai matlamat yang ditetapkan oleh Kerajaan, GLC, khususnya syarikat-syarikat yang tersenarai awam, sememangnya memegang teguh dan mengamalkan pelbagai piawaian antarabangsa dan tertakluk kepada peraturan serta garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa dan pengawal selia tempatan, termasuk Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia, Suruhanjaya Syarikat dan sebagainya. Selain daripada penyeliaan luaran, GLC turut ditadbir oleh Lembaga Pengarah masing-masing yang memastikan ia sentiasa memegang teguh kepada tadbir urus dan piawaian yang ditetapkan.

Sebahagi contoh, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia atau Malaysian Code on Corporate Governance (MCCG) yang diperkenalkan oleh Suruhanjaya Sekuriti pada tahun 2000 merupakan panduan penting untuk pembaharuan tadbir urus korporat, dan telah mempengaruhi amalan tadbir urus korporat syarikat-syarikat di Malaysia. GLC, khususnya yang dikuasai oleh Khazanah, mematuhi keperluan penyenaraian MCCG dan Bursa. MCCG mencerminkan prinsip-prinsip global dan amalan tadbir urus korporat yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa yang melebihi keperluan minimum yang ditetapkan oleh undang-undang, pengawal seliaan atau penetapan oleh Bursa Malaysia.

Pada tahun 2017, MCCG, yang menggantikan edisi awalnya, mengambil pendekatan baharu untuk menggalakkan penghayatan budaya tadbir urus korporat yang lebih mendalam. Kod MCCG ini mengikuti pendekatan “aplikasi atau penerangan alternatif”, yang mana syarikat yang tidak menggunakan amalan yang ditetapkan oleh Kod ini mesti memberikan penjelasan, dan mendedahkan satu amalan alternatif yang mampu memenuhi objektif prinsip-prinsip Kod tersebut.

Khazanah, sebagai salah sebuah syarikat Kementerian Kewangan Diperbadankan, yang juga syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC), merupakan anggota Institutional Investors Council Malaysia atau IIC dan penandatangan kepada Kod untuk Pelabur Institusi. Kod ini dibangunkan berdasarkan prinsip-prinsip OECD dan amalan terbaik lain bagi Pelabur Institusi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]

TARIKH : 10 JULAI 2019

SOALAN

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menaik taraf skim perkhidmatan Pembantu Hal Ehwal Islam (HEI) dan Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) daripada skim S19 kepada skim yang lebih tinggi bersetujuan dengan beban tugas dan situasi semasa yang semakin mencabar.

JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengambil berat dan prihatin terhadap kemaslahatan rakyat dan kesejahteraan penjawat awam/ swasta termasuklah meneliti skim perkhidmatan dan beban tugas penjawat awam, termasuk perjawatan PMOA dari semasa ke semasa. Pada masa ini, Kerajaan sedang mengkaji pemberian insentif kepada PMOA yang bertugas di pedalaman. Dan sememangnya kita sentiasa menekuni, meneliti dan membuat kajian dari semua aspek dan sudut terutama dari aspek beban tugas PMOA, dan mengambil kira setiap cadangan , agar kedudukan dan jawatan mereka di masa akan datang tetap terjamin. Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN [SEMBRONG]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 47

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mempertimbangkan saranan yang pernah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia bagi memperkenalkan Gaji Kehidupan Wajar terhadap golongan B40 di Malaysia bagi merealisasikan status Negara Berpendapatan Tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Kerajaan telah pun melaksanakan gaji minimum seragam seluruh negara pada kadar RM1,100 sebulan (RM5.29 sejam) berkuatkuasa mulai 1 Januari 2019 dan kadar tersebut adalah terpakai kepada seluruh pekerja sektor swasta.
2. Berhubung cadangan mempertimbangkan gaji kehidupan wajar (*living wage*), Kerajaan berpandangan cadangan ini belum sesuai untuk dilaksanakan buat masa sekarang. Perlu juga diambil kira sekiranya cadangan ini dipertimbangkan, pelaksanaannya kelak akan meliputi pekerja asing juga kerana selaras dengan asas perburuhan sedia ada bagi memastikan tiada elemen diskriminasi dalam apa ju keadaan.

SOALAN NO : 47

3. Secara umumnya pelaksanaan gaji minimum berkonsepkan gaji pokok ini telah pun memberikan kesan positif kepada pekerja dan kesan-kesan positif tersebut adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan bayaran kerja lebih masa pekerja yang mana sekali gus meningkatkan pendapatan;
- (ii) meningkatkan simpanan pekerja melalui sumbangan caruman pekerja dan majikan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP); dan
- (iii) menjamin jaringan keselamatan sosial (*social security net*) melalui peningkatan caruman pekerja dan majikan di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang memastikan jaminan keselamatan pekerja dipelihara sekiranya ditimpa bencana.

4. Mekanisme sedia ada dalam menetapkan kadar gaji minimum di negara kita, MPGN telah pun mengambil kira aspek perubahan kos sara hidup iaitu Indeks Harga Pengguna (*Consumer Price Index (CPI)*) sebagai salah satu indikator dalam membuat penentuan kadar gaji minimum. Selain itu, indikator-indikator lain yang turut diambil kira adalah kadar pertumbuhan produktiviti buruh, gaji penengah atau *median wage* (keupayaan majikan untuk membayar gaji), kadar pengangguran sebenar dan Pendapatan Garis Kemiskinan.

5. Kesimpulannya dasar gaji minimum hanya merupakan salah satu dasar Kerajaan dan bukan satu-satunya dasar yang bertujuan membantu rakyat untuk meningkatkan pendapatan serta menampung keperluan asas. Dasar ini perlu juga dibantu oleh dasar-dasar Kerajaan yang lain bagi memastikan negara ini kekal produktif, berdaya saing dan perkembangan ekonomi yang mampan di samping rakyat memperoleh pendapatan yang munasabah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA , PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 48

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status penggubalan undang-undang baru berkaitan dengan Akta Perkhidmatan Parlimen.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 telah dimansuhkan pada tahun 1992. Kerajaan dalam usaha menambah baik dan meningkatkan ketelusan dalam pentadbiran bercadang untuk memperkenalkan Akta Suruhanjaya Parlimen Malaysia untuk menggantikan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang telah dimansuhkan tersebut. Kajian dan penyediaan perincian berkenaan dengan penubuhan Suruhanjaya Parlimen Malaysia sedang dilakukan sebelum ianya diangkat untuk keputusan Jemaah Menteri kerana ianya akan melibatkan pindaan kepada beberapa undang-undang bertulis sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN

: LISAN

DARIPADA

**: DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
[GERIK]**

TARIKH

: 10 JULAI 2019 [RABU]

SOALAN NO. 49

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan berapa jumlah hutang peneroka kepada pihak FELDA beserta perincikan hutang-hutang tersebut serta apakah Kerajaan akan menghapuskan hutang-hutang peneroka seperti yang dijanjikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menyedari akan perlunya diberi penjelasan mengenai isu yang dihadapi oleh FELDA serta pelan pemulihan bagi mengembalikan keyakinan rakyat dan memastikan kebijakan peneroka terus dibela. Kerajaan akan melaksanakan pelan pemulihan jangka pendek, sederhana dan panjang ke arah kelestarian FELDA seperti yang dibentangkan dalam Kertas Putih "Ke Arah Kelestarian Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)" di Dewan Rakyat pada 10 April 2019.
2. Hutang peneroka dikategorikan kepada tiga kategori iaitu Hutang Pembangunan Kebun (terdiri daripada Hutang Pembangunan Asal dan Pembangunan Tanam Semula), Hutang Sosio Ekonomi (terdiri daripada hutang Pinjaman Pembesaran Rumah, Pinjaman Saham FGV, Skim Insentif Usahawan, Pinjaman Pelajaran Tinggi dan

Pinjaman Komputer) dan Hutang Baja. Berdasarkan kategori hutang tersebut, Hutang Pembangunan Kebun (Pembangunan Tanam Semula) adalah penyumbang terbesar kepada hutang peneroka iaitu sebanyak RM6.5 bilion, diikuti dengan Hutang Sosio Ekonomi sebanyak RM1.1 bilion dan Hutang Baja sebanyak RM131 juta.

3. Walau bagaimanapun, jumlah sebenar hutang Bayaran Kembali Sementara (BKS) hanya akan dimuktamadkan selepas dikunci pada tahun kelapan setelah tanaman semula berhasil.
4. Untuk membiayai kos penanaman semula, FELDA terpaksa menanggung kos kewangan yang besar melalui pinjaman dari institusi kewangan yang mengenakan kadar faedah di antara 4% hingga 6%. Seterusnya, FELDA mengenakan faedah pada kadar efektif 3.8% bagi pinjaman yang dibuat oleh peneroka bagi Pembangunan Tanam Semula.
5. Sepertimana diumumkan dalam Kertas Putih FELDA, Kerajaan bersetuju memberi bantuan berjumlah RM2 billion untuk menghapuskan kadar faedah di atas kos penanaman semula, Pinjaman Sara Hidup dan Pendahuluan Hasil yang ditanggung oleh peneroka.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]**

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 50

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) adakah Kementerian merancang untuk mengkaji semula faedah-faedah yang telah ditawarkan kepada pencarum KWSP dan PERKESO, yang mana terdapat kes tuntutan yang tidak layak dan sebagainya apabila berlaku keilatan dan kematian di mana pewaris tidak dapat membuat tuntutan di atas sebab-sebab tertentu, walaupun pada ketika itu pencarum masih mencarum; dan
- (b) mohon pihak Kementerian menggariskan kaedah-kaedah yang terbaik secara jelas dan terperinci kepada masyarakat agar memudahkan pencarum dan pewaris menuntut hak masing-masing sekiranya berlaku bencana seperti keilatan dan kematian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, semua permohonan tuntutan faedah yang diluluskan adalah berdasarkan kepada peruntukan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971.
2. Kerajaan menerusi PERKESO telah membuat pindaan Seksyen 17(3), Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) berkuatkuasa pada 1.1.1992. Pindaan tersebut adalah;

*“dengan syarat bahawa jumlah bilangan caruman bulanan yang dibayar dalam tempoh tersebut di atas hendaklah sekurang-kurangnya **dua puluh empat**”*

Di mana sebelum pindaan ini jumlah bilangan caruman bulanan yang disyaratkan adalah tiga puluh enam. Pindaan kepada Seksyen 17(3) ini bertujuan untuk melonggarkan syarat kelayakan Orang Berinsurans. Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk membuat pindaan terhadap Seksyen 17(3) yang sedia ada. Walau bagaimanapun Kerajaan menerusi PERKESO akan meneliti dengan lebih lanjut dan terperinci rasional dan kebolehlaksanaan saranan YB Bintulu kerana ia perlu dilihat secara menyeluruh kesan kepada kemampunan dana PERKESO dan keperluan sebenar perlindungan keselamatan sosial di negara ini.

3. Sejak ditubuhkan, Akta 4 telah dipinda dari semasa ke semasa mengikut keperluan bertujuan memberi perlindungan keselamatan sosial yang sewajarnya dan kekal relevan. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, sehingga kini Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) telah dipinda sebanyak sebelas (11) kali di mana pindaan terakhir adalah pada tahun 2016. Antara komponen penting dalam pindaan ini adalah memperluaskan liputan perlindungan keselamatan

SOALAN NO : 50

sosial kepada semua pekerja tanpa tertakluk kepada had gaji mengikut takrifan pekerja serta menaikkan had siling caruman daripada RM3,000.00 kepada RM4,000.00 bagi maksud caruman dan pembayaran faedah.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Berhubung dengan pertanyaan garis panduan cara-cara mendapat bantuan PERKESO, semua permohonan tuntutan faedah yang diluluskan adalah berdasarkan kepada peruntukan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971.
5. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, PERKESO sentiasa mengadakan program bersama pihak majikan dan pekerja berkaitan faedah PERKESO secara berkala di setiap pejabat seluruh negara. Bagi membantu pemohon, senarai semak tuntutan faedah turut disediakan di laman sesawang yang boleh dicapai melalui pautan www.perkeso@gov.my dan di semua kaunter Pejabat PERKESO seluruh negara.
6. Selain itu, PERKESO ada menyediakan buku panduan / risalah bercetak dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil.
7. Sebagai langkah proaktif PERKESO telah menujuhkan Skuad PERKESO Prihatin untuk membantu Orang Berinsurans atau waris mereka dalam membuat tuntutan PERKESO. Skuad PERKESO Prihatin akan mengambil tindakan segera membantu setiap kes kemalangan yang disiarkan di dalam akhbar, media sosial, kes yang dimaklumkan oleh pemimpin masyarakat, agensi kerajaan dan sebagainya tanpa menunggu mereka hadir ke pejabat PERKESO sebaliknya anggota skuad akan segera pergi menemui mereka bagi membantu membuat tuntutan faedah.

SOALAN NO : 50

8. Selain itu, PERKESO juga mengadakan kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk pelbagai agensi Kerajaan yang lain untuk mendapat maklumat mengenai majikan baru bagi tujuan rujukan dan tindakan penguatkuasaan ke atas majikan yang tidak berdaftar. PERKESO telah lama menjalankan kerjasama misalnya dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dengan cara perkongsian data dan maklumat. Kerjasama juga telah dipertingkatkan melalui sistem MYCOID yang melibatkan 5 agensi kerajaan yang lain seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembahan Hasil Dalam Negeri (LHDN), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sendiri sebagai tunjang yang akan menyalurkan butir-butir maklumat majikan baru yang berdaftar di SSM untuk dikongsi secara berterusan. Melalui perkongsian ini PERKESO telah mengambil tindakan susulan dengan menghubungi majikan – majikan baru untuk menggesa mereka mendaftar sekiranya ada menggaji sekurang-kurangnya seorang pekerja.

9. PERKESO juga sering bekerjasama dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan *National Institute of Occupational Safety And Healthy (NIOSH)* yang merupakan agensi-agensi di bawah Kementerian yang sama untuk menjalankan program kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada majikan dan pekerja.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
[BER]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 51

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan dengan pelaksanaan dasar pekerja Malaysia didahulukan, sehingga kini berapakah jumlah pengambilan bagi pekerja Malaysia tersebut dan apakah sektornya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM), melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah melaksanakan pelbagai program untuk membantu pencari kerja termasuk lepasan institusi kemahiran untuk mendapatkan pekerjaan. Antara program-program yang telah dilaksanakan ialah penganjuran program penempatan pekerjaan (3P) di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah di seluruh negara yang diadakan sepanjang tahun.

2. Peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh majikan adalah berasaskan kepada faktor lokasi, pengalaman, kemahiran dan kelulusan pencari kerja. Melalui sistem Portal *JobsMalaysia*, Kekosongan Jawatan Aktif adalah sebanyak 282,648. Ia terdiri daripada 21,089 kekosongan untuk golongan siswazah dan 261,559 bukan siswazah.

3. Mengikut rekod JTK, pada tahun 2019 hingga 30 April, Pencari Kerja Aktif adalah seramai 133,191 orang. Ia terdiri daripada 101,762 orang siswazah dan 31,429 orang bukan siswazah. Dari jumlah tersebut, seramai 3,890 orang pencari kerja yang terdiri daripada 1,967 orang siswazah dan 1,923 orang bukan siswazah telah berjaya ditempatkan dalam pekerjaan.
4. Sektor yang paling banyak penempatan pekerjaan ditempatkan adalah Sektor Pembuatan iaitu sebanyak 36% (1,396 orang). Kedua adalah Sektor Perkhidmatan Lain yang mencatatkan sebanyak 33% (1,288 orang).
5. Kerajaan mengenakan syarat-syarat yang ketat ke atas majikan yang ingin menggaji pekerja asing dengan mewajibkan mereka mengiklankan kekosongan sesuatu jawatan dalam portal *JobsMalaysia* sebelum dikeluarkan Perakuan *JobsMalaysia* menggaji pekerja bukan warganegara, pendekatan ini adalah bagi memastikan keutamaan mengisi sesuatu kekosongan jawatan diberikan terlebih dahulu kepada rakyat tempatan walaupun di kategori pekerjaan asas. Semua permohonan penggajian pekerja asing diwajibkan dibuat secara *online* menggunakan Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) melalui laman sesawang www.eppax.gov.my. Setiap permohonan akan disiasat oleh pegawai-pegawai Jabatan Tenaga Kerja (JTK) bagi memastikan kesahihan majikan dan usaha-usaha mendapatkan pekerja tempatan melalui pengiklanan kekosongan jawatan di Portal Pekerjaan *JobsMalaysia*. Majikan juga perlu menghadiri temuduga melalui One Stop Centre (OSC) di Kementerian Dalam Negeri (KDN).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD
RAMLI [DUNGUN]**

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 52

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kajian bersama pihak penguatkuasa terlibat (JPJ dan PDRM) dalam berkaitan cermin gelap kenderaan persendirian dan apakah kesepakatan yang telah dicapai oleh kedua pihak.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian menerusi JPJ telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama dengan PDRM, malah MOU antara JPJ/PDRM telah pun bermula pada 2012 dan satu Jawatankuasa Teknikal antara JPJ/PDRM sentiasa bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali setahun untuk menyelesaikan isu-isu penguatkuasaan dan isu-isu berbangkit yang lain.

2. Untuk isu berkaitan penggunaan cermin gelap oleh kenderaan persendirian, menerusi perbincangan oleh pihak JPJ dan PDRM pada 16 Mei 2019, kedua-dua agensi ini bersetuju untuk bekerjasama di dalam menyediakan laporan terhadap permohonan baru penggunaan cermin gelap oleh orang awam (kenderaan persendirian), dan juga mesyuarat bersetuju untuk pihak PDRM menyediakan laporan rekod jenayah sebelum sesuatu kelulusan kepada orang awam diberikan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA , PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]**

TARIKH : 10.07.2019 (RABU)

SOALAN NO. 53

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- (a)** Status terkini mengenai kertas-kertas siasatan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung kes Projek Terowong Dasar Laut Pulau Pinang; dan
- (b)** Apakah tindakan yang diambil terhadap Consortium Zenith Construction Sdn. Bhd. yang mendakwa pihaknya telah memberi RM19 juta kepada seorang bernama G Gnanaraja untuk merasuh SPRM dengan tujuan menutup siasatan berkaitan rasuah terhadap syarikat tersebut.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JPM

Yang Berhormat,

(a) Untuk makluman Yang Berhormat Ayer Hitam, SPRM telah membuka 6 kertas siasatan berhubung kes Projek Terowong Dasar Laut Pulau Pinang. 1 Kertas Siasatan telah pun dituduh di mahkamah, 1 lagi Kertas Siasatan masih dalam tindakan SPRM manakala baki 4 Kertas Siasatan lagi telah diputuskan untuk ditutup atas arahan pihak Pendakwa Raya.

(b) Siasatan SPRM berhubung Consortium Zenith Construction Sdn. Bhd. telah selesai dijalankan. Setelah diteliti segala keterangan, pihak Pendakwa Raya telah memutuskan supaya Datuk Seri Gnanaraja A/I M.Gnanasundram dituduh dengan 3 pertuduhan di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan. Kes telah dituduh pada 3.4.2019.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA , PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI]

TARIKH : 10.07.2019 (RABU)

SOALAN NO. 54

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan menyiasat siri kejadian pada bulan Julai dan Ogos 2015 di mana Peguam Negara telah dipecat tanpa mengikut peruntukan Perlembagaan, pegawai Kerajaan dipermangsakan, dan undang-undang disalahgunakan untuk menutup siasatan ke atas skandal 1MDB.

JAWAPAN: **YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**
TIMBALAN MENTERI DI JPM

Yang Berhormat,

Untuk makluman Yang Berhormat Iskandar Puteri, pada peringkat ini, kerajaan tidak bercadang untuk mengambil sebarang tindakan susulan berhubung dengan pemecatan ke atas Peguam Negara dan pegawai-pegawai kerajaan yang telah diambil tindakan pada bulan Julai dan Ogos 2015.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan dimasa hadapan atau terdapat sebarang maklumat serta bukti yang jelas mengenai sebarang cubaan untuk menutup siasatan ke atas kes skandal 1MDB oleh mana-mana pihak, Kerajaan boleh mempertimbangkan tindakan susulan yang sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]

TARIKH : 10 JULAI 2019

SOALAN

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan berkenaan agihan sumbangan zakat kepada asnaf dibuat oleh pemimpin politik bukan beragama Islam sedangkan zakat merupakan urusan hal ehwal ibadat umat Islam.

JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di bawah Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, hal-ehwal Agama Islam termasuklah urusan zakat adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri menerusi Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN).

Berkenaan agihan sumbangan zakat kepada asnaf dibuat oleh pemimpin politik bukan beragama Islam, penyerahan bantuan oleh wakil rakyat bukan Islam dilihat hanya sebagai pengantara dalam penyampaian bantuan tersebut atas kapasiti mereka sebagai pimpinan setempat dan apa yang lebih penting adalah zakat tersebut diserahkan kepada golongan yang layak menerima zakat sebagaimana yang

NO. SOALAN : 55

dinyatakan oleh Al-Quran. Ayat 60 Surah At-Taubah menyebut zakat hendaklah diagihkan kepada lapan golongan asnaf iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, fisabilillah, ibnu sabil, al-gharimin dan ar-riqab.

Urusan zakat sebagaimana yang dinyatakan di awal tadi masih kekal di bawah bidang kuasa MAIN seperti mana yang dinyatakan oleh Perlembagaan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 56

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah status terkini Projek Pembinaan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Serian, Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek penubuhan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Serian, Sarawak telah bermula pada April 2018 dan kini sedang dalam tempoh pembinaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian dan dasar Kerajaan terhadap penganjuran ibadah orang Islam seperti berbuka puasa di rumah ibadat bukan Islam yang menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat baru-baru ini.

JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa memandang berat berhubung kepentingan untuk memelihara kesucian agama Islam di negara ini dan disamping itu turut mengambil langkah yang sewajarnya dalam memastikan keharmonian di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama sentiasa terpelihara dan dalam keadaan yang baik.

Berhubung penganjuran majlis berbuka puasa di rumah ibadat bukan Islam di dalam konteks Malaysia yang mana majoriti penduduknya merupakan orang Islam, hubungan antara agama kekal berada pada tahap yang baik dengan pengikut setiap agama sejak sekian lama saling memahami sensitiviti antara satu sama lain. Ini

mungkin berbeza dengan umat Islam yang tinggal di negara bukan Islam seperti di luar negara yang perlu lebih banyak meraikan keadaan sekeliling berdasarkan majoriti penduduk setempat.

Sehubungan itu, Kerajaan menasihatkan semua pihak agar sentiasa memelihara dan menghormati sensitiviti setiap agama di negara ini dalam menyemarakkan keharmonian di kalangan rakyat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA , PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI
BIN TUANKU JAAFAR [SANTUBONG]

TARIKH : 10 JULAI 2019

SOALAN NO 58

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian sebenar Kerajaan Persekutuan berhubung dengan hak-hak Sarawak dalam Perjanjian Malaysia 1963 dan apakah langkah Kerajaan Persekutuan untuk mengambalikan hak-hak telah terhakis dan seterusnya untuk merealisasikan perkara-perkara yang belum dilaksana atau tidak termasuk dalam Perlembagaan seperti yang termaktub dalam Artikel VIII, Perjanjian Malaysia 1963 .

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat,

1. Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 berhubung pindaan kepada Fasal (2) Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan 2019 telah gagal untuk mendapat persetujuan 2/3 oleh ahli-ahli Parlimen di Dewan Rakyat pada 9 April 2019 yang lalu. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan memperhalusi perkara ini dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963.

2. Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 telah meneliti isu-isu yang dibincangkan dan mempertimbangkan cadangan-cadangan yang dikemukakan hasil dari rundingan semua pihak berkepentingan. Satu Laporan terperinci akan disediakan berhubung dengan hasil semakan yang telah dibuat beserta dengan cadangan hala tuju untuk diangkat kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KAPAR]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 59

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilakah pindaan Akta Kesatuan 1965 akan dilakukan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Sumber Manusia kini dalam proses melakukan pindaan Akta Kesatuan Sekerja 1959 [Akta 262]. Draf cadangan pindaan Akta 262 tersebut telah dimuatnaik ke laman sesawang (*website*) Kementerian Sumber Manusia iaitu www.mohr.gov.my pada bulan November 2018 bagi tujuan mendapatkan maklum balas daripada orang awam.
2. Draf cadangan pindaan Akta 262 kemudiannya telah dibentangkan sebanyak dua (2) kali di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal *National Labour Advisory Council (NLAC)* yang mana keahliannya terdiri daripada wakil *Malaysian Trade Union Congress (MTUC)*, *Malaysian Employers Federation (MEF)* dan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) iaitu pada bulan Januari dan Februari 2019.
3. Draf cadangan tersebut kini di peringkat perincian dan pengemaskinian berdasarkan input-input yang diperolehi semasa pembentangan di Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal *National Labour Advisory Council (NLAC)*.
4. Selepas perincian dan pengemaskinian, cadangan pindaan Akta Kesatuan Sekerja 1959 [Akta 262] akan diangkat ke Jabatan Peguam Negara bagi tujuan semakan sebelum dibentangkan di Parlimen. Pindaan kepada Akta 262 ini dijangka dibentangkan di Parlimen pada penghujung tahun ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang dilakukan oleh pihak Kerajaan dalam meminta tambahan kuota haji untuk negara ini sesuai dengan sasaran Kerajaan Arab Saudi untuk mencapai jumlah 30 juta jemaah haji dan umrah ke negara tersebut menjelang tahun 2030.

JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuota rasmi Malaysia untuk musim haji tahun ini adalah 40,200 orang termasuk 10,000 kouta tambahan.

Kerajaan Arab Saudi telah mululuskan kuota tambahan sebanyak RM10,000 bagi musim Haji 1440H/2019M untuk umat Islam Malaysia menunaikan haji.

Usaha yang lebih proaktif dan berkesan akan dilaksanakan lagi dari semasa ke samasa bagi memastikan jumlah kuota haji ditingkatkan bagi membolehkan lebih ramai umat Islam Malaysia menunaikan Haji.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
[PENGERANG]**

TARIKH : 10 JULAI 2019

SOALAN NO. 61

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dasar dan polisi Kerajaan Persekutuan berkenaan dengan hak pemilikan tanah Orang Asli serta apakah usaha untuk memastikan hak tersebut dihormati oleh semua pihak seperti mana yang termaktub dalam Perlembagaan, Kanun Tanah Negara, Akta Peralihan Hak Atas Tanah dan Akta Orang Asli.

JAWAPAN : YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG & HAL EHWAL PARLIMEN)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Perdana Menteri (JPM) menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) komited dalam usaha untuk membangunkan tahap sosioekonomi masyarakat Orang Asli menerusi pembangunan tanah dan pemilikan tanah secara terancang dan komprehensif. Justeru itu, Kementerian ini menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah menyediakan Kertas Dasar Pembangunan dan Pemberimilikan Tanah Orang Asli (DPPTOA) yang telah dipersetujui dalam Majlis Tanah Negara (MTN) kali ke-65 pada 4 Disember 2009 yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri.

Meskipun begitu, pada 17 Mac 2010 menerusi Mesyuarat Jemaah Menteri telah memutuskan supaya dasar berkenaan dikaji semula ekoran terdapatnya memorandum bantahan daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO) Orang Asli. Buat masa ini, sebarang urusan kerja-kerja ukur dan permohonan pewartaan tetap dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dengan kerjasama Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri (PBN). Ini bagi menjamin hak dan kepentingan masyarakat Orang Asli terhadap tanah tetap terpelihara. Pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) juga, telah mendaftarkan Akta 134 ke dalam senarai Akta untuk pindaan oleh pihak Kerajaan yang dipantau oleh pihak Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) pada Januari 2019.

Pindaan ini bertujuan untuk menambahbaikkan peruntukan perundangan untuk kemajuan serta perlindungan hak masyarakat Orang Asli terhadap tanah. Antara cadangan pindaan Akta 134 adalah dengan mengambil kira hak-hak utama Orang Asli dalam *Declaration on the Rights of Indigenous Peoples* (UNDRIP), menyediakan mekanisme penyelesaian sekiranya berlaku pencabulan terhadap hak-hak tanah adat Orang Asli, perluasan pewartaan tanah Orang Asli dan kaedah pampasan berdasarkan keputusan-keputusan mahkamah yang telah diputuskan, Konsep Izin Maklum Awal Bebas Telus (IMABT) dalam melaksanakan kerja-kerja pembangunan. Selain itu Jabatan juga akan meneliti isu-isu berbangkit seperti pertindihan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dengan kawasan penempatan Orang Asli termasuk pegiktirafan tanah adat yang dituntut oleh masyarakat Orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat, pindaan Akta Orang Asli juga akan turut mengambil kira peruntukan perundangan seperti termaktub dalam Perlembagaan, Kanun Tanah Negara, Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi memastikan hak pemilikan tanah Orang Asli dihormati oleh semua pihak dan dilindungi dalam perundangan di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR [SANTUBONG]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 62

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kementerian ada membuat perbincangan dengan syarikat-syarikat Penerbangan seperti MAS, Malindo dan AirAsia supaya menurunkan tambang kapal di musim-musim perayaan, ke Sarawak dan Sabah dan balik ke destinasi asal, kalau tidak mengapa?.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tujuan mengatasi masalah kenaikan yang melampau harga tambang terutama bagi musim perayaan, YB Menteri Pengangkutan dalam mesyuarat dengan syarikat-syarikat penerbangan pada 4 September 2018 lalu telah memutuskan langkah-langkah seperti berikut:

- (i) sebagai langkah interim, Kerajaan tidak akan menetapkan harga siling dan harga lantai bagi tambang tiket penerbangan domestik bagi tujuan mengelakkan sebarang manipulasi oleh syarikat-syarikat penerbangan yang mana purata harga tiket akan menjadi lebih tinggi walaupun di luar musim perayaan sekiranya ia dilaksanakan;
- (ii) Kerajaan akan terus membenarkan harga tiket ditentukan oleh pasaran semasa (*market driven*) yang mana syarikat-syarikat penerbangan negara akan menetapkan kadar tambang

penerbangannya dengan mengambil kira permintaan pasaran, keadaan ekonomi serta faktor-faktor lain seperti harga bahan api dan kos operasi;

- (iii) bagi mengurangkan kenaikan harga tambang sempena musim perayaan, Kerajaan telah mendapatkan komitmen daripada syarikat-syarikat penerbangan negara untuk meningkatkan kapasiti penerbangan melebihi 20 peratus bagi tempoh 7 hari sebelum musim perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Hari Gawai dan Pesta Keamatan khususnya di laluan-laluan yang mempunyai permintaan yang tinggi;
- (iv) Dalam hubungan ini, Kementerian akan turut mendapatkan kerjasama daripada operator lapangan terbang, syarikat pengendalian darat, perkhidmatan ERL dan teksi untuk melanjutkan operasi di lapangan terbang yang berkaitan dalam tempoh 7 hari tersebut;
- (v) orang ramai disaran untuk membuat perancangan dengan membeli tiket penerbangan lebih awal bagi mendapatkan tawaran harga tiket yang lebih murah berbanding pembelian disaat akhir; dan
- (vi) Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) telah diminta untuk membuat pemantauan berhubung pengenaan kadar tambang yang dikenakan oleh syarikat penerbangan dan meneliti impak pelaksanaan kaedah interim ini. Sekiranya, kaedah ini tidak berjaya untuk menyelesaikan masalah kenaikan harga tambang sempena musim perayaan, pihak Kementerian akan mempertimbangkan semula cadangan untuk menetapkan harga siling dan harga lantai bagi tambang tiket penerbangan domestik.

2. Kementerian Pengangkutan telah berjaya mendapatkan komitmen syarikat-syarikat penerbangan untuk menambah jumlah penerbangan semasa Tahun Baru Cina tahun ini dan telah memperluaskan perlaksanaannya sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri, Hari Gawai dan Pesta Keamatan baru-baru ini bagi laluan-laluan penerbangan ke/ dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung bagi mengatasi masalah kenaikan yang melampau harga tambang pada musim perayaan.
3. Susulan daripada penambahan penerbangan bagi beberapa laluan domestik oleh syarikat-syarikat penerbangan negara semasa Tahun Baru Cina tahun ini, harga tiket penerbangan secara puratanya telah menurun di antara 19.8% sehingga 57% berbanding tempoh musim perayaan yang sama pada tahun 2018, bergantung kepada waktu tempahan tiket dibuat.
4. Semasa musim perayaan Pesta Kaamatan, Hari Gawai dan Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini, harga tiket penerbangan secara puratanya telah menurun di antara 12.7% sehingga 74.9% berbanding tempoh musim perayaan yang sama pada tahun 2018 bergantung kepada waktu tempahan tiket dibuat. Dalam hubungan ini, tawaran harga tiket penerbangan akan lebih murah sekiranya ia ditempah lebih awal.
5. Sehubungan ini, pihak Kerajaan akan terus menggalakkan dan memudahcara semua syarikat penerbangan termasuk Malaysia Airlines Berhad (MAB), MalindoAir dan AirAsia untuk menambah bilangan penerbangan sempena musim perayaan. Dengan mengambil pendekatan untuk menambah bekalan (*supply*) kepada para pengguna, maka permintaan (*demand*) yang besar dapat dipenuhi dan harga tambang dapat dikawal tanpa perlu campur tangan Kerajaan untuk menetapkan harga siling dan harga lantai dalam bentuk peraturan atau arahan.
6. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan terus memantau harga tiket kapal terbang dan sekiranya terdapat unsur manipulasi harga atau penetapan harga yang melampau oleh syarikat penerbangan, maka Kementerian Pengangkutan melalui agensi penguatkuasaanya, MAVCOM, akan menyiasat dan mengambil tindakan sewajarnya untuk melindungi pengguna serta memastikan wujudnya persaingan yang sihat di kalangan pemain industri penerbangan dalam negara. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 63

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan perkembangan industri baharu yang akan diwujudkan oleh Kerajaan dan bagaimana industri baharu ini menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Gagasan Kemakmuran Bersama yang menjadi falsafah dan tulang belakang kepada penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang proses penyediaannya telahpun bermula. Gagasan ini akan menitikberatkan dan mengutamakan kepentingan rakyat dan bukan hanya sekadar meningkatkan pertumbuhan ekonomi semata-mata.

2. Perancangan pembangunan ekonomi pasca 2020 adalah berdasarkan Gagasan Kemakmuran Bersama yang memberi tumpuan kepada tiga dimensi yang terdiri daripada pengupayaan ekonomi, alam sekitar dan *social re-engineering*.

3. Justeru, selaras dengan fokus utama dalam usaha merangka Rancangan Malaysia Ke-12, tiga industri utama telah digariskan oleh YAB Perdana Menteri iaitu ekonomi digital, aeroangkasa, dan ekonomi biru (*blue economy*).

Tuan Yang di-Pertua,

4. Bagi sektor aeroangkasa, Kerajaan Malaysia adalah komited melaksanakan Pelan Induk Industri Aeroangkasa Malaysia 2030 (Malaysian Aerospace Industry Blueprint 2030). Di bawah pelan ini, Malaysia menyasarkan untuk menjadi sebuah negara peneraju sektor aeroangkasa di rantau Asia Tenggara menjelang 2030 dan meningkatkan integrasi ke dalam rantaian bekalan antarabangsa (*global value chain*).
5. Seterusnya, Kerajaan sedang mengkaji penyediaan pelan pembangunan sektor ekonomi biru (*blue economy*) yang merangkumi aktiviti sosioekonomi di kawasan persisir pantai dan marin.
6. Ekonomi digital akan disenaraikan sebagai satu komponen dalam kerangka konsep hala tuju perancangan pembangunan negara pasca 2020 dan didokumenkan di dalam RMKe-12 yang dirancang untuk dibentangkan ke Parlimen pada tahun hadapan. Tiga aspek utama akan diberikan tumpuan iaitu industri digital, infrastruktur digital dan keterangkuman digital.
7. Industri-industri baru seperti ekonomi digital, aeroangkasa, dan ekonomi biru (*blue economy*) adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan mempertingkatkan industri Malaysia ke arah penghasilan produk dan perkhidmatan yang kompleks dan bernilai tambah tinggi, selaras dengan matlamat Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-Sebelas dan usaha merangka Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ARTHUR JOSEPH KURUP [PENSIANGAN]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN

Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan langkah untuk memperkenalkan industri baru kepada petani dan pekebun luar bandar supaya tidak hanya bergantung kepada penanaman sawit dan getah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian berpandangan bahawa buluh berpotensi sebagai sumber baharu tanaman komoditi untuk diusahakan secara ladang komersial. Hasil tanaman ini boleh digunakan dalam pelbagai sektor. Sebagai contoh, rebung buluh boleh dijadikan bahan makanan yang popular di negara seperti Korea, Jepun dan China. Buluh juga turut digunakan dalam pembuatan perabot dan pembinaan yang mana kualitinya setanding dengan kualiti produk-produk kayu yang lain.

Tempoh penanaman dan penuaian hasil buluh adalah lebih singkat iaitu tiga tahun. Pertumbuhan buluh akan berterusan sepanjang tahun yang mana tunas-tunas baharu akan sentiasa tumbuh selepas ditanam. Ini secara tidak langsung dapat mengurangkan modal pengusaha dalam mengusahakan ladang buluh.

Pada tahun 2018, nilai pasaran bagi buluh mencecah sehingga USD68.8 bilion yang kini didominasi oleh China, India dan Taiwan.

Manakala nilai eksport Malaysia bagi produk berasaskan buluh adalah sebanyak RM10 juta. Industri buluh di Malaysia berpotensi tinggi dimajukan dan dikembangkan lagi di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) juga telah membangunkan sistem tanaman sawit baharu yang dikenali sebagai "**sistem tanaman sawit dua baris kembar**". Sistem baharu ini dapat meningkatkan penembusan cahaya matahari dan ruang untuk pelaksanaan integrasi tanaman lain dengan sawit. Menggunakan sistem ini, integrasi tanaman boleh dilaksanakan oleh pekebun kecil untuk jangka masa pendek dan panjang tanpa mengikut usia tanaman sawit. Pekebun kecil berpeluang untuk memilih tanaman kontan, sayur-sayuran atau buah-buahan yang mendapat permintaan tinggi di pasaran. Melalui kaedah ini, pekebun kecil tidak akan hanya bergantung kepada hasil sawit sahaja sebagai hasil pendapatan isi rumah masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi pekebun kecil getah pula, Kementerian melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM) turut memperkenalkan "**sistem tanaman perimeter**", iaitu kaedah penanaman pokok getah di perimeter sempadan tanah kebun. Melalui kaedah ini, keluasan tanah yang boleh digunakan untuk aktiviti ternakan dan tanaman adalah antara 60 hingga 80 peratus. Selain itu, tanaman getah juga boleh diintegrasikan dengan pisang, betik, nenas, salak, durian, belimbing besi, durian belanda dan cempedak boleh dilaksanakan. Selain itu, integrasi ternakan seperti lebah dan kelulut juga berpotensi untuk diusahakan. Kaedah-kaedah ini akan memberikan peluang kepada pekebun kecil getah menjana pendapatan sampingan selain daripada hasil tanaman getah mereka.

Sekian terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA (SIPITANG)

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN

Tuan Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah Pusat Latihan Dakwah JAKIM di seluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak, dan apakah terdapat cadangan untuk membina pusat seumpamanya di Parlimen Sipitang.

JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, buat masa ini, kerajaan melalui JAKIM mempunyai enam (6) pusat latihan Islam di seluruh negara. Tiga (3) kampus Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) di Semenanjung iaitu ILIM Kampus Utama Bangi, Selangor, ILIM Kampus Jelebu, Negeri Sembilan dan ILIM Kampus Besut, Terengganu. Manakala satu (1) kampus di Sarawak iaitu ILIM Kampus Lawas dan dua kampus di Sabah iaitu ILIM Kampus Lahad Datu dan ILIM Kampus Kundasang.

Sealin itu, kerajaan melalui JAKIM juga mempunyai tiga pusat akademik iaitu Darul Quran di Kuala Kubu Bharu, Selangor, Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) di Telaga Air, Kuching dan Institut Pengajian Islam dan Dakwah (IPDAS) di Keningau, Sabah.

Setakat ini, kerajaan melalui JAKIM belum mempunyai perancangan untuk mewujudkan Pusat Latihan Islam di Sipitang dan memandangkan lokasi Sipitang tidak jauh dari ILIM Kampus Lawas, Sarawak iaitu lebih kurang 40km, masyarakat Sipitang boleh memanfaatkan peluang dengan menyertai kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak ILIM Kampus Lawas.

Bagi kursus-kursus jangka pendek, JAKIM Sabah juga mengadakan '*outreach programme*' sebagai memenuhi keperluan masyarakat di Sabah.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN

YB Dato' Tuan Ibrahim Bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan dalam menangani isu LGBT dan adakah Kerajaan bersedia memperkasa sistem perundangan Islam sebagai langkah solusi mengekang gejala songsang daripada terus berleluasa.

JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung langkah Kerajaan dalam menangani isu LGBT, Kerajaan Malaysia berpegang dengan kenyataan YAB Perdana Menteri pada 21 September 2018 dan yang terkini pada 16 Jun 2019 di Cambridge Union, United Kingdom yang menegaskan bahawa Malaysia tidak akan mengalah kepada sebarang tekanan untuk menerima amalan songsang di kalangan rakyat negara ini terutamanya yang melibatkan unsur Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT).

Bahkan YAB Perdana Menteri turut menegaskan bahawa Malaysia seharusnya berpegang teguh kepada nilai-nilai moral berlandaskan adat, budaya dan agama yang sekian lama diterapkan di kalangan masyarakat tempatan.

Justeru, Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai agensi agama Islam peringkat Persekutuan dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri telah mengambil inisiatif menyantuni golongan ini melalui pendekatan berikut:

i. Program Pendidikan dan Advokasi

Program ini berbentuk seminar mengenai isu-isu LGBT yang mensasarkan masyarakat awam termasuk pelajar-pelajar sekolah, universiti awam dan swasta (UA/US), kaunselor sekolah/UA/US, ibu bapa, sukarelawan sosial Islam, staf kesihatan dan wakil NGO sosial Islam. Seminar ini membincangkan isu LGBT dari aspek psikososial, psikologikal, psikospiritual dan kesihatan agar peserta mendapat maklumat dan kemahiran yang tepat bagi menghindari perlakuan LGBT serta membantu golongan yang terlibat untuk meninggalkan perlakuan LGBT. Sehingga Jun 2019, seramai 1,900 orang peserta telah menyertai seminar berkenaan;

ii. Program Temuseru (*Outreach*)

JAKIM juga mengambil inisiatif menyantuni golongan ini dengan melaksanakan aktiviti temuseru (*outreach*) ke kawasan yang dikenalpasti serta mengajak mereka yang beragama Islam menyertai program rawatan dan pemulihan ('Ilaj wa Syifa') secara sukarela dalam Program Mukhayyam yang telah dilaksanakan semenjak tahun 2011 dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Sehingga Jun 2019, seramai 1,480 orang komuniti LGBT yang beragama Islam telah menyertai Program Mukhayyam ini dengan menekankan lima (5) elemen penting iaitu kesedaran kerohanian, bimbingan fardhu ain, kesedaran kesihatan, motivasi diri serta aktiviti riadah.

iii. Kerjasama Strategik

JAKIM dengan kerjasama Yayasan Ihtimam Malaysia (YIM) telah menjadi rakan strategik kepada NGO Hijrah LGBT seperti Pertubuhan Hijrah Republique yang berpusat di Ampang dan Kedah, Usrah Iqrak di Putrajaya, Persatuan Insaf Pahang di Kuantan, My Hijrah My Adventure di Johor Bharu, Kifahuna Jemaa di Kelantan, T-Fitrah di Terengganu, Usrah Fitrah dan Pertubuhan Insan Permata Disayangi di Selangor. Mereka merupakan komuniti LGBT yang telah berhijrah dan kini melaksanakan aktiviti susulan selepas Program Mukhayyam JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri seperti usrah dan kelas pengajian, sebagai suatu bentuk sokongan dan bimbingan yang berterusan (*peer support*) kepada mereka yang masih terlibat dengan perlakuan LGBT, agar dapat melakukan perubahan secara konsisten dan berpanjangan.

Berhubung dengan pemerkasaan sistem perundangan Islam Kerajaan berpandangan bahawa undang-undang sedia ada seperti undang-undang Syariah Enakmen Jenayah Syariah Negeri-Negeri berkenaan gejala songsang tersebut seperti perlakuan liwat, musahaqah dan orang lelaki berlagak seperti perempuan sebagaimana yang termaktub di dalam Seksyen 25, Seksyen 26 dan Seksyen 28 di dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 dapat mengendalikan isu-isu tersebut.

Justeru, Kerajaan akan memastikan penguatkuasaan undang-undang ini akan terus dilaksanakan dalam usaha untuk membendung gejala LGBT ini dari terus berleluasa. Selain itu, Kerajaan juga memperuntukkan undang-undang sivil berkenaan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii di bawah Seksyen 377A Kanun Keseksaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO.70

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan usaha yang telah dilakukan bagi merapatkan jurang perbezaan dari segala aspek khususnya sosioekonomi dengan berkesan antara luar bandar dan bandar terutamanya pedalaman Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, tumpuan Kerajaan adalah ke arah memastikan pembangunan yang seimbang dilaksanakan merentasi wilayah dan negeri.
2. Penekanan diberi untuk membangunkan kawasan luar bandar dan konurbasi bandar melalui pelbagai strategi seperti berikut:
 - a. memperluas penyediaan infrastruktur asas luar bandar melalui pembinaan dan menaik taraf jalan raya, bekalan air dan elektrik serta memanfaatkan ICT untuk merangsang aktiviti sosioekonomi negara;

- b. menambah baik rangkaian hubungan luar bandar dan bandar dengan meningkatkan ketersambungan dan mobiliti untuk memupuk integrasi ekonomi kedua-dua kawasan;
 - c. menambah baik perkhidmatan lain seperti pendidikan, kesihatan primer dan perumahan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dan mengurangkan ketidakseimbangan wilayah; dan
 - d. menggalakkan lebih banyak pelaburan swasta dan mewujudkan aktiviti ekonomi tempatan di luar bandar untuk menjana pendapatan serta mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan.
3. Sebanyak RM2.95 bilion telah diluluskan di bawah peruntukan *Rolling Plan 4 (RP4) RMKe-11 (2019)* untuk pembangunan luar bandar seluruh Malaysia. Jumlah peruntukan ini telah meningkat sebanyak RM106 juta daripada tahun sebelumnya iaitu RM2.84 bilion pada 2018. Peruntukan ini adalah bagi melaksanakan program/projek seperti Jalan Luar Bandar (JALB), Bekalan Air Luar Bandar (BALB), Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dan Jalan Perhubungan Desa melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).
4. Inisiatif memperluas penyediaan infrastruktur asas luar bandar ini telah mencatatkan pencapaian yang tinggi, antaranya seperti 96.1% liputan akses bekalan elektrik ke rumah luar bandar yang memberikan manfaat kepada tambahan 18,190 unit rumah dan jalan luar bandar telah dibina melebihi 50% sasaran pencapaian keseluruhan RMKe-11.
5. Kesan limpahan (*spill-over effect*) daripada penyediaan infrastruktur ini dapat dilihat berdasarkan indikator berikut:
- a. RM33.5 bilion pelaburan di luar bandar telah direalisasi dan sebanyak 52,521 pekerjaan diwujudkan;

- b. peningkatan pendapatan purata bulanan isi rumah luar bandar sebanyak 12.1% daripada RM3,831 pada tahun 2014 kepada RM4,359 pada tahun 2016;
 - c. insiden kemiskinan mutlak di luar bandar telah berkurang daripada 1.6% pada tahun 2014 kepada 1% pada tahun 2016;
 - d. kadar migrasi bandar ke luar bandar telah meningkat daripada 13.8% pada tahun 2015 kepada 15.2% pada tahun 2016; dan
 - e. kadar migrasi luar bandar ke bandar telah berkurang daripada 6.9% pada tahun 2015 kepada 4.2% pada tahun 2016.
6. Usaha untuk merapatkan jurang perbezaan dari segala aspek akan diteruskan melalui pendekatan berasaskan Gagasan Kemakmuran Bersama yang menjadi falsafah dan tulang belakang kepada penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]

TARIKH : 10 JULAI 2019 | RABU

SOALAN

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) Persiapan dan inisiatif terkini bagi memastikan urusan jemaah Malaysia mengerjakan ibadah haji berjalan lancar; dan
- (b) Berapa jumlah kuota tambahan haji yang telah diberikan.

JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, persiapan untuk menghadapi musim haji tahun ini telah berjalan dengan lancar dan mengikut perancangan yang disusunkan. Lembaga Tabung Haji (**TH**) telah menyediakan pelbagai perkhidmatan bagi bakal haji Malaysia untuk menunaikan haji dengan selamat dan selesa termasuk penerbangan cater, bangunan penginapan di Makkah dan Madinah, sajian makanan harian dan pengangkutan semasa di Tanah Suci serta kemudahan-kemudahan di perkhemahan Arafah dan Mina.

Antara penambahbaikan terkini bagi kemudahan dan kebijakan jemaah haji Malaysia untuk tahun ini adalah:-

1. Urusan *pre clearance* jemaah haji Malaysia yang telah dimulakan pada Musim Haji 1439H diteruskan pada tahun ini kerana terbukti mampu memendekkan proses imigresen semasa ketibaan di lapangan terbang Arab Saudi bagi jemaah haji yang menaiki penerbangan cater.
 2. Makanan *ready to eat meals* untuk jemaah haji semasa Masya'ir akan dipertingkatkan mutu sajian untuk memastikan kebersihan dan keselamatan semasa penyediaan makanan.
 3. Penampaikan penyediaan alat penyaman udara (*air conditioner*) di semua khemah jemaah haji Malaysia di Arafah.
- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kuota Malaysia untuk musim haji tahun ini adalah sebanyak 40,200 orang termasuk 10,000 kouta tambahan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Arab Saudi.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 72

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah cabaran yang dihadapi oleh Kerajaan bersama dengan Jabatan Tenaga Kerja di Sarawak bagi menyelaraskan pengambilan pekerja asing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dasar Pengambilan Pekerja Bukan Pemastautin di Sarawak adalah untuk memberi keutamaan peluang pekerjaan kepada pekerja tempatan. Pekerja Bukan Pemastautin merujuk kepada pekerja yang bukan berasal dari Sarawak. Mana-mana majikan yang tidak dapat merekrut pekerja tempatan yang mencukupi untuk mengisi keperluan tenaga kerja boleh memohon pekerja bukan pemastautin dari Negara Sumber yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak bagi sektor yang berkenaan.
2. Pengambilan pekerja asing diurus mengikut prosedur yang ditetapkan dari masa ke semasa serta dikawal mengikut peruntukan undang-undang yang sedang dikuatkuasakan ketika ini setara dengan objektif Jabatan mengawal pengambilan dan penggajian

pekerja bukan pemastautin untuk memastikan peluang pekerjaan diutamakan kepada pekerja tempatan

3. Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Sarawak mempunyai *Standard Operating Procedures* (SOP) bagi pengurusan pengambilan pekerja bukan pemastautin. Di samping itu, pengurusan tersebut juga tertakluk kepada sebarang dasar yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri dari masa ke semasa.
4. Di Sarawak, terdapat Jawatankuasa yang bertindak sebagai *one stop committee* di mana ahlinya terdiri daripada wakil agensi-agensi yang berkaitan untuk mempertimbangkan sebarang permohonan daripada majikan. Jawatankuasa ini dipengerusi oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak.
5. Mengikut SOP JTK Sarawak, semua majikan yang hendak menggaji pekerja dari luar Sarawak wajib mengambil tiga (3) tindakan seperti berikut sebelum permohonan boleh dipertimbangkan dengan tujuan untuk member keutamaan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.
 - (i) Mengiklankan kekosongan dalam surat khabar tempatan pada hari Ahad;
 - (ii) Mengiklankan jawatan kosong dalam portal *JobsMalaysia* dan juga radio tempatan; dan
 - (iii) Mengadakan temuduga di Pejabat Tenaga Kerja yang terdekat.
6. Oleh yang demikian, pencari kerja tempatan dipelawa mendaftar untuk mendapat pekerjaan di Portal *JobsMalaysia* yang disediakan oleh Jabatan ini di semua Pejabat Tenaga Kerja di seluruh Sarawak. Jabatan Tenaga Kerja Sarawak akan merujuk para pencari yang telah berdaftar untuk pekerjaan yang bersesuaian pada bila-bila masa kepada majikan yang berkenaan.

7. Manakala bagi majikan yang ingin menggaji pekerja mahir, mereka dikehendaki menggaji pekerja tempatan sebagai pelatih (*understudy*) supaya dapat mengambil alih tugas pekerja asing kemudiannya.
8. Pekerja bukan pemastautin dibenarkan bekerja dalam 5 sektor iaitu sektor perkilangan, pertanian, perladangan, pembinaan dan perkhidmatan. Kerajaan Negeri Sarawak juga telah menetapkan tempoh seseorang pekerja asing dibenarkan bekerja di Sarawak iaitu 6 tahun sahaja kecuali untuk sektor perladangan kelapa sawit yang dibenarkan sehingga 10 tahun (maksimum). Majikan berkenaan juga diwajibkan untuk menghantar pekerja asing balik ke Negara asal selepas tempoh tersebut.
9. Pada masa ini, Jabatan Tenaga Kerja, Sarawak tiada halangan untuk mematuhi dasar dan polisi dalam mengawal selia penggajian pekerja bukan pemastautin yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dari masa ke semasa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA , PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN**
[KOTA BHARU]

TARIKH : **10 JULAI 2019 (RABU)**

SOALAN NO. 73

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab munasabah mengapa peguam Syazlin binti Mansor diarahkan untuk menarik diri daripada mewakili KPKT, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan prosiding Inkues kematian Allahyarham Muhammad Adib bin Mohd Kassim selepas prosiding berlangsung selama 36 hari dan hampir tamat.

JAWAPAN: **YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**
TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jabatan Peguam Negara telah bertindak mengikut undang-undang apabila tidak membenarkan peguam terdahulu untuk meneruskan mewakili Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Keputusan Jabatan Peguam Negara juga mengambil kira kepentingan semua pihak yang terlibat dalam inkues dan juga kepentingan orang ramai.
2. Pada peringkat permulaan pelantikan peguam yang mewakili Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dikira sebagai dibuat secara bona fide untuk membantu prosiding mahkamah.

3. Walau bagaimanapun, dalam prosiding inkues khususnya semasa pakar forensik patologi dari Hospital Kuala Lumpur dipanggil semula untuk memberikan keterangan, peguam tersebut telah bertindak dengan cara yang tidak wajar dan tidak sesuai sebagai seorang peguam yang mewakili kementerian dan jabatan kerajaan.
4. Antara contoh tingkah laku peguam tersebut yang menjadi isu adalah seperti yang berikut:
 - a. Beliau mendakwa bahawa pegawai pengendali inkues berat sebelah dalam mengendalikan prosiding inkues itu. Dakwaan tersebut telah dibuat di hadapan Koroner dan Hakim Mahkamah Tinggi semasa permohonan untuk memanggil semula saksi pakar dari Hospital Kuala Lumpur. Walaupun kedua-dua mahkamah telah menolak hujah beliau mengenai isu ini, tuduhan beliau tersebut telah mencemarkan integriti dan imej pegawai pengendali inkues dan Jabatan Peguam Negara;
 - b. Beliau telah mendedahkan mesej peribadi antara beliau dengan pegawai pengendali inkues yang terdahulu semasa inkues dijalankan di mahkamah, dan ini suatu perbuatan yang sangat tidak beretika; dan
 - c. beliau juga telah mencabar dan menghina pakar forensik patologi yang merupakan pegawai perubatan daripada Kementerian Kesihatan semasa saksi ini di panggil semula ke mahkamah untuk memberikan keterangan dan perbuatan beliau itu tidak dapat diterima sebagai seorang yang mewakili suatu Kementerian lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 74

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyemak semula jadual operasi sistem pengangkutan ETS di Sungai Siput (U).

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini perkhidmatan ETS bagi perjalanan Gemas – Padang Besar berhenti di stesen Sungai Siput sebanyak 2 kali sehari bagi perjalanan pergi/balik.
2. Kerajaan komited dan prihatin terhadap keperluan penambahan kekerapan perkhidmatan ETS bagi penduduk di kawasan Sungai Siput. Justeru, bermula Ogos 2019 KTMB akan membuat perubahan kepada jadual operasi perkhidmatan ETS di mana tren ETS akan berhenti di stesen Sungai Siput sebanyak 4 kali bagi laluan Gemas – Butterworth/Padang Besar seperti jadual di bawah.

Laluan	Bil. Perkhidmatan Sehari	Masa Perjalanan	Masa Berhenti di Stesen Sungai Siput
Gemas – Padang Besar	1	8.05 pagi – 4.22 petang	1.26 tengah hari
Padang Besar – Gemas	1	3.55 petang – 12.10 pagi	6.50 petang
Gemas – Butterworth	1	3.13 petang – 10.03 malam	8.37 malam
Butterworth – Gemas	1	7.30 pagi – 2.17 petang	8.53 pagi

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA , PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]

TARIKH : 10 JULAI 2019

SOALAN NO 75

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah status Bumiputera bagi kaum Siam di Malaysia adalah sah dan apa bezanya dengan status Bumiputera golongan lain dari segi tanah, perumahan, saham dan pendidikan.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JPM

1. Perlembagaan Persekutuan tidak memperuntukkan mengenai status masyarakat Siam. Selain itu, istilah “bumiputera” juga tidak ditakrifkan dalam Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana undang-undang bertulis. Istilah “bumiputera” sering digunakan oleh Kerajaan dalam melaksanakan dasar-dasar Kerajaan dan lazimnya istilah “bumiputera” merujuk kepada warganegara Malaysia yang terdiri daripada kategori yang berikut:

- (a) “orang Melayu” sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan; dan
- (b) “anak negeri” Negeri Sabah dan Sarawak sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Fasal (6) Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan, dan berhubung dengan “anak negeri” bagi Negeri Sabah, hendaklah dibaca bersama

dengan *Interpretation (Definition of Native) Ordinance Sabah (Cap. 64)*.

2. Perlindungan kepada “orang Melayu” dan “anak negeri” Negeri Sabah dan Sarawak diperuntukkan di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Pada masa yang sama, Kerajaan juga bertanggungjawab untuk melindungi kepentingan sah kaum-kaum lain tertakluk kepada Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.
3. Seterusnya, “orang asli” sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan iaitu “orang asli Semenanjung Tanah Melayu” dan yang ditafsirkan dalam seksyen 3 Akta Orang Asli 1954 [Akta 134] turut diambil kira dalam pelaksanaan dasar Kerajaan yang menyentuh bumiputera. Perlindungan kepada “orang asli” adalah selaras dengan peruntukan perenggan (c) Fasal (5) Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan.
4. Berdasarkan pelaksanaan dasar sedia ada ini, seseorang warganegara Malaysia berketurunan Siam hanya akan diiktiraf sebagai “bumiputera” oleh Kerajaan jika dia memenuhi semua syarat sama ada sebagai “orang Melayu”, “anak negeri” atau “orang asli”.
5. Beban pembuktian (*burden of proof*) bagi menunjukkan bahawa rakyat Malaysia yang berketurunan Siam memenuhi syarat-syarat sebagai “orang Melayu”, “anak negeri” atau “orang asli” adalah terletak pada orang yang menuntut itu. Sekiranya syarat-syarat tersebut dipenuhi maka segala keistimewaan yang diberikan kepada “orang Melayu”, “anak negeri” atau “orang asli” menurut undang-undang boleh dinikmati oleh orang yang menuntut itu.
6. Tiada peruntukan di bawah Undang-Undang Tubuh atau Enakmen Negeri yang mentakrifkan “orang Melayu”, “anak negeri” atau “orang asli” sebagai termasuklah orang Siam.
7. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa negeri yang memperuntukkan keistimewaan kepada orang Siam berkenaan perizaban tanah di negeri itu. Bagi negeri Perlis, seksyen 7(i) *The*

Reservations Enactment, 1353 (Enactment No. 7 of 1353) memperuntukkan seperti yang berikut:

“7. (i) No State Land included in a Reservation shall be alienated, sold, leased or otherwise disposed of to any person who is not either a Malay or a Siamese.”.

8. *The Reservations Enactment, 1353 (Enactment No. 7 of 1353)* mentakrifkan orang Siam sebagai “*a Siamese certified by the Commissioner in writing to be a Siamese agriculturalist permanently resident in the State of Perlis*.”.

9. Bagi negeri Kedah pula, subseksyen 9(1) *Malay Reservations Enactment 1930 [Enactment 29]* memperuntukkan seperti yang berikut:

“9. (1) No State land included in a Malay Reservation shall be sold, leased, otherwise disposed of to any person who is not either—

(a) a Malay; or

(b) a Siamese certified by the State Director in writing to be a Siamese agriculturalist permanently resident in the state.

10. Kuasa bagi mengisyiharkan mana-mana orang sebagai orang Melayu di Negeri Kedah berkenaan hak perizaban tanah ini turut diperuntukkan di bawah seksyen 21 *Enactment 29* seperti yang berikut:

“The Menteri Besar may, in his discretion, notwithstanding anything in this Enactment contained, by order in writing declare that any person of any race or nationality be deemed to be a Malay for the purpose of this Enactment, and such person shall then be deemed to be included in the term "Malay" wherever it shall occur in this Enactment or in any amendment or re-enactment thereof.”.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN [PASIR SALAK]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 76

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan tindakan Kerajaan untuk memulihkan ekonomi rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedar bahawa cabaran seperti kejatuhan harga komoditi utama pada tahun 2018 serta kos sara hidup yang masih tinggi sedikit sebanyak telah menjaskankan ekonomi rakyat.
2. Dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11), beberapa dasar telah dirangka untuk menangani isu dan cabaran berkaitan ketidaksamaan pertumbuhan antara negeri, pembahagian pendapatan yang tidak setara antara pekerja dan pemilik modal, jurang antara kumpulan pendapatan terutamanya kumpulan pendapatan 40% terendah atau B40, dan peningkatan kos sara hidup.
3. Dengan matlamat meningkatkan pendapatan boleh guna dalam tempoh jangka pendek, Kerajaan menggalakkan penerokaan sumber pertumbuhan baharu. Melalui usaha menarik pelaburan

baharu yang berkualiti terutamanya untuk perniagaan berimpak tinggi dan strategik, pelbagai insentif akan disediakan.

4. Selain itu, tumpuan juga akan diberi bagi meningkatkan tahap produktiviti negara dan peningkatan ini akan membantu meningkatkan paras gaji pekerja.
5. Pelbagai inisiatif lain yang turut diambil oleh Kerajaan bagi meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat adalah seperti berikut:
 - Pengekalan harga siling petrol RON95 sebanyak RM2.08 seliter meskipun harga minyak dunia terus meningkat bagi mengekalkan harga barang dan perkhidmatan yang berkait rapat dengan kos pengangkutan. Pengekalan harga petrol telah menurunkan kadar inflasi kepada -0.2% untuk empat bulan pertama tahun ini.
 - Pembayaran Bantuan Sara Hidup (BSH) yang berjumlah RM1.2 bilion untuk bayaran kali pertama pada Januari 2019 dan RM1.42 bilion untuk bayaran kedua pada 28 Mei 2019 bertujuan meringankan beban rakyat berpendapatan rendah. BSH telah memanfaatkan sehingga 4.1 juta isi rumah.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Usaha memulihkan ekonomi rakyat ini akan diteruskan dengan penerapan Gagasan Kemakmuran Bersama yang menjadi falsafah dan tulang belakang kepada penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang proses penyediaannya telahpun bermula. Gagasan ini akan menitikberatkan dan mengutamakan kepentingan rakyat dan bukan hanya sekadar meningkatkan pertumbuhan ekonomi semata-mata.
7. Usaha berterusan ini akan terus ditingkatkan bagi memastikan ekonomi rakyat dapat dipulihkan dan kesejahteraan dan kekayaan negara dapat dikongsi bersama. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD
RAMLI[DUNGUN]**

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 77

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah – langkah penyelesaian kepada keperluan pelanggan PUSPAKOM dalam pemeriksaan kenderaan perdagangan yang melibatkan bandar kecil seperti Dungun, Kijal dan lain – lain bandar seluruh negara.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai memenuhi keperluan pelanggan dalam menjalankan pemeriksaan kenderaan perdagangan di bandar-bandar kecil seluruh Negara dimana jumlah kenderaan yang perlu diperiksa adalah sangat rendah, PUSPAKOM menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan secara berjadual di mana kekerapan adalah mengikut jumlah semasa kenderaan yang perlu diperiksa di sesuatu kawasan.
2. Sehingga bulan Mei 2019, selain daripada 56 pusat pemeriksaan tetap di seluruh negara, PUSPAKOM telah menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan secara lawatan berjadual di 25 lokasi terpilih yang mempunyai jumlah kenderaan yang sangat sedikit. Sebagai contoh adalah seperti di Dungun dan Besut (Terengganu), Gua Musang dan Kuala Krai (Kelantan), Gerik dan Pulau Pangkor (Perak), Maran dan Jerantut (Pahang), Mersing (Johor), Jempol (Negeri Sembilan), Sipitang, Ranau, Kota Belud, Kudat, Tenom, Kunak, Semporna (Sabah) dan Daro, Mukah, Song, Marudi, Kapit, Belaga, Limbang dan Lawas (Sarawak).
3. Perkhidmatan pemeriksaan kenderaan secara berjadual ini dilaksanakan bagi memastikan aksesibiliti atau kebolehcapaian pelanggan terhadap perkhidmatan pemeriksaan kenderaan PUSPAKOM di bandar-bandar kecil serta lokasi-lokasi terpencil seluruh Negara.
4. Sekiranya terdapat keperluan penambahan lokasi bagi pemeriksaan berjadual seperti ini, permohonan rasmi boleh dikemukakan kepada Kementerian Pengangkutan dan kajian akan dilakukan bagi menilai keperluan pemeriksaan di lokasi tersebut sebelum permohonan tersebut dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ [BACHOK]**

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 78

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk menggalakkan waktu bekerja fleksibel bagi golongan wanita di sektor awam dan swasta sebagaimana amalan di negara-negara maju yang lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan juga telah mewujudkan Peraturan-peraturan Kerja (Pekerja Separa Masa) 2010 di bawah Akta Kerja 1955 yang bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai rakyat khususnya wanita menyertai pasaran pekerjaan. Peraturan Kerja ini bertujuan untuk:

- a) memberi alternatif kepada sistem bekerja separuh masa;
- b) menggalakkan penyertaan tenaga kerja rentan (*Latent Workforce*) seperti suri rumah dan pesara;
- c) menggalakkan fleksibiliti dalam pasaran buruh;
- d) waktu kerja yang mesra pekerja (*flexible working hour*) terutamanya kepada wanita; dan
- e) menjana peluang pekerjaan yang lebih luas.

SOALAN NO : 78

2. Dalam memastikan pelaksanaan *flexible working hours* ini dapat dilaksanakan, Kerajaan bercadang untuk mewujudkan bahagian baharu berkaitan *flexible working arrangement* di bawah Akta Kerja 1955. Bahagian ini akan memperincikan berhubung permintaan bertulis seorang pekerja kepada majikannya untuk mengubah terma dan syarat pekerjaan pekerja berhubungan dengan fleksibiliti kerja pekerja berkenaan termasuklah jam kerja atau hari kerja dan tempat pekerjaan mengikut syarat-syarat tertentu yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak iaitu majikan dan pekerja.
3. Walau bagaimanapun, waktu kerja fleksi hanya sesuai untuk kerja-kerja dalam pejabat sahaja. Kerja-kerja operasi, pengeluaran produk dan pembinaan tidak sesuai kerja fleksi.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kerajaan sentiasa mengiktiraf sumbangan dan peranan wanita dalam memajukan Negara serta sentiasa prihatin terhadap keperluan pegawai terutama dalam menyeimbangkan antara komitmen kerja juga sebagai ibu dalam sesebuah keluarga.
5. Untuk makluman Yang Berhormat, usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan berhubung isu yang Yang Berhormat bangkitkan adalah seperti berikut:
 - i. Berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018 (Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2017), Kerajaan telah memperkenalkan satu lagi Waktu Peringkat dalam jadual Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) bagi Perkhidmatan Awam iaitu dari pukul 9.00 pagi hingga 6.00 petang. Ini antara lainnya dapat memberi fleksibiliti waktu bekerja terutamanya kepada pegawai wanita menguruskan keluarga sebelum datang ke pejabat.

SOALAN NO : 78

- ii. Berkuat kuasa 1 Januari 2018 juga (Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 2017), Kerajaan telah bersetuju memperkenalkan satu lagi inisiatif iaitu memberi kebenaran pulang awal satu (1) jam kepada pegawai Perkhidmatan Awam wanita yang mengandung lima (5) bulan dan ke atas. Kemudahan ini bertujuan supaya pegawai Perkhidmatan Awam wanita yang mengandung dapat pulang lebih awal tanpa perlu mengharungi kesesakan lalu lintas pada waktu petang. Ini membuktikan bahawa Kerajaan bukan sahaja memberikan perhatian terhadap aspek kebajikan pegawai Perkhidmatan Awam wanita, malah Kerajaan turut komited memastikan pembangunan institusi kekeluargaan diberikan perhatian yang sewajarnya.
- iii. Sebagai usaha penambahbaikan berterusan, berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018 (Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2017), Kerajaan telah bersetuju untuk menambah tempoh Cuti Bersalin bergaji penuh yang dinikmati pegawai Perkhidmatan Awam wanita daripada 300 hari kepada 360 hari sepanjang tempoh perkhidmatan. Selain itu, Kerajaan turut memberi kemudahan Cuti Menjaga Anak (CMA) bagi membolehkan pegawai wanita menyusukan dan menjaga anaknya. Tempoh keseluruhan kemudahan CMA termasuk yang tidak terikat dengan tempoh cuti bersalin terhad sehingga lima (5) tahun sepanjang tempoh perkhidmatan (Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2014).

SOALAN NO : 78

- iv. Bagi menjaga keharmonian institusi kekeluargaan dalam konteks penjagaan kesihatan anak akibat kepada jangkitan penyakit berjangkit, Kerajaan juga telah meluluskan Cuti Kuarantin berkuat kuasa 1 Januari 2017 (Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 2016) kepada ibu dan bapa yang sah iaitu terhad kepada maksimum lima (5) hari bagi setiap satu kes. Ini membolehkan ibu bapa terutamanya pegawai wanita menumpukan kepada keperluan penjagaan anak pada waktu tersebut.
- v. Selain itu, semenjak 1 Januari 2014 lagi (Pekeliling Perkhidmatan Bil 8 Tahun 2013), Kerajaan telah melaksanakan pemberian Subsidi Yuran Pengasuhan Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) di tempat kerja sektor awam bagi pegawai yang berpendapatan isi rumah tidak melebihi RM5,000 sebulan. Subsidi sebanyak RM180 sebulan ini dapat mengurangkan bebanan kewangan keluarga sekali gus dapat memberi peluang pegawai wanita untuk menyusukan anak dan sebagainya sekiranya anak berada di taska di tempat kerja.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI
ABD. MUTTALIB [MARAN]**

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 79

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan maklumat secara terperinci berkenaan jumlah tenaga pakar tempatan di luar negara yang berjaya dibawa kembali bekerja di Malaysia mengikut sektor dan apakah faktor pendorong yang menyebabkan mereka lebih berminat bekerja di luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian ini melalui Program *Returning Expert Programme (REP)* yang dikendalikan oleh Talent Corporation (TalentCorp) memberi suatu bentuk pemudahan (*facilitation*) untuk pulang kepada pakar-pakar warga negara Malaysia yang berada di luar negara dan mempunyai kemahiran tinggi dalam bidang-bidang yang amat diperlukan negara.

2. Pelaksanaan REP juga telah melalui beberapa fasa penambahbaikan bagi memastikan kualiti modal insan berkemahiran tinggi yang diluluskan adalah selaras dengan keperluan semasa industri dan ekonomi negara.

3. Sebanyak 5,137 modal insan berkemahiran tinggi telah diluluskan di bawah program ini dari tahun 2011 sehingga April 2019, Peningkatan permohonan kembali ke tanahair melalui REP juga meningkat sebanyak 20 peratus pada tahun 2018 berbanding tahun sebelumnya.

4. Antara Sektor Industri Teratas bagi kelulusan REP ialah:

- Minyak, Gas dan Tenaga;
- Perkhidmatan Kewangan;
- Perkhidmatan Perniagaan;
- Kandungan Komunikasi dan Infrastruktur;
- Perubatan.

Tuan Yang Di Pertua,

5. Laporan Bank Dunia yang diterbitkan dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi (UPE) Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan TalentCorp pada Jun 2015 yang bertajuk, “*Assessment of Returning Expert Programme (REP) & Residence Pass-Talent*” menyatakan bahawa antara faktor-faktor utama yang telah dikenalpasti menyumbang kepada isu pengaliran keluar tenaga-tenaga pakar dan profesional tempatan ke luar negara adalah seperti berikut:

- Pertama, peluang pekerjaan yang lebih menarik;
- Kedua, kualiti dan tahap pendidikan;
- Ketiga, latihan dan pendedahan kepada prospek kerjaya; dan
- Keempat, tahap kualiti hidup yang lebih tinggi.

6. Melalui inisiatif *REP* yang ditawarkan kepada warga Malaysia yang bekerja di luar negara, ianya diharap akan menggalakkan lebih ramai pakar-pakar berkemahiran tinggi untuk menyumbang tenaga dengan kembali berkhidmat di Malaysia. Ia juga akan dapat merapatkan jurang kemahiran yang diperlukan untuk pembangunan negara di samping mengurangkan kebergantungan industri kepada ekspatriat dan pekerja asing.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD [LIPIS]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 80

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rasional menaikkan harga nombor pendaftaran kenderaan bagi nombor kenderaan semasa dan nombor popular (baki tender) yang telah berkuatkuasa pada hujung Mei baru-baru ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, kenaikan harga nombor pendaftaran kenderaan adalah bertujuan untuk meningkatkan hasil Kerajaan. Orang awam telah diberi pilihan sama ada ingin mendapatkan nombor semasa (*running number*) secara percuma atau membida/membeli nombor mengikut kategori seperti Nombor Bernilai Utama, Nombor Menarik dan Nombor Popular dengan kadar fi yang telah ditetapkan.
2. Oleh itu dengan mengambil kira untuk mewujudkan persaingan yang sihat dan telus, Jabatan Pengangkutan Jalan telah membangunkan sistem bidaan nombor secara atas talian (JPJeBid) yang telah dilancarkan pada 15 April 2019.
3. Pada ketika ini, sistem JPJeBid sedang berada di Fasa Projek Rintis, di mana siri nombor pendaftaran bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dirancang untuk menggunakan sistem ini secara sepenuhnya mulai bulan Julai 2019. Sistem JPJeBid ini dijangka akan diperluaskan ke seluruh Negara pada bulan Januari 2020. Orang awam boleh membida untuk mendapatkan pilihan nombor secara atas talian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR
[CAMERON HIGHLANDS]**

TARIKH : 10 JULAI 2019

SOALAN NO. 81

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan penambahan dan naik taraf keperluan perumahan PPRT yang dibina oleh JAKOA untuk Masyarakat Orang Asli kerana keperluan ini adalah amat kritikal dan penting memandangkan di setengah kawasan yang mempunyai ramai penduduk isi keluarga Masyarakat Orang Asli Hanya terdapat jumlah yang kecil sebagai contoh di Pos Kemar Ulu Perak hanya terdapat 23 buah rumah PPRT dan di Pos Gob Kelantan hanya terdapat 10 buah PPRT. Lain-lain isi rumah di kedua kawasan ini masih mendiami rumah tradisional Orang Asli.

JAWAPAN : YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG & HAL EHWAL PARLIMEN)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) menyedari akan keperluan kritikal pembinaan rumah kepada penduduk Orang Asli di seluruh negara. Peruntukan bagi pembinaan rumah disediakan melalui peruntukan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB). JAKOA mengambil maklum mengenai keperluan perumahan di Pos Kemar, Negeri Perak dan Pos Gob, Negeri Kelantan. Bagi Pos Kemar, JAKOA akan meneliti keperluan tambahan melalui peruntukan PPRT di bawah KPLB namun tambahan unit PPRT akan diteliti berikutan jumlah peruntukan yang diterima yang terhad selain memberi keutamaan kepada lokasi-lokasi lain yang turut memerlukan bantuan rumah PPRT. Namun, pihak JAKOA mengambil maklum akan saranan YB untuk meneliti keperluan tambahan di Pos Kemar.

Manakala di kawasan Pos Gob, JAKOA mempunyai perancangan untuk menyediakan bantuan rumah di bawah Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli Gua Musang sebanyak 1,180 unit di kawasan Gua Musang termasuk di kawasan Pos Gob. Berdasarkan unjuran sebanyak 50 unit rumah tambahan akan dibina di Pos Gob dalam pelan perancangan tersebut yang dijangka akan mengambil masa sehingga tahun 2023 untuk disiapkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA , PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN]

SOALAN

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk memperkenalkan "*Look East Policy*" ke dalam sistem negara kita bagi mempertingkatkan etika dan budaya kerja masyarakat Malaysia, terutamanya pemuda-pemudi yang akan menjamin masa depan negara.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan hasrat negara untuk meningkatkan pembangunan modal insan dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara maju, Penajaan JPA adalah bertujuan untuk menyediakan modal insan berkualiti kepada negara sama ada untuk lantikan dalam Perkhidmatan Awam mahupun untuk keperluan sektor-sektor lain dalam pembangunan negara.

2. Dasar Pandang ke Timur (DPT) yang telah diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad sejak 1982, memberi fokus kepada pembentukan sumber tenaga manusia menerusi penerapan nilai-nilai dan etika kerja budaya Jepun dan Korea Selatan yang disesuaikan dengan budaya masyarakat Malaysia dalam usaha

mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran teknologi serta mempelajari sistem pengurusan organisasi bagi meningkatkan produktiviti menyumbang ke arah kemajuan negara.

3. Selepas Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih sejak Mei 2018 yang lalu, Kerajaan senantiasa dan akan terus memacu fasa baharu Dasar Pandang ke Timur ini. Lebih-lebih lagi, dengan cabaran baharu terutamanya agenda Revolusi Industri 4.0, *Digitalize Government and Workforce, Internet of Things (IoT)* dan *megatrend* terkini, terdapat keperluan yang tinggi bagi negara untuk terus mempelajari dan menerokai bidang-bidang baharu seperti Kecerdasan Buatan (AI), Kerajaan Digital, *Digital Economy*, IoT, *Emerging Automotive Trends*, *Big Data* dan *Cloud Computing* dari negara Jepun dan Korea Selatan yang mana kedua-dua negara tersebut telah mula memperkenalkan *Societal 5.0* dan *Government 3.0*.
4. Ini akan menambah nilai kepada sasaran awal DPT yang matlamatnya menghasilkan modal insan bukan sahaja sarat dengan pengetahuan teknologi malah memiliki asas budaya, nilai murni dan etika kerja yang positif dalam usaha membangunkan Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [MACHANG]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 83

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah peluang pekerjaan yang telah diwujudkan setelah 12 bulan (1 tahun) kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih pemerintahan negara serta perbandingan dengan tahun tahun 2017 dan 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Kadar pengangguran pada April 2019 mencatatkan pada kadar 3.4 peratus berbanding kadar pengangguran pada tempoh yang sama 3.3 peratus pada 2018. Statistik mencatatkan seramai 523,300 orang penganggur pada April 2019 berbanding seramai 510,000 orang pada tempoh yang sama 2018. Manakala bilangan tenaga buruh bekerja pada bulan April 2019 mencatatkan seramai 15,089,800 orang berbanding seramai 14,803,100 orang pada tempoh yang sama 2018.
2. Warganegara yang diklasifikasikan dalam kumpulan tenaga pekerja yang menganggur termasuklah belia atau graduan yang berada dalam proses transisi daripada alam pembelajaran kepada pasaran pekerjaan. Tempoh untuk mereka mendapat pekerjaan bergantung kepada kekosongan jawatan di sektor awam ataupun swasta yang wujud dalam ekonomi negara. Dengan kata lain, peralihan dari alam persekolahan ke alam pekerjaan adalah proses di mana guna tenaga yang baru masuk akan mencari padanan pekerjaan yang sesuai. Mereka akan mencari peluang pekerjaan yang menggunakan sepenuhnya latihan yang telah mereka terima dan memenuhi aspirasi kerjaya dan jangkaan pendapatan mereka. Berapa lama dan intensifnya pencarian mereka bergantung banyak faktor seperti kepesatan pertumbuhan ekonomi di mana peluang pekerjaan wujud.
3. Kementerian Sumber Manusia (KSM), melalui Jabatan Tenaga Kerja berperanan meningkatkan mobilisasi tenaga kerja negara dan untuk memastikan penggunaan tenaga kerja secara optimum melalui pemadanan pencari kerja dan kekosongan jawatan melalui perkhidmatan Portal secara atas talian iaitu Portal *JobsMalaysia*. Pada masa kini terdapat 19 buah Pusat *JobsMalaysia* di seluruh negara yang memberi perkhidmatan pekerjaan seperti penganjuran karnival kerjaya, khidmat nasihat, kaunseling kerjaya, pusat temuduga, sumber maklumat kekosongan jawatan khususnya kepada pencari kerja dan majikan di agensi kerajaan berkaitan mahupun swasta.

SOALAN NO : 83

4. Berdasarkan statistik Jabatan Tenaga Kerja (JTK), bilangan pekerjaan atau kekosongan jawatan aktif yang didaftarkan oleh majikan melalui portal Pekerjaan *JobsMalaysia* daripada bulan Jun 2018 hingga Jun 2019 adalah sebanyak 264,053 jawatan. Pada tahun 2018, Seramai 168,677 (98.1%) pencari kerja telah berjaya mendapat pekerjaan (*jobs placement*). Daripada jumlah tersebut, seramai 47,073 orang siswazah dan 121,604 orang bukan siswazah telah mendapat pekerjaan melalui 10 melalui Program Penempatan Pekerjaan yang dilaksanakan oleh JTK. Manakala dari 1 Januari 2019 hingga 31 Mei 2019, seramai 18,281 orang pencari kerja yang terdiri daripada 5,277 orang siswazah dan 13,004 orang bukan siswazah telah berjaya ditempatkan dalam pekerjaan di pelbagai sektor.
5. Manakala bagi tahun 2016 bagi 9 kategori pekerjaan sebanyak 876,142 jawatan telah diiklankan oleh majikan, pihak jabatan telah berjaya menempatkan seramai 176,105 orang pencari kerja yang terdiri seramai 47,698 orang siswazah dan seramai 128,407 bukan siswazah. Berbanding pada tahun 2017 sebanyak 1,375,436 kekosongan pekerjaan telah diiklankan oleh majikan di pelbagai kategori pekerjaan. Melalui pelbagai program penempatan pekerjaan, JTK telah menempatkan seramai 183,433 pencari kerja warganegara, yang terdiri seramai 57,320 orang siswazah dan seramai 126,113 bukan siswazah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PORT DICKSON]**

TARIKH : 10 JULAI 2019

SOALAN NO. 84

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menyatakan sejauh manakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan permasalahan Orang Asli secara keseluruhan bukan sahaja di Kuala Koh malah diseluruh negara.

JAWAPAN : **YB DATUK LIEW VUI KEONG**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG & HAL EHWAL PARLIMEN)

Tuan Yang di-Pertua,

Apabila berlaku perubahan Kerajaan setelah pilihanraya ke-14, ianya menjadi titik permulaan kepada usaha-usaha pembaikan serta meletak Negara kembali ke landasan yang betul. Pastinya salah satu komitmen Kerajaan adalah dengan memberi tumpuan khas kepada masyarakat Orang Asli. Semenjak berlaku peralihan Kerajaan Persekutuan, perbincangan, perancangan serta gerak kerja terhadap usaha-usaha pembangunan dan peningkatan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli diberi penekanan seperti yang dijanjikan.

Pada 22 April 2019, JPM menerusi JAKOA telah menganjurkan Konvensyen Orang Asli Kebangsaan (KOAK) 2019 yang bertujuan untuk mendapatkan input daripada masyarakat Orang Asli dan pihak

berkepentingan berhubung halatuju ke arah pembentukan Pelan Pembangunan Orang Asli Nasional. Sebanyak 137 resolusi telah dicapai yang meliputi 7 bidang fokus iaitu tanah, pendidikan, kepimpinan, infrastruktur, ekonomi, kesihatan dan kebudayaan.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, JAKOA sedang dalam tindakan untuk memperincikan resolusi yang dicapai kepada pelan tindakan menerusi sesi rundingan dengan pihak-pihak berkepentingan. Bagi tahun 2019, sebanyak empat sesi rundingan telah dijadualkan iaitu sesi satu pada 16 Julai 2019 yang melibatkan badan bukan kerajaan (NGO), SUHAKAM dan Majlis Peguam. Manakala, pada 3 September 2019, JAKOA merancang untuk mengadakan sesi konsultasi kedua yang melibatkan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Pihak JAKOA juga merancang untuk mengadakan sesi konsultasi dengan rakan-rakan sinergi iaitu badan-badan korporat yang mempunyai dana bagi membiayai aktiviti-aktiviti di bawah Pelan Tindakan yang sedang dibentuk. Sesi konsultasi terakhir, pihak JAKOA akan mendapatkan maklumbalas daripada wakil masyarakat Orang Asli yang terdiri daripada Pemimpin Orang Asli (Tok Batin & MPKKOA), Profesional Orang Asli, Belia Orang Asli dan Wanita Orang Asli sebelum Pelan Pembangunan Orang Asli Nasional diangkat untuk kelulusan Jemaah Menteri. Pihak JAKOA menetapkan Pelan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Nasional ini dapat dilaksanakan dalam tempoh RMKe-12 (2021-2025)

Selain itu juga, pada 12 Jun 2019, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju untuk menukuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Isu-isu Masyarakat Minoriti (JKMIMM) yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri. Pada peringkat permulaan, Jawatankuasa ini akan memberi keutamaan bagi penyelesaian isu-isu berkaitan masyarakat Orang Asli bagi meningkatkan tahap sosioekonomi dan kualiti hidup.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA , PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 10.07.2019 (RABU)

SOALAN

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia akan bertindak di atas **Kertas Putih FELDA** yang telah dibentangkan di sidang Parlimen yang lalu dan menuduh semua individu yang terlibat termasuk Y.B Pekan di atas salah laku dan penyelewengan yang menyebabkan FELDA hilang wang berbillion ringgit.

JAWAPAN: **YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**
TIMBALAN MENTERI DI JPM

Yang Berhormat,

SPRM mengambil maklum isi kandungan Kertas Putih FELDA yang telah dibentangkan di sidang Parlimen yang lalu. Untuk makluman Yang Berhormat Jelutong, SPRM telah menjalankan siasatan ke atas beberapa projek yang telah dinyatakan dalam Kertas Putih FELDA sebelum ia dibentangkan di Parlimen. Hasil siasatan yang telah dijalankan oleh SPRM, pada 14.12.2018 SPRM telah menuduh Tan Sri Mohd Isa bin Abdul Samad, Pengurus Felda Investment Corporation Sdn Bhd berhubung kes pembelian Hotel Merdeka Palace & Suites Kuching, Sarawak.

NO. SOALAN: 85

Manakala, Datuk Faizoull bin Ahmad, Pengarah Besar FELDA dan Muhammad Sufi bin Mahbub, Timbalan Pengarah Besar (Pengurusan Sumber Strategik) FELDA telah dituduh pada 01.03.2017 berhubung kes pecah amanah wang FELDA melalui Felda Caviartive Sdn Bhd. Pada 8 Jun 2018, Muhammad Sufi bin Mahbub telah dijatuhkan hukuman penjara 5 tahun dan Datuk Faizoull bin Ahmad telah dijatuhkan hukuman penjara 2 tahun oleh Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, pada 11.06.2018 pihak pendakwaan telah memfailkan Notis rayuan kepada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur terhadap kedua-duanya kerana hukuman yang dijatuhkan terhadap mereka disifatkan tidak memadai. Prosiding rayuan masih berjalan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Untuk makluman Yang Berhormat Jelutong juga, siasatan terhadap individu-individu lain masih dalam tindakan dan SPRM tidak dapat memberi apa-apa butiran berkenaan kes-kes yang masih dalam tindakan siasatan.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan bentuk inisiatif Kementerian dalam menggalakkan perkembangan industri hiliran berjangka pendek bagi membantu para pekebun kecil getah dan kelapa sawit untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam situasi yang bukan dalam kawalan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan prihatin dengan kebijakan pekebun kecil dalam mendepani pelbagai situasi yang menjelaskan kelangsungan hidup mereka. Sehubungan itu, pihak Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif yang melibatkan pelbagai Kementerian (*cross ministry*) termasuk Kementerian Industri Utama (MPI) dalam usaha meningkatkan industri hiliran bagi meringankan beban pekebun kecil.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian sangat menggalakkan pekebun kecil sawit menjalankan aktiviti integrasi tanaman atau ternakan bagi menjana pendapatan sampingan. Pelbagai jenis tanaman bernilai yang mempunyai permintaan tinggi di pasaran tempatan telah dikenal pasti seperti pisang berangan, pisang tanduk, kacang tanah, nenas, tebu kuning, keledek, padi huma, tembikai, jagung manis, betik, sayur-sayuran dan lain-lain. Tanaman selingan yang boleh membawa hasil dalam masa yang singkat adalah

sesuai untuk ditanam di ruang-ruang yang kosong antara barisan sawit muda yang berusia 1 hingga 3 tahun. Strategi penggunaan tanah secara maksimum ini dapat menjana pendapatan awal yang lumayan kepada pekebun kecil jika dilaksanakan secara sistematik.

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) juga telah membangunkan sistem tanaman sawit baharu yang dikenali sebagai sistem tanaman sawit dua baris kembar yang dapat meningkatkan penembusan cahaya matahari dan ruang untuk pelaksanaan integrasi tanaman dengan sawit. Menggunakan sistem ini, integrasi tanaman boleh dilaksanakan untuk jangka masa pendek dan panjang tanpa mengikut usia tanaman sawit.

Tuan Yang Di-Pertua,

Tanaman getah pula boleh diintegrasikan dengan pelbagai jenis tanaman sama ada jangka pendek, sederhana dan panjang bergantung kepada sistem tanaman yang diguna pakai bagi tanaman getah konvensional, tanaman pepagar (*hedge planting*) atau tanaman perimeter. Bagi jangka pendek, tanpa melihat kepada sistem penanaman, antara tanaman integrasi yang digalakkan adalah pisang, betik dan nenas. Tanaman pokok salak pula lebih sesuai untuk tanaman jangka sederhana. Bagi sistem tanaman getah pepagar pula, integrasi tanaman seperti durian, belimbing besi, durian belanda dan cempedak boleh dilaksanakan. Selain itu, integrasi ternakan seperti lebah dan kelulut juga berpotensi untuk diusahakan.

Lembaga Getah Malaysia (LGM) turut memperkenalkan sistem tanaman perimeter iaitu kaedah penanaman pokok getah di perimeter sempadan tanah kebun. Melalui kaedah ini, keluasan tanah yang boleh digunakan untuk aktiviti ternakan dan tanaman adalah antara 60 hingga 80 peratus. Buat masa ini, LGM mempunyai plot contoh tanaman getah dan nenas di *Rubber Research Institute of Malaysia Mini Station* (RRIMINIS) di Lakai, Jelebu, Negeri Sembilan.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH
[PAYA BESAR]**

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 87

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) apakah jumlah keseluruhan pemandu e-hailing terkini sehingga Jun 2019 dan berapa ramai jumlah pemandu ehailing yang sudah lulus Lesen (PSV-Teksi/E-hailing); dan
- (b) apakah usaha Kementerian untuk menggalakkan lagi para pemandu e-hailing supaya mereka membuat caruman Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) dan PERKESO agar diri mereka dan keluarga sentiasa dilindungi dibawah skim perlindungan keselamatan sosial ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) telah dikuatkuasakan mulai 1 Jun 2017 dengan penumpuan awal kepada pemandu teksi, kereta sewa dan perkhidmatan *e-hailing*. Pada 1 Februari 2019, skim ini telah diperluas dan dikuatkuasakan ke atas pemandu bas atau perkhidmatan seumpamanya.
2. Memandangkan skim ini baru sahaja diperkenalkan, PERKESO ketika ini mengambil pendekatan “*soft approach*” dengan

mempergiatkan aktiviti dan program meningkatkan kesedaran menerusi hebahan di media massa termasuk media sosial, laman web, pemasangan *banner* di tempat awam, edaran poster dan risalah, program pendidikan seperti program seranta, program turun padang ke lokasi-lokasi tumpuan pemandu teksi, kereta sewa dan bas, aktiviti bersama pemimpin masyarakat dan sebagainya.

3. Selain itu, sesi libat urus juga diadakan bersama persatuan-persatuan pemandu teksi dan perkhidmatan *e-hailing* serta kolaborasi bersama kementerian dan agensi lain yang berkaitan.
4. Mengikut data daripada Kementerian Sumber Manusia, sepanjang tahun 2018, sebanyak 853 program libat urus telah diadakan bersama persatuan-persatuan teksi dan perkhidmatan seumpamanya. PERKESO sedang membuat kerjasama dengan pihak Kementerian Pengangkutan bagi mensyaratkan Pemandu Teksi atau perkhidmatan *e-hailing* untuk mendaftar dan mencarum dengan PERKESO sebelum mengeluarkan/memperbaharui lesen vokasional (PSV). Sekiranya masih gagal mendaftar dan mencarum, tindakan undang-undang akan diambil ke atas mereka.
5. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 17 Jun 2019, jumlah pemandu yang telah berdaftar di pusat latihan memandu (Institut Memandu dan *e-hailing* operator) adalah berjumlah 23,968 orang. Manakala yang telah lulus ujian PSV dan diberikan lesen memandu vokasional PSV adalah seramai 10,151 orang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN
RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 88

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah statistik terkini bagi kadar pengangguran untuk golongan belia dan graduan berdasarkan usia, kaum, negeri dan kelayakan akademik mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Statistik tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran diperoleh daripada Survei Tenaga Buruh (STB) dan merujuk kepada penduduk yang berumur 15-64 tahun semasa minggu rujukan.

2. STB merupakan kajian sampel berkebarangkalian yang dilaksanakan melalui pendekatan isi rumah untuk mendapatkan maklumat anggaran tenaga buruh dan pengangguran peringkat penduduk. Kajian ini dilaksanakan mengikut piawaian yang ditetapkan badan antarabangsa iaitu International Labour Organization (ILO) yang diguna pakai oleh kebanyakan negara.

NO. SOALAN : 88

3. Berdasarkan laporan Survei Tenaga Buruh (STB) pada Januari 2019, ilangan penganggur yang direkodkan adalah seramai 515,000 dan kadar pengangguran adalah sebanyak 3.3%.
4. Manakala, melalui survei yang sama, berikut adalah statistik berkaitan pengangguran belia berbanding jumlah keseluruhan penganggur yang direkodkan;
 - a) kadar pengangguran belia (15 hingga 30 tahun) di peringkat graduan ialah 8.2 peratus;
 - b) kadar pengangguran belia tertinggi adalah dari kalangan kaum India iaitu sebanyak 11.3 peratus, diikuti kaum Bumiputera 8.8 peratus dan Cina 5.7 peratus;
 - c) Negeri Sabah mencatatkan jumlah pengangguran belia tertinggi iaitu 16.6 peratus, diikuti Terengganu 13 peratus dan Kelantan 12.8 peratus. Kadar pengangguran belia terendah adalah di Negeri Melaka iaitu 3.2 peratus; dan
 - d) kadar pengangguran tertinggi berlaku dari kalangan graduan lepasan Ijazah iaitu 9.1 peratus, diikuti lepasan Sijil 8.4 peratus dan Diploma 7.4 peratus Dari segi kelayakan akademik

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 10 JULAI 2019

SOALAN NO. 89

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menjelaskan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan kejadian 13 Orang Asli Suku Kaum Batek meninggal dunia dalam tempoh sebulan di Kuala Koh, Gua Musang, Kelantan tidak akan berulang lagi.

JAWAPAN : **YB DATUK LIEW VUI KEONG**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG & HAL EHWAL PARLIMEN)

Tuan Yang di-Pertua,

Di kesempatan dewan yang mulia ini, pihak Kerajaan mengucapkan takziah di atas kematian 15 orang penduduk Orang Asli Kuala Koh dan bersimpati kepada musibah tragedi yang dihadapi oleh penduduk Kampung Orang Asli Kuala Koh, Pos Lebir, Gua Musang Kelantan kini.

Sehingga kini, pihak Kerajaan komited dan serius dalam melaksanakan bantuan pemulihan rawatan dan pemberian sokongan kebajikan serta berusaha mengelakkan kejadian seumpama ini berlaku kepada penduduk-penduduk Kampung Orang Asli Kuala Koh kelak melalui kerjasama strategik dengan pihak Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA),

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), beberapa Jabatan dan Agensi Kerajaan serta penglibatan pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO) dengan beberapa langkah , antaranya :

- i) Mengadakan Program Kesihatan Komuniti bersama dengan pihak KKM dengan aktiviti penerangan kesihatan interaktif, simulasi praktikal penjagaan kesihatan, pertandingan kesihatan komuniti sihat, dan pembekalan sokongan penjagaan kesihatan
- ii) Mengadakan Program Bersama Rakyat di dengan masyarakat Orang Asli Kuala Koh dengan penglibatan beberapa Agensi / Jabatan Kerajaan dan NGO seperti aktiviti pendaftaran kad pengenalan, pendaftaran bantuan dengan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), gotong royong perdana dan penerangan gaya hidup sihat komuniti
- iii) Program suntikan vaksin dan imunisasi yang berjadual kepada masyarakat Orang Asli
- iv) Menaiktaraf perkhidmatan air bersih menerusi sistem Rawatan Air Bersih dan mengenalpasti punca sumber air yang baharu melalui kerjasama dengan Unit BAKAS, KKM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
[JELI]**

TARIKH : 10 JULAI 2019

SOALAN NO. 90

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk melindungi kebajikan dan meningkatkan taraf kehidupan Orang Asli dari aspek ekonomi, pendidikan dan kesihatan hasil maklum balas yang diterima sewaktu Konvensyen Orang Asli Kebangsaan yang berlangsung pada 22 April 2019.

JAWAPAN : **YB DATUK LIEW VUI KEONG**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG & HAL EHWAL PARLIMEN)

Tuan Yang di-Pertua,

Apabila berlaku perubahan Kerajaan setelah pilihanraya ke-14, ianya menjadi titik permulaan kepada usaha-usaha pembaikan serta meletak Negara kembali ke landasan yang betul. Pastinya salah satu komitmen Kerajaan adalah dengan memberi tumpuan khas kepada masyarakat Orang Asli. Semenjak berlaku peralihan Kerajaan Persekutuan, perbincangan, perancangan serta gerak kerja terhadap usaha-usaha pembangunan dan peningkatan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli diberi penekanan seperti yang dijanjikan.

Pada 22 April 2019, JPM menerusi JAKOA telah menganjurkan Konvensyen Orang Asli Kebangsaan (KOAK) 2019 yang bertujuan untuk mendapatkan input daripada masyarakat Orang Asli dan pihak berkepentingan berhubung halatuju ke arah pembentukan Pelan Pembangunan Orang Asli Nasional. Sebanyak 137 resolusi telah dicapai yang meliputi 7 bidang fokus iaitu tanah, pendidikan, kepimpinan, infrastruktur, ekonomi, kesihatan dan kebudayaan. Pelan yang dirangka ini akan berasaskan resolusi yang dicapai dan sejajar dengan Pendekatan Berasaskan Hak Asasi Manusia (PBHAM). Pendekatan ini bertujuan untuk memastikan setiap program pembangunan dan kebajikan yang dirancang akan memberi faedah kepada masyarakat Orang Asli dengan tidak mengenepikan kepentingan dan memelihara perkara-perkara asas berkaitan mereka melalui prinsip berdasarkan Makluman Awal, Bebas dan Telus (IMABT).

Sebanyak 23 resolusi dari aspek ekonomi telah dicapai yang mana peningkatan taraf hidup masyarakat Orang Asli melalui penjanaan pendapatan yang tetap dan stabil turut diberi tumpuan dengan memperkasakan usahawan Orang Asli menerusi sektor eko atau agro pelancongan. Dari aspek pendidikan pula, sebanyak 20 resolusi telah dicapai dengan menekankan peningkatan tahap pendidikan dengan menggiatkan kerjasama pelbagai pihak, melengkapkan infrastruktur

pendidikan, penambahbaikan silibus dan kempen kesedaran. Manakala dari aspek kesihatan, sebanyak 16 resolusi dicapai dengan penekanan kepada peningkatan perkhidmatan kesihatan menerusi kerjasama strategik semua pihak, meningkatkan kapasiti belia Orang Asli dalam membantu meningkatkan taraf kesihatan dan menyediakan pangkalan data kesihatan khusus untuk masyarakat Orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, JAKOA sedang dalam tindakan untuk memperincikan resolusi yang dicapai kepada pelan tindakan menerusi sesi rundingan dengan pihak-pihak berkepentingan. Bagi tahun 2019, sebanyak empat sesi rundingan telah dijadualkan iaitu sesi satu pada 16 Julai 2019 yang melibatkan badan bukan kerajaan (NGO), SUHAKAM dan Majlis Peguam. Manakala, pada 3 September 2019, JAKOA merancang untuk mengadakan sesi konsultasi kedua yang melibatkan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Pihak JAKOA juga merancang untuk mengadakan sesi konsultasi dengan rakan-rakan sinergi iaitu badan-badan korporat yang mempunyai dana bagi membiayai aktiviti-aktiviti di bawah Pelan Tindakan yang sedang dibentuk. Sesi konsultasi terakhir, pihak JAKOA akan mendapatkan maklumbalas daripada wakil masyarakat Orang Asli yang terdiri daripada Pemimpin Orang Asli (Tok Batin & MPKKOA), Profesional Orang Asli, Belia Orang Asli dan Wanita Orang Asli sebelum Pelan Pembangunan Orang Asli Nasional diangkat untuk kelulusan Jemaah Menteri. Pihak JAKOA menetapkan Pelan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Nasional ini dapat dilaksanakan dalam tempoh RMKe-12 (2021-2025)

Selain itu juga, pada 12 Jun 2019, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Isu-isu Masyarakat Minoriti (JKMIMM) yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri. Pada peringkat permulaan, Jawatankuasa ini akan memberi keutamaan bagi penyelesaian isu-isu berkaitan masyarakat Orang Asli bagi meningkatkan tahap sosioekonomi dan kualiti hidup.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI
BINTI SAMSUDIN [MASJID TANAH]**

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 91

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak Kementerian untuk memastikan lori-lori muatan berat ini mematuhi had barang yang dibawa dan tidak membahayakan pengguna jalan raya yang lain.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah melaksanakan pelbagai bentuk operasi untuk memastikan pengguna jalan raya, kenderaan yang digunakan dan persekitaran jalan raya sentiasa selamat untuk digunakan.
2. Pihak JPJ telah menjalankan operasi penguatkuasaan berdasarkan kepada Pelan Tindakan Penguatkuasaan (PTP) 2019 bagi memastikan kelancaran dan keberkesanan operasi penguatkuasaan. Salah satu daripada konsep yang dipraktikkan di bawah PTP 2019 adalah *to protect*, iaitu:
 - i. Memberi keselesaan kepada pengguna jalan raya dan memastikan keselamatan pengguna semasa menggunakan jalan raya.
 - ii. Memastikan penguatkuasaan kepada sistem pengangkutan jalan yang selamat dan efektif.
3. Berpandukan PTP 2019, JPJ telah melaksanakan penguatkuasaan yang berfokus dan terancang bagi Kenderaan Perkhidmatan Barangan melalui beberapa jenis OPS yang berikut:
 - i. **Ops Tutup**
Fokus kesalahan Kenderaan Barangan Membawa Lebih Muatan
 - ii. **Ops Tutup Lebuhraya**
Fokus tindakan kepada Kenderaan Perkhidmatan Barangan yang Membawa Lebih Muatan dan kesalahan-kesalahan Teknikal bersama pihak PDRM dan konsesi lebuhraya.

iii. **Ops Roda**

Mengambil tindakan kepada Kenderaan Perkhidmatan Barang yang menggunakan tayar celup tanpa patuhi standard piawaian secara sekatan jalan raya (SJR) dengan kerjasama dari bahagian Kejuruteraan automotif dan konsesi lebuhraya di plaza-plaza tol atau Stesen-stesen Penguatkuasa (SPK).

4. Melalui operasi dan rondaan yang dijalankan, pihak JPJ telah mengambil tindakan terhadap pengendali dan pemandu lori yang melakukan kesalahan membawa muatan secara berbahaya. Pada tahun 2017 sebanyak 44,600 kes telah direkodkan, pada tahun 2018 sebanyak 32,816 kes dan pada tahun ini, sehingga 31 Mei 2019 sebanyak 13,452 kes telah direkodkan bagi kesalahan membawa muatan secara marabahaya.
5. Manakala bagi kesalahan Membawa Muatan Lebih daripada had yang dibenarkan, pihak JPJ telah menguatkuasakan tiga (3) jenis Akta iaitu Akta Pengangkutan Jalan 1987(Akta 333), Akta Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334) dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715). Pada tahun 2017, pihak JPJ telah mengeluarkan sebanyak 89,880 notis (saman) kesalahan, pada tahun 2019 sebanyak 73,115 notis (saman) kesalahan dan pada tahun ini, sehingga 31 Mei 2019 sebanyak 24,133 notis (saman) bagi kesalahan membawa muatan lebih daripada had yang dibenarkan.
6. Walau bagaimanapun, pihak JPJ juga memerlukan sokongan dan kerjasama daripada pihak berkaitan seperti Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah dan Galian Negeri (PTG) bagi memastikan Kenderaan Perkhidmatan Barang ini dapat mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan. Pihak industri, iaitu pengendali-pengendali Perkhidmatan Kenderaan Barang juga haruslah memainkan peranan dalam memastikan pemandu-pemandu mereka mematuhi undang-undang jalan raya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA , PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD NASIR
[JOHOR BAHRU]**

TARIKH : 10 JULAI 2018 (RABU)

SOALAN

Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- a) langkah-langkah yang telah diambil oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) bagi memenuhi kembali syarat Suratcara Ikatan Amanah; dan
- b) perkembangan tindakan undang-undang terhadap pihak yang didapati telah melanggar peraturan penubuhan AIM.

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) telah diperbadankan dibawah Akta Pemegang (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] pada 20 Oktober 1988 melalui Surat Ikatan Amanah asal bertarikh 17 September 1987. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) belum mengemukakan permohonan rasmi untuk meminda Surat Ikatan Amanah asal bagi tujuan memastikan kandungan Surat Ikatan Amanah memenuhi peruntukan Akta 258 serta polisi dalaman Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU).

2. Keperluan pindaan Surat Ikatan Amanah asal akan membolehkan tadbir urus AIM yang lebih efektif dan teratur selaras dengan prinsip *good governance* sekaligus mengelakkan kebarangkalian Menteri melalui seksyen 17(1)(c) Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] **menggantung Sijil Pemerbadanan AIM** sekiranya Yayasan didapati telah melaksanakan aktiviti/program yang bercanggah dengan objektif sebagaimana dinyatakan melalui Surat Ikatan Amanah asal dan Surat Ikatan Amanah seterusnya.
3. Dalam hal ini, Lembaga Pemegang Amanah AIM telah dinasihatkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia untuk melantik wakil-wakil Kerajaan sebagai sebahagian daripada ahli Lembaga Pemegang Amanah AIM yang baharu dan dalam konteks ini, syor berkenaan adalah selaras dengan aspirasi Kerajaan mewujudkan semak dan imbang (*check and balance*) bagi memastikan pengurusan AIM yang lebih teratur.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Sehingga hari ini, tiada mana-mana pihak yang dituduh secara rasmi atau disabitkan dibawah mana-mana perundangan sedia ada diatas kesalahan melanggar peraturan penubuhan AIM. Oleh yang demikian, tiada sebarang tindakan undang-undang yang diambil terhadap pihak yang didapati melanggar peraturan penubuhan AIM. Walau bagaimanapun, pemantauan dan *off-site supervision* akan sentiasa dilaksanakan dari masa ke semasa bagi memastikan Lembaga Pemegang Amanah AIM yang baharu patuh dan akur terhadap kandungan Surat Ikatan Amanah sedia ada selain sentiasa mengaplikasikan aspek tadbir urus yang baik dalam menguruskan AIM. Keadaan ini akan meminimumkan risiko dana AIM disalah guna bagi kepentingan pihak tertentu dan bukan untuk manfaat masyarakat yang memerlukan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI
MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

NO. SOALAN 93

DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah punca gangguan bekalan air di negeri Selangor dan nyatakan apakah langkah dan strategi Kementerian bagi membendung masalah gangguan bekalan air berskala besar di negeri Selangor di masa hadapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Gangguan bekalan air boleh berlaku atas sebab-sebab berikut:

- i. Pengurangan atau pemberhentian bekalan air tanpa dirancang yang disebabkan oleh faktor di luar kawalan operator air seperti pencemaran bau di Sungai Semenyih yang menjadi sumber air mentah Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dan kejadian paip pecah di tapak Projek Pembinaan Lebuh Raya *West Coast Expressway (WCE)* Banting – Taiping di Klang; dan
- ii. Pengurangan atau pemberhentian bekalan air yang dilakukan secara dirancang oleh operator air bagi menjalankan kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan atau pengubahan sistem bekalan air.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Antara langkah-langkah yang diambil bagi mengelakkan berlakunya gangguan bekalan air termasuk:
 - i. pembinaan dua (2) buah loji rawatan air (LRA) baharu iaitu LRA Semenyih 2 (100 JLH) dan LRA Labohan Dagang (200 JLH) di Daerah Kuala Langat yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor. LRA Semenyih 2 telahpun beroperasi sejak bulan Mac 2019 manakala LRA Labohan Dagang telah siap dan telah dirasmikan pada 25 Jun 2019;
 - ii. pembinaan LRA Langat 2 dan sistem agihan sedang giat dilaksanakan. Loji tersebut dijangka akan membekalkan bekalan air sebanyak 325 JLH pada sukuan ketiga tahun 2019;
 - iii. penyediaan tangki-tangki perkhidmatan bagi memastikan bekalan air bersih tidak berkurangan ketika berlakunya gangguan bekalan air;
 - iv. pelaksanaan Program Pengurangan NRW Kebangsaan (2008 – 2020); dan
 - v. pengurusan permintaan air (*Water Demand Management*) seperti berikut:
 - a. Penggunaan produk cekap air secara mandatori;

- b. Penggalakan penggunaan label produk cekap air melalui pelabelan;
- c. Penguatkuasaan secara intensif bagi mencegah kecurian air; dan
- d. Menjalankan kempen kesedaran pengguna.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO'SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI
BIN TUANKU JAAFAR [SANTUBONG]**

TARIKH : 10 JULAI 2019

SOALAN

Dato'Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan Kerajaan untuk menswastakan agensi-agensi Kerajaan untuk mengurangkan anggota perkhidmatan awam dan sudahkah agensi-agensi tersebut dikenalpasti serta senarainya.

JAWAPAN: **YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK**
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan berhasrat untuk menswastakan agensi-agensi Kerajaan yang berpotensi untuk menjana sumber pendapatan sendiri secara mampan dan tidak lagi bergantung kepada dana Kerajaan. Walau bagaimanapun, tujuan utama penswastaan agensi Kerajaan bukanlah untuk mengurangkan anggota perkhidmatan awam tetapi sebagai salah satu kaedah kawalan saiz perkhidmatan awam.

Kawalan saiz perkhidmatan awam ini dilaksanakan melalui pelbagai kaedah. Antaranya kajian pertindihan fungsi antara jabatan/agensi, rasionalisasi perjawatan, pengoptimuman sumber manusia, serah urus fungsi (*outsourcing*), penyampaian perkhidmatan alternatif (*Alternative Service*

SOALAN NO. 94

Delivery), penswastaan, gabungan teknologi dan pengisian jawatan secara berhemah mengikut keperluan.

Kerajaan telah memperkenalkan Dasar Penswastaan pada tahun 1983 bagi meningkatkan peranan pihak swasta dalam pembangunan negara. Melalui dasar ini, Kerajaan telah berjaya mengurangkan bebanan kewangannya, mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, menggalakkan pertumbuhan ekonomi serta mengagihkan sumber secara cekap dan berkesan.

Kerajaan telah mengenal pasti dan mengemukakan cadangan awal agensi-agensi Kerajaan yang berpotensi untuk diswastakan. Walau bagaimanapun, perkara ini perlu dikaji secara terperinci dengan mengambil kira implikasi terhadap semua aspek yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI DR. SANTHARA [SEGAMAT]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 95

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan lebih lanjut sejauh manakah prinsip keterbukaan dan ketelusan yang diamalkan oleh Kerajaan mampu menjamin perkembangan Negara dan khususnya rakyat dari pelbagai latar belakang secara inklusif, oleh Kerajaan PH akan menjamin perkembangan ekonomi negara, keselamatan rakyat (*public order*) dan perkembangan sosial serta memastikan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia akan terjamin.

JAWAPAN : **YB DATUK LIEW VUI KEONG**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG & HAL EHWAL PARLIMEN)

Yang di-Pertua,

Kerajaan akan memastikan keterlibatan segenap lapisan rakyat dan ketelusan dalam urus tadbir negara sebagai asas kepimpinan di bawah Malaysia Baharu demi menjadikan negara ini terus gemilang serta dihormati di persada antarabangsa. Teras-teras kejayaan negara harus sentiasa dipelihara dan dilindungi berpaksikan kepada prinsip-prinsip Rukun Negara. Teras kejayaan negara berasaskan kepada kedamaian, kesejahteraan, perpaduan, kesetiaan kepada raja dan negara, semangat penerimaan tinggi dan semangat patriotisme jitu perlu dipelihara dan dimantapkan secara berterusan dalam kalangan rakyat negara ini.

Kerajaan meraikan prinsip keterbukaan dan ketelusan dalam pelbagai aspek. Walau bagaimanapun, adalah penting prinsip keterbukaan dan ketelusan diamalkan dalam lingkungan undang-undang dan norma kehidupan bermasyarakat. Pada masa yang sama, agensi-agensi penguat kuasa juga akan bertindak tegas ke atas individu berdasarkan undang-undang sedia sekiranya mereka memanipulasikan prinsip keterbukaan yang diberikan sehingga mencetuskan sentimen perkauman.

Selaras dengan laporan prestasi yang telah dicapai dalam tempoh 2016-2017 dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kerajaan telah menggariskan dasar serta strategi sosio-ekonomi yang dijajarkan semula melalui Kajian Semula Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11) untuk tempoh 2018-2020 dengan mengambil kira keutamaan fokus Kerajaan selari dengan hasrat Malaysia Baharu. Ini menunjukkan komitmen Kerajaan untuk menambah baik ketelusan dalam tadbir urus negara dalam memastikan kesejahteraan rakyat terpelihara dan kemakmuran negara terjamin.

Bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat, Kerajaan secara telus telah menetapkan sasaran untuk meningkatkan taraf dan kualiti hidup rakyat tanpa mengira latar belakang sosio-ekonomi dan lokasi geografi. Dalam hal ini, tumpuan diberi untuk meningkatkan penjagaan kesihatan yang berkualiti, menyediakan perumahan mampu milik, melaksanakan pelbagai program pencegahan jenayah, memupuk kesepaduan sosial dan perpaduan nasional serta menggalakkan gaya hidup aktif merentasi semua lapisan masyarakat tanpa meminggirkan mana-mana golongan minoriti.

Justeru, projek pembangunan sosio-ekonomi berimpak tinggi akan diteruskan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat terutamanya golongan terpinggir dan tertinggal dalam arus perdana selama ini. Selain itu, jurang pembangunan yang masih wujud antara negeri akan dikurangkan dengan memberi penekanan yang lebih besar kepada negeri yang kurang membangun, terutamanya Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis walaupun pucuk pentadbiran di peringkat negeri dan persekutuan mempunyai kecenderungan politik yang berbeza. Langkah ini adalah bagi memastikan pertumbuhan

wilayah yang lebih seimbang sejajar dengan prinsip keterbukaan dan ketelusan kerajaan untuk memastikan semua golongan rakyat dapat menikmati kekayaan negara secara adil dan saksama. Lebih banyak inisiatif juga akan dilaksanakan untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli rakyat, khususnya isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40) merentasi semua kaum dan agama.

Bagi mengurangkan jurang pendapatan rakyat, Kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli isi rumah B40 bagi menambah baik kualiti hidup dan daya tahan serta mengurangkan jurang ketidaksamarataan pendapatan secara keseluruhan. Dalam hal ini, program peningkatan pendapatan serta penyediaan keperluan asas akan terus diberikan kepada kumpulan isi rumah miskin dan berpendapatan rendah. Usaha juga akan dipergiatkan bagi meningkatkan kapasiti dan keupayaan isi rumah B40 untuk menambah baik kebolehpasaran dan produktiviti serta menggalakkan kegiatan keusahawanan melalui inisiatif utama seperti meningkatkan akses kepada pendidikan dan latihan kemahiran yang berkualiti pada semua peringkat, menyediakan program pembangunan keusahawanan yang menyeluruh dan bersepadu serta menggalakkan penerimangunaan teknologi moden dan amalan terbaik.

Pelaksanaan pembangunan inklusif akan diperkuuhkan bagi meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat Malaysia dengan menyediakan peluang yang saksama bagi membolehkan rakyat turut serta dan mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial. Sementara itu, usaha akan terus dipergiatkan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat tanpa mengira latar belakang keturunan, kaum dan agama mereka atas amalan prinsip keterbukaan dan ketelusan. Antara usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan ke arah ini adalah dengan penganjuran Konvensyen Orang Asli Kebangsaan buat pertama kalinya pada 22 April 2019 bagi mengenalpasti dan merungkai isu dan masalah yang dihadapi oleh komuniti ini agar tanggungjawab memaju, menaik taraf serta menjaga kepentingan masyarakat Orang Asli dapat dilaksanakan secara berkesan walaupun komuniti ini merupakan salah satu kumpulan minoriti di negara ini.

Dari aspek perkembangan sosialnya pula, kerajaan di atas prinsip keterbukaan telah mengambil langkah permulaan pada tahun ini dengan memberikan cuti tanpa rekod kepada penjawat awam yang berketurunan Siam, Sikh dan Kristian dalam merayakan hari kebesaran masing-masing seperti perayaan Songkran, Vaisakhi, *Good Friday* walaupun perayaan ini hanya disambut oleh golongan minoriti tertentu sahaja. Pada tahun ini, kerajaan juga telah tampil ke depan mengadakan Majlis Sambutan Rumah Terbuka Vaisakhi di peringkat kebangsaan pada bulan Mei 2019 dengan penyertaan pelbagai golongan masyarakat sebagai satu platform untuk meraikan keunikan masyarakat Malaysia. Ini membuktikan komitmen kerajaan Pakatan Harapan dalam memastikan semua golongan masyarakat walaupun kumpulan minoriti dapat menyambut hari kebesaran kaum masing-masing dengan penuh kesyukuran dan dalam suasana yang selesa dan harmoni.

Walau bagaimanapun, masih terdapat isu dan cabaran yang perlu ditangani oleh kerajaan seperti peningkatan beban penyakit, kemampuan memiliki rumah dan trend jenayah yang sentiasa berubah. Pelaksanaan strategi akan terus diperkuatkan dengan pengenalan inisiatif dan keutamaan baharu dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat sebagai langkah ke hadapan.

Kerajaan akan memastikan bahawa manfaat dari perkembangan ekonomi negara, perkembangan sosial dan keselamatan rakyat akan dapat dinikmati oleh semua golongan agar dapat menjamin semangat perpaduan terus utuh dalam kalangan rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
[TEBRAU]**

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 96

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan statistik yang menunjukkan status pertumbuhan ekonomi dan menyebut apa sebabnya ekonomi berada dalam tahap sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keluaran dalam negeri kasar (KDNK) Malaysia berkembang pada kadar 4.7% pada tahun 2018 dan menyederhana kepada 4.5% pada suku pertama 2019. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan ini masih dalam lingkungan sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2019, iaitu antara 4.3% hingga 4.8%.
2. Senario ini, antara lain disebabkan oleh faktor luaran yang semakin mencabar. Antara cabaran tersebut ialah pertumbuhan ekonomi dan perdagangan global yang rendah disebabkan ketidakpastian dasar monetari negara maju, jangkaan pertumbuhan ekonomi China dan negara Asia lain yang lebih perlahan serta harga komoditi yang tidak menentu. Jangkaan kelembapan ekonomi negara turut mengambil kira tempias perang dagang (trade war) antara Amerika Syarikat dan China yang masih berterusan.

3. *Trade war* di antara Amerika Syarikat dan China memberi kesan negatif kepada dagangan dunia. Ini turut memberi kesan kepada Malaysia memandangkan kedua-dua negara tersebut merupakan rakan dagang utama negara.
4. Walaupun Malaysia akan terkesan berikutan situasi tersebut, permintaan domestik terus menjadi pemacu utama kepada pertumbuhan negara. Usaha terus dikekalkan untuk menjana pertumbuhan ekonomi domestik terutamanya di dalam mempromosikan aktiviti pelaburan dan permintaan penggunaan.
5. Statisitik terkini pertumbuhan pada suku pertama 2019 telah didorong oleh aktiviti ekonomi domestik, terutamanya perbelanjaan penggunaan swasta yang meningkat sebanyak 7.6% ekoran pasaran buruh dan kadar upah yang kekal stabil. Kadar pengangguran terus berada pada tahap guna tenaga penuh, iaitu 3.3% pada suku pertama 2019. Manakala kedudukan inflasi juga terus terkawal, iaitu pada kadar -0.3% dan *Foreign Direct Investment (FDI)* bersih bagi suku pertama telah melonjak kepada RM21.7 bilion berbanding RM12.9 bilion pada suku sebelumnya.
6. Kerajaan yakin bahawa kesan penyerdahanaan pertumbuhan ekonomi buat masa ini adalah bersifat sementara. Usaha-usaha bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi akan terus dilaksanakan oleh Kerajaan demi memastikan Malaysia kekal di landasan pertumbuhan ekonomi positif ke arah mencapai sasaran sebagai sebuah negara maju, inklusif dan berdaya tahan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA , PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO**
[BATU KAWAN]

TARIKH : **10 JULAI 2019**

SOALAN NO. 97

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan telah mengkaji kaitan di antara perbuatan mengekori atau menghendap (stalking) secara berulang, dengan perbuatan jenayah serius, terutama terhadap mangsa wanita yang telah dibunuhan dan apakah usaha untuk menjenayahkan rogol dalam perkahwinan (marital rape) selain daripada peruntukan dalam Kanun Keseksaan

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JPM

1. Pada 30 Mei 2019, saya telah mengadakan mesyuarat bagi membincangkan dasar berhubung keperluan bagi menjadikan kesalahan menghendap sebagai suatu jenayah. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh wakil-wakil daripada Pejabat Peguam Negara, agensi-agensi dan kementerian yang berkaitan serta pertubuhan bukan kerajaan. Berdasarkan mesyuarat tersebut, satu jawatankuasa khas akan ditubuhkan bagi mengkaji cadangan dan mekanisme untuk menjadikan kesalahan menghendap sebagai suatu jenayah di negara ini.
2. Kajian ini adalah terhad kepada keperluan bagi menjadikan kesalahan menghendap sebagai suatu jenayah dan tidak meliputi kaitan menghendap dengan jenayah lain. Pada masa kini, jika berlaku pembunuhan, pertuduhan akan dibuat di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan [Akta 574]. Persoalan sama ada hendak dikaitkan atau tidak dengan kesalahan jenayah menghendap dalam sesuatu pertuduhan membunuh adalah bergantung kepada fakta kes.
3. Berkaitan dengan isu rogol dalam perkahwinan, pada masa kini, terdapat peruntukan undang-undang sedia ada iaitu seksyen 375A Kanun Keseksaan yang digunakan untuk menangani kesalahan suami menyebabkan kecederaan untuk mengadakan persetubuhan dengan isteri. Menurut seksyen 375A Kanun Keseksaan, mana-mana suami yang menyebabkan kecederaan atau ketakutan kematian atau kecederaan kepada isterinya atau mana-mana orang lain untuk mengadakan persetubuhan dengan isterinya boleh dipertuduh dan dikenakan hukuman penjara yang boleh sampai lima tahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan tarikh luput pajakan tanah atas plot tanah terletak antara Bulatan Taman Pertama dan Taman Bilion, berdepan dengan Taman Midah, Jalan Cheras, Kuala Lumpur yang mana dua stesen minyak (Petronas dan Shell) dan dua restoran (McDonald dan KFC) terletak, amaun cukai tanah dan cukai taksiran dan sama ada pemilik telah gagal menjelaskan bayaran-bayaran tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Ahli Yang Berhormat Cheras telah bertanya tentang maklumat pajakan dan cukai 2 plot tanah yang di Jalan Cheras (bertentangan stesyen MRT Taman Midah).

Untuk makluman Yang Berhormat Cheras, butiran pemilikan kedua-dua plot tanah yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

Bil.	No Lot	No Hakmilik	Pemilik Berdaftar	Kegunaan Semasa	Jenis Pegangan
1.	PT 7430	HSD 111856	Yayasan Pendidikan Cheras	i. Shell ii. McDonald	Pajakan 30 Tahun (Berakhir 23 Mei 2036)
2.	PT 9041	HSD 118443	Datuk Bandar Kuala Lumpur	i. Petronas ii. KFC	Pajakan 99 Tahun (Berakhir 26 April 2105)

Mengikut rekod, tiada tunggakan cukai taksiran bagi kedua-dua hartaanah di atas.

Mengikut rekod Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, kadar cukai tanah dan status bayaran cukai tanah bagi kedua-dua hakmilik adalah seperti berikut:

Hakmilik	Amaun Cukai Tanah	Status Cukai Tanah Semasa
HSD111856 PT7430	RM16,685.00	Cukai tanah telah dijelaskan sepenuhnya pada 29 Mei 2019
HSD 118443 PT9041	RM12,790.00	Cukai tanah telah dijelaskan sepenuhnya pada 12 Mac 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 99

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha kemanusiaan jangka panjang bagi pelarian Rohingya, Syria dan Palestin yang berada di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Pada ketika ini, Malaysia bukanlah Negara Ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol Status Pelarian 1967. Justeru, Malaysia tidak tertakluk kepada mana-mana perkara dan peruntukan di dalam kedua-dua instrumen antarabangsa ini. Namun demikian, atas dasar kemanusiaan, pelarian yang memegang kad UNHCR termasuk etnik Rohingya, Myanmar, Syria dan Palestin dibenarkan untuk berada di Malaysia sehingga mereka ditempatkan ke negara ke tiga atau pulang ke negara asal.
2. Pelarian ini juga tidak akan dihantar kembali ke negara asal selari dengan prinsip '*non-refoulement*' melainkan secara sukarela (*voluntary return*) serta boleh mendapat akses kemudahan rawatan di hospital /klinik Kerajaan dengan diberi potongan caj sebanyak 50% daripada kadar yang dikenakan ke atas golongan ekspatriat. Kerajaan juga membenarkan anak-anak pelarian ini untuk mendapat akses kepada kemudahan pendidikan di sekolah swasta yang dikendalikan oleh pihak NGO, komuniti pelarian dan UNHCR.
3. Kerajaan juga tidak menghalang mana-mana orang perseorangan ataupun organisasi awam, swasta ataupun antarabangsa untuk memberi sumbangan kebajikan atau menaja program pendidikan dan kesihatan bagi golongan ini.
4. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa hak-hak dan keistimewaan yang diberikan kepada pelarian ini bukanlah suatu hak yang mutlak. Ia diberikan oleh Kerajaan Malaysia atas dasar kemanusiaan dan berdasarkan '*case by case basis*' selaras dengan perundangan, peraturan dan dasar yang berkuat kuasa. Sekiranya pelarian ini terlibat dalam sebarang aktiviti jenayah, tiada perlindungan akan diberikan kerana mereka juga tertakluk kepada semua undang-undang negara yang berkuat kuasa. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 10 JULAI 2019

SOALAN NO. 100

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan pada lima tahun terkebelakang dan tahun semasa 2019; dan
- (b) Program utama yang telah dinilai sangat berjaya dalam aspek pembangunan bagi meningkat taraf hidup dan kemajuan masyarakat Orang Asli di bawah seliaan JAKOA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan pada lima tahun terkebelakang dan tahun semasa 2019 adalah seperti berikut :

Tahun	Peruntukan kemaskini	Perbelanjaan
2014	109.89 juta	109.61 juta
2015	111.93 juta	109.36 juta
2016	111.78 juta	110.16 juta
2017	118.70 juta	111.22 juta
2018	114.56 juta	106.91 juta
2019	111.89 juta	39.09 juta

Antara program utama yang telah dinilai sangat berjaya dalam aspek pembangunan modal insan bagi meningkat taraf hidup dan kemajuan masyarakat Orang Asli adalah :

- (i) Skim Bantuan Galakan Pendidikan (SBGP) JAKOA kepada murid / pelajar Orang Asli dari peringkat pendidikan awal kanak-kanak sehingga ke peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT). Antara bantuan Kerajaan melalui SBGP ini ialah bantuan wang saku kepada murid Orang Asli, pembiayaan pengangkutan pergi dan balik murid Orang Asli, bantuan pendidikan IPT Dalam Negara dan bantuan intensif kepada calon Program Ijazah Luar Negara (PILN) JAKOA-MARA. Program bantuan SBGP ini telah memberikan peluang kemajuan anak-anak Orang Asli dalam mendapatkan pendidikan seterusnya meningkatkan kualiti hidup mereka dan keluarga menerusi kecemerlangan pendidikan ;
- (ii) Pusat Intelek Pelajar Orang Asli (PIPOA), Rompin, Pahang yang merupakan konsep asrama berpusat yang menggilap potensi akademik dan sahsiah murid-murid Orang Asli di PIPOA sehingga berjaya di dalam pendidikan dan menjadi insan yang berdaya saing dengan murid arus perdana yang lain di negara ini dengan menyambung pengajian di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Maktab Tentera DiRaja (MTD), Institut Perguruan Guru Malaysia (IPGM) dan beberapa Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN
[SEMBRONG]**

TARIKH : 11 JULAI 2019

SOALAN

Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk membantu penjawat awam meringankan bebanan hutang peribadi berikutan jumlah tunggakan hutang setakat Februari 2019 adalah sebanyak RM236 bilion bersamaan 20% jumlah keseluruhan hutang isi rumah dan 17% KDNK.

JAWAPAN: **YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK**
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan maklum dan memandang serius akan perkara yang melibatkan keterhutangan serius di kalangan penjawat awam. Oleh sebab itu, di bawah Peraturan 5 P.U.(A) 395/1993, penjawat awam boleh membuat pekerjaan luar dengan syarat mendapat kelulusan secara bertulis daripada Ketua Jabatan. Selain itu, Kerajaan turut melaksanakan pelbagai inisiatif dan perkhidmatan melalui agensi-agensi Kerajaan seperti menyelaraskan semula pembayaran hutang oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan penangguhan atau penyelarasan semula jadual pembayaran pinjaman pelajaran PTPTN untuk Penjawat awam bergaji di bawah RM 2,000 oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

SOALAN NO. 101

Program “*Knowledge Transfer* atau *Training of Trainers* (ToT) AKPK” telah diperkenalkan kepada 70 orang pegawai JPA. Melalui program ToT ini, pegawai-pegawai berkenaan telah dilatih oleh AKPK bagi memudahkan mereka mengenal pasti dan membantu penjawat awam diperingkat akar umbi yang terlibat dalam permasalahan kewangan ini. Sekiranya perlu, juru kaunselor JPA akan merujuk mana-mana penjawat awam terbabit kepada AKPK melalui Program Pengurusan Kredit (PPK) untuk tujuan penstrukturkan semula pinjaman mereka.

Lanjutan daripada program ToT tersebut, AKPK telah membangunkan suatu program khas bersama Kementerian Pendidikan Malaysia yang dikenali sebagai **Program Mencari Ketenangan**. Program satu hari ini menasarkan perkongsian maklumat tentang pentingnya kesedaran dan penguasaan ilmu pengurusan kewangan yang baik dikalangan peserta. Melalui program ini juga, peserta berpeluang untuk mendapatkan khidmat nasihat kewangan terus melalui juru kaunselor AKPK bagi membincangkan kedudukan kewangan mereka dan seterusnya menimbangkan pilihan untuk menyertai program PPK AKPK yang di tawarkan secara percuma. Program Mencari Ketenangan 2017 telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan telah dihadiri oleh penjawat awam KPM dan PPD negeri seperti berikut:

- I. **1,523** penjawat awam telah menghadiri program 1 hari Mencari Ketenangan;
- II. **1,013** penjawat awam telah menghadiri Program Kaunseling; dan
- III. **623** penjawat awam telah berjaya mendaftar dalam PPK

Secara keseluruhannya, peserta yang telah mengikuti program di atas telah berjaya menguruskan kewangan mereka dengan lebih teratur serta mengurangkan komitmen hutang mereka yang telah melebihi 60% sebelum ini melalui skim potongan gaji (jika dibandingkan sebelum menyertai program PPK AKPK).

SOALAN NO. 101

Selain KPM, kementerian dan jabatan lain yang turut mengambil program mencari ketenangan secara meluas melalui kerjasama Unit Integriti dan Unit Latihan ialah:

- I. Jabatan Imigresen Malaysia
- II. Agensi Antidadah Malaysia
- III. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- IV. Kementerian Kesihatan Malaysia
- V. Jabatan Pendaftara Negara
- VI. Unit Zakat – UKM
- VII. Jabatan Perdana Menteri
- VIII. Kementerian Luar Negeri
- IX. Jabatan Penjara
- X. Lembaga Getah Malaysia
- XI. Jabatan Perkhidmatan Kuarantin (MAQIS)

Dalam langkah membendung masalah keberhutangan, AKPK secara agresif telah membangunkan beberapa program dan kerjasama dengan beberapa kementerian / agensi khusus untuk membantu mereka memantapkan kesejahteraan kewangan agar mereka tidak terjerat dengan masalah keberhutangan yang membebankan, ini termasuk:

- I. Jabatan Insolvensi Malaysia
- II. Kementerian Pendidikan – Klinik kewangan seluruh negara
- III. Kementerian Kewangan – *roadshow Jelajah Bijak Wang*
- IV. Jabatan Tenaga Kerja – PPK untuk pekerja yang diberhentikan
- V. PERKESO – ‘*Social Synergy project*’ dengan Giat Mara, AIM, MDEC, JTK, Zakat Selangor
- VI. KWAP – Applikasi ‘MyPesara’
- VII. LPPKN – modul khas untuk wanita dan keluarga

SOALAN NO. 101

- VIII. MARA – ‘*focus group, training of trainers*’, pendidikan kewangan & PPK untuk warga MARA
- IX. KWSP – modul bersama #DemiEsok
- X. MCMC/Finas – PSA videos
- XI. JAKIM – membangun modul kewangan untuk pra & pasca perkahwinan
- XII. Zakat Selangor – pembayaran/pengurangan pinjaman dalam PPK untuk golongan asnaf

AKPK juga telah membangunkan program khas mengikut “*Life Stages – Tertiari*”, Pemulaan Kerjaya, Permulaan dan membina keluarga, Persaraan dan mempunyai 4 tahap modul berikut iaitu Aliran Tunai, Asas Meminjam, Membina Kekayaan dan Persaraan untuk membantu gologan sasaran termasuk penjawat awam bagi meringankan bebanan hutang peribadi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN
MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU]**

TARIKH : 10 JULAI 2019

SOALAN : 102

Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah terdapat keperluan untuk menetapkan had gaji atau pampasan yang diterima oleh pengarah-pengarah Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) bagi memastikan pengagihankekayaan syarikat yang lebih adil antara pekerja dan pengurus atasan.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Secara amnya, Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) menetapkan gaji dan saraan yang kompetitif kepada para pekerja masing-masing berbanding sektor swasta. Selain itu, GLC juga mendahului syarikat-syarikat swasta dalam pelaksanaan had minimum persaraan dan penetapan gaji minimum dalam kalangan tenaga kerjanya.

Selain itu, bagi pelantikan pengurusan kanan pula, GLC menyediakan pakej saraan yang sepadan dengan tanggungjawab serta kepakaran yang dimiliki oleh kakitangan berkenaan, tanpa menjaskan kebajikan kakitangan lain dalam syarikat tersebut.

Sehubungan itu, keutamaan diberikan oleh GLC untuk mengimbangi keperluan untuk menyediakan pakej saraan yang berpatutan dan kompetitif untuk semua kakitangannya. Seterusnya semua kakitangan GLC akan turut diberi ganjaran yang adil dan setimpal berdasarkan prestasi kerja masing-masing.

Tambahan pula, selain daripada gaji dan saraan, kakitangan GLC turut menerima pelbagai manfaat bukan-kewangan yang secara tidak langsung menyumbang kepada pemerkasaan dan pembangunan kakitangan, khususnya kakitangan peringkat bawahan dan pertengahan untuk mereka terus memperbaiki diri dan terus naik dalam syarikat masing-masing.

Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh GLC termasuk menyediakan pelbagai program latihan dan pembangunan, pendedahan menerusi tugas, dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. : 103

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN
[KENINGAU]**

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. : 103

YB DATUK DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN Minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan bolehkah Kerajaan membenarkan penanaman *hemp* secara dalam keadaan terkawal serta kajian minyak *hemp* untuk penggunaan perubatan secara terkawal. Jika boleh, apakah syarat-syaratnya?

SOALAN NO. : 103

JAWAPAN:

Yang di-Pertua,

Mengikut Akta Dadah Berbahaya 1952, penanaman *Cannabis sativa* atau hemp adalah dilarang dan tidak dibenarkan kecuali untuk tujuan penyelidikan. Sebelum hemp boleh ditanam untuk tujuan industri mahupun perubatan, kajian yang terperinci perlu dilaksanakan terlebih dahulu. Kajian tersebut perlu mengambil kira pelbagai faktor termasuk ekonomi, sosial, dan keselamatan. Bagi mengelakkan sebarang penyalahgunaan hemp yang boleh meningkatkan gelaja penagihan dadah, aspek kawalan dan pemantauan dari segi perundangan dan keselamatan perlu diberi perhatian. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan serta agensi-agensi berkepentingan lain sedang mengkaji potensi penanaman hemp di Malaysia. Kajian ini akan mengambil masa sekurang-kurangnya 2 tahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 10 JULAI 2019

SOALAN : 104

Tuan Pang Hok Liong [LABIS] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- a) jumlah elauan dan peruntukan diraja tahunan untuk DYMM Seri Paduka Yang DiPertuan Agong, dengan pecahan terperinci; dan
- b) kos penyelenggaraan tahunan bagi setiap istana negara, dengan pecahan terperinci.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah elauan dan peruntukan diraja tahunan untuk DYMM Seri Paduka Yang DiPertuan Agong adalah seperti mana yang diperuntukkan di bawah Akta Peruntukan Diraja 1982 (Akta 269) sehingga pindaan terakhir pada tahun 2002 iaitu sebanyak RM5,075,232.00 setahun.

Kos penyelenggaraan tahunan bagi Istana Negara adalah sebanyak RM60 juta setahun manakala kos penyelenggaraan Istana Melawati adalah sebanyak RM14,720,419.60 untuk tempoh 3 tahun. Skop kerja penyelenggaraan ini adalah merangkumi kerja-kerja penambahbaikan, penyelenggaraan sivil, pengemasan, servis kawalan serangga, servis mekanikal, servis elektrikal, dan juga servis landskap. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI HJ. ABDUL HADI BIN AWANG
(MARANG)**

TARIKH : 10 JULAI 2019

SOALAN NO. 105

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk memastikan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) memberi manfaat kepada tenaga buruh tempatan dan berapakah kuota diberikan kepada kontraktor Bumiputera dalam kerja awam projek mega ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang ditambahbaik berdasarkan Perjanjian Tambahan atau *Supplementary Agreement (SA)* yang ditandatangani oleh Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL), sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan Diperbadankan dan kontraktor utama, China Communications Construction Company Ltd (CCCC) pada 12hb April 2019 akan menawarkan perkhidmatan pengangkutan penumpang dan kargo dari Kota Bharu ke Pelabuhan Klang. Projek ECRL ini bakal menghubungkan negeri-negeri pantai timur Kelantan, Terengganu, Pahang dengan Negeri Sembilan, Selangor dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Secara tidak langsung, ianya bakal merangsang pertumbuhan ekonomi di sepanjang koridor jajaran ECRL dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan baru.

2. Pelaksanaan projek ECRL dilihat mampu memberi manfaat secara langsung kepada rakyat terutamanya komuniti yang tinggal berdekatan dengan jajaran projek termasuklah para usahawan industri kecil dan sederhana serta kontraktor-kontraktor tempatan. Dari aspek sosio-ekonomi, projek nasional ini berkeupayaan membuka banyak peluang pekerjaan secara langsung dan tidak langsung kepada penduduk setempat. Hasil pendapatan para usahawan perniagaan industri kecil dan sederhana dalam sektor pemakanan, peruncitan dan pembuatan di kawasan yang terlibat juga dijangka akan melonjak naik. Begitu juga dengan produktiviti dalam sektor pembinaan, perhotelan, perdagangan dan industri logistik yang bakal menjana hasil pendapatan yang positif dan memberangsangkan.
3. Projek ECRL memberi penekanan dalam pengambilan tenaga kerja tempatan untuk terlibat secara langsung dengan rekabentuk dan pembinaan. Bagi tujuan ini, pihak MRL dan kontraktor utama, CCCC memberi peluang secara berterusan kepada tenaga kerja mahir dan separa mahir dalam beberapa sektor utama seperti pengurusan projek, konsultansi dan subkontraktor. Penglibatan graduan dari institut pengajian tinggi awam dan swasta dalam Projek ECRL turut dititikberatkan oleh pihak pengurusan MRL dan CCCC sebagai salah satu langkah menjadikan belia Malaysia berkemahiran dalam industri rel.
4. Syarikat pembinaan Malaysia di seluruh negara telah diberikan peluang mendapatkan sebahagian daripada 40 peratus kerja-kerja sivil daripada projek ECRL berikutan tamatnya program pendaftaran Pra-Kelayakan untuk mengenalpasti subkontraktor berpotensi. Sejumlah 1,321 penyertaan daripada syarikat-syarikat berdaftar CIDB telah diterima oleh kontraktor utama projek ECRL, China Communications Construction Company Ltd (CCCC) semasa program Pra-Kelayakan pada 29hb dan 30hb Mei 2019.

NO. SOALAN: 105

5. Penyertaan syarikat pembinaan gred G7 CIDB mendahului gred-gred lain dengan penyertaan sebanyak 859 syarikat atau 65.0 peratus dari jumlah keseluruhan pendaftaran. Ini diikuti dengan kategori Gred G5 dengan 134 penyerahan dan kategori Gred G4 dengan 132 penyerahan. Baki terdiri daripada Gred G3 dan Gred G6 dengan 104 penyerahan dan 92 penyerahan masing-masing.
6. Penyertaan Bumiputera di dalam sessi ini juga amat menggalakkan. Program penyerahan dokumen Pra-Kelayakan ECRL yang berlangsung selama 2 hari itu telah merekodkan penyertaan sejumlah 994 syarikat kejuruteraan dan pembinaan Bumiputera yang mewakili 75.25 peratus dari jumlah keseluruhan pendaftaran.
7. Bilangan penyertaan yang menggalakkan dalam program Pra-Kelayakan ini juga secara tidak langsung menzahirkan sokongan berterusan terhadap projek ECRL yang telah ditambahbaik dengan jajaran relnya merentasi bukan sahaja negeri-negeri Pantai Timur Kelantan, Terengganu, dan Pahang malah Negeri Sembilan, Selangor, dan Wilayah Persekutuan Putrajaya juga.
8. Lanjutan dari program Pra-Kelayakan ECRL ini, pihak MRL akan bekerjasama rapat dengan CCCC dalam proses penilaian dan penyenaraian pendek syarikat yang berpotensi menjadi penender bagi pakej kerja sivil ECRL. Keputusan Pra-Kelayakan bagi syarikat-syarikat yang berjaya disenarai pendek pula akan dimaklum secara bertulis oleh CCCC.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI DR. SANTHARA [SEGAMAT]

TARIKH : 10 JULAI 2019

SOALAN

Dato' Sri Dr. Santhara [Segamat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah status kuota jawatan penting dalam Syarikat Berkaitan Kerajaan yang bawa maksud Government Linked Companies (GLC) tidak lagi diberikan kepada masyarakat India yang sebelum ini dicadangkan dan diselaraskan melalui Kerajaan sebelum ini mengikut kuota kaum minoriti mahupun kaum tertentu.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Untuk makluman, pelantikan serta pengambilan pekerja dan yang dibuat di Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), termasuk kenaikan pangkat kakitangan, secara amnya dibuat berdasarkan merit, berpandukan pencapaian, pengalaman serta kepakaran yang dimiliki oleh calon atau kakitangan GLC berkenaan.

Amalan ini adalah bagi memastikan GLC, khususnya dalam kalangan syarikat-syarikat yang tersenarai awam, diterajui oleh golongan profesional yang benar-benar layak dan berkemampuan untuk memenuhi matlamat dan sasaran tinggi yang ditetapkan oleh para pemegang saham, termasuk yang mewakili kepentingan Kerajaan.

SOALAN NO. 106

Berpandukan dasar ini juga, secara amnya, GLC tidak menetapkan sebarang kuota berdasarkan kaum mahupun jantina bagi pengisian sebarang jawatan penting. Sehubungan itu, dakwaan yang mengatakan GLC tidak lagi menyediakan kuota bagi masyarakat India menduduki jawatan penting di syarikat adalah tidak berasas dan tidak benar. Tambahan pula, Kerajaan, baik yang terdahulu mahupun sekarang, tidak pernah menetapkan garis panduan atas pelantikan berdasarkan faktor kaum sebagai syarat pengambilan pekerja kepada GLC.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JONATHAN YASIN [RANAU]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 107

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan dengan tepat bilakah rakyat Sabah akan mendapatkan hak mereka ke atas 20% royalti minyak seperti yang dijanjikan di dalam manifesto Pakatan Harapan pada PRU14 yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, persoalan yang dibangkitkan ini merupakan antara perkara yang dibincangkan dalam Jawatankuasa Khas Kabinet (Pemandu) bagi Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.
2. Keahlian Jawatankuasa Khas Kabinet ini merangkumi pelbagai pihak berkepentingan di peringkat Persekutuan dan Negeri termasuk YAB Ketua Menteri Sarawak dan YAB Ketua Menteri Sabah.
3. Mesyuarat pertama yang diadakan pada 17 Disember 2018 antara lain telah bersetuju supaya isu petroleum dibincangkan dalam forum berasingan memandangkan isu ini amat kompleks dan melibatkan banyak pihak berkepentingan yang perlu diberi pertimbangan.

4. Bagi Mesyuarat Pertama Forum Berasingan dengan Kerajaan negeri Sabah pula, pihak BHEUU, JPM sebagai urus setia sedang berhubung dengan Pejabat Ketua Menteri Sabah dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi untuk menetapkan tarikh mesyuarat tersebut.
5. Mesyuarat ini dicadangkan untuk dihadiri oleh pegawai daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA); Kementerian Kewangan Malaysia (MOF); Jabatan Peguam Negara (AGC); dan Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), mewakili Kerajaan Persekutuan.
6. Terma Rujukan (*Term of Reference – TOR*) Forum Berasingan telah dimuktamad dan dipersetujui seperti berikut:-
 - (i) Penyelesaian komersial bersama PETRONAS;
 - (ii) Royalti atau bayaran tunai; dan
 - (iii) Cukai termasuk duti eksport dan cukai jualan.
7. Hasil perbincangan dan syor daripada forum berasingan ini termasuklah yang berkaitan dengan royalti atau bayaran tunai, akan diangkat kepada Jawatankuasa Khas Kabinet (Pemandu) MA63 untuk pertimbangan dan persetujuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN MOHAMED
SAID [KUALA KRAU]**

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 108

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah peranan serta usaha Kementerian bagi memastikan keharmonian dan perpaduan kaum terus terjamin.

JAWAPAN : **YB DATUK LIEW VUI KEONG**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG & HAL EHWAL PARLIMEN)

Yang di-Pertua,

Sebagaimana kita sedia maklum, meskipun Kerajaan baharu telah pun dibentuk melebihi tempoh satu tahun selepas PRU14, masih terdapat desas-desus bahawa Malaysia di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan mendepani pelbagai isu dan insiden yang sukar dijangka rupa bentuknya terutama di dalam mengurus kerumitan masyarakat pelbagai kaum dan agama. Keadaan ini disebabkan oleh tindakan individu-individu yang tidak bertanggungjawab yang dengan sengaja cuba memainkan sentimen perkauman, keagamaan dan isu diskriminasi sehingga mengakibatkan perpecahan kaum dan menjelaskan keharmonian negara.

Kesatuan dan perpaduan rakyat adalah kepentingan bersama yang mesti dipelihara bersama dalam apa juga situasi yang muncul dan berkembang. Masa depan Malaysia sebagai sebuah negara bangsa yang berjaya bergantung sepenuhnya pada keupayaan masyarakatnya berfikiran terbuka, bersikap saling menghormati dan bersatu padu secara harmoni mendepani cabaran baru kehidupan.

Pelbagai inisiatif untuk mengukuhkan perpaduan nasional melalui perancangan Kerajaan telah dilaksanakan secara berterusan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN). Jabatan PERPADUAN telah, sedang dan akan meneruskan pelbagai usaha bagi memperkuatkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia menggunakan pendekatan mendamping dan mendidik (*engage and educate*) melalui pelbagai program dan mekanisme seperti berikut:

- (i) Menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) bagi memperkuatkan perpaduan dan integrasi nasional. Langkah penubuhan MPKR bertujuan mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara moderat yang berjaya menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan berfungsi

sebagai platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama.

- (ii) Melaksanakan perancangan inisiatif dan strategi di bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) yang inklusif merentasi semua kementerian dan agensi kerajaan dengan menetapkan program-program yang spesifik dan konkret untuk menyemarakkan perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan rakyat Malaysia.
- (iii) Memperkasakan kepimpinan 8,197 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara agar peka dan sensitif terhadap isu-isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.
- (iv) Melaksanakan program dan aktiviti mempromosikan persefahaman dan keharmonian dalam kalangan penganut pelbagai agama seperti Sambutan World Interfaith Harmony Week, International Day for Tolerance, Dialog Harmoni dan lain-lain melalui Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA).
- (v) Mencari penyelesaian terhadap isu-isu perkauman dan agama yang boleh menyebabkan perpecahan kaum dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi melalui khidmat 1,130 orang Mediator Komuniti di seluruh negara.
- (vi) Meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara kepada pelajar-pelajar sekolah di 6,628 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan 169 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara.
- (vii) Menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera melalui Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP).

- (viii) Menyemai nilai-nilai murni kepada lebih 35,000 orang kanak-kanak di bawah umur 6 tahun melalui 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara agar mereka dididik mengenai kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat negara ini sejak kecil lagi agar mereka lebih memahami dan menghayatinya apabila dewasa kelak supaya perpaduan masyarakat dan keharmonian negara terus terpelihara.
- (ix) Menyebarluaskan mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian melalui penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGO).
- (x) Menganjurkan program dan aktiviti perpaduan dan kebudayaan pelbagai kaum secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasar seperti kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

Jabatan PERPADUAN selaku agensi peneraju dalam memelihara keharmonian dan memperkuatkannya perpaduan masyarakat pelbagai kaum di negara ini terus komited melaksanakan pelbagai program yang melibatkan anggota komuniti dari pelbagai peringkat umur di negara ini. Pelaksanaan program-program sedemikian akan membuka ruang yang lebih luas kepada rakyat untuk berinteraksi kerana interaksi adalah asas kepada pembentukan perhubungan manusia yang akhirnya akan melahirkan bibit-bibit perpaduan dan rasa kekitaan. Justeru, adalah menjadi harapan kerajaan agar melalui usaha-usaha di atas, semangat perpaduan dapat dipupuk merentasi segenap lapisan masyarakat dengan menerapkan sikap saling menghormati, bertoleransi dan menerima serta menghargai kepelbagaian yang wujud di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN JONATHAN YASIN [RANAU]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 109

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan menyedari bahawa kes-kes warga asing yang melakukan jenayah di pelbagai tempat di negeri Sabah seperti di Ranau menimbulkan kerisauan yang berasas di kalangan rakyat tempatan Sabah dan meminta pelbagai pihak Kementerian menjelaskan apakah langkah-langkah yang telah dibuat bagi mengelakkan perkara ini berterusan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Jenayah berstatus Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) tidak terlepas daripada perundangan negara dan akan menerima hukuman setimpal dengan kesalahan mengikut keputusan mahkamah. Pihak penguatkuasa seperti PDRM telah menjalankan tugas bagi membanteras jenayah tidak mengira status kewarganegaran penjenayah. Pihak PDRM negeri Sabah telah mempertingkatkan usaha membendung isu jenayah di seluruh daerah dengan melaksanakan operasi cegah jenayah di kawasan tumpuan yang melibatkan kehadiran PATI.

2. Bagi pesalah berstatus PATI yang telah tamat hukuman di negeri Sabah, pesalah berkenaan akan ditempatkan di Pusat Tahanan Sementara untuk proses pengusiran ke negara asal.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

NO. SOALAN: 110

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan adakah pihak Kementerian telah menjalankan kajian berkaitan dengan prosedur atau 'Standard Operating Systems (SOP)' baru kepada pihak konsesi semasa menjalankan pembalakan agar dapat mengelakkan masyarakat setempat teraniaya terutamanya masyarakat Orang Asli.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jadual Kesembilan, Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa perkara-perkara berkaitan tanah dan hutan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri juga mempunyai kuasa untuk mengeluarkan lesen mengambil hasil hutan daripada Hutan Simpanan Kekal sebagaimana peruntukan seksyen di bawah Bab 2-Lesen, Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313].

Kuasa Eksekutif Kerajaan Persekutuan dalam perhutanan adalah dalam hal-ehwal berkaitan latihan, kajian serta nasihat teknikal yang dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) bagi tujuan pelaksanaannya.

Pengusahasilan hutan dalam Hutan Simpanan Kekal dilaksanakan berdasarkan kepada *Malaysian Criteria and Indicators for Forest Management Certification (Natural Forest)* yang dikenali sebagai MC&I (*Natural Forest*) di bawah Skim Persijilan Kayu Malaysia (*Malaysian Timber Certification Scheme - MTCS*). Prinsip 3 dan prinsip 4 di bawah MC&I (*Natural Forest*) memastikan aktiviti pembalakan turut mengambil kira hak dan kepentingan Orang Asli supaya tidak terjejas seperti berikut:

- (a) **Prinsip 3** berkaitan dengan hak-hak masyarakat pribumi memperuntukkan bahawa hak menurut perundangan dan adat masyarakat pribumi untuk memiliki, menggunakan serta mengurus

tanah, kawasan dan sumber mereka hendaklah diiktiraf dan dihormati; dan

- (b) **Prinsip 4** berkaitan dengan perhubungan masyarakat dan hak-hak pekerja memperuntukkan bahawa operasi-operasi pengurusan hutan perlu mengekalkan atau meningkatkan kesejahteraan sosial dan ekonomi masyarakat tempatan dan pekerja-pekerja hutan untuk jangka masa panjang.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Seksyen 19 (g), Akta Orang Asli 1954 memperuntukkan kuasa kepada YB Menteri yang bertanggungjawab terhadap Orang Asli untuk mengawal mana-mana penebangan hutan di Kawasan Orang Asli dan Rizab Orang Asli yang telah diwartakan di dalam Akta Orang Asli 1954 bagi memastikan hak-hak dan kepentingan Orang Asli terpelihara.

Sekian, terima kasih.